

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Pendidikan Syariah Islamiah (PSI) merupakan satu daripada mata pelajaran elektif aliran agama yang diajar kepada pelajar tingkatan empat dan lima di sekolah menengah. Sebagai seorang tenaga pengajar mata pelajaran tersebut dan berdasarkan kepada beberapa permasalahan dan persoalan, penulis berpandangan amat wajar dilakukan satu kajian terhadap keberkesanan mata pelajaran tersebut dari aspek pergaulan pelajar itu sendiri. Semoga hasilnya nanti akan memberi manfaat berguna kepada pihak berkenaan bagi membuat apa-apa penambahbaikan dan boleh menjadi panduan kepada pengkajian akan datang khususnya Pendidikan Syariah Islamiah di sekolah.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Islam merupakan agama yang indah. Agama ini telah mengatur kehidupan manusia dengan sebaik mungkin agar kehidupan mereka tidak menjadi porak-peranda dek ketandusan ilmu ketika berhubungan antara lelaki dan perempuan. Atas keprihatinan

ini, Pendidikan Syariah Islamiah diperkenalkan oleh kerajaan dalam sistem pendidikan kebangsaan untuk meningkatkan kefahaman pelajar mengenai konsep pergaulan sebenar antara dua kelompok manusia ini kerana Islam menyarankan kita sebagai manusia agar sentiasa mempelajari dan menambah ilmu agama. Hal ini sesuai dengan firman Allah (s.w.t) :

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قِيلَ لَكُمْ تَفَسَّحُوا فِي الْمَجَالِسِ فَافْسَحُوا يَفْسَحِ اللَّهُ لَكُمْ ^ط
 وَإِذَا قِيلَ آذِنُوا فَآذِنُوا فَآذِنُوا يَرْفَعِ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ ^ع
 وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١١﴾

Al-Mujadalah 58:11

Maksudnya, “Wahai orang-orang Yang beriman! apabila diminta kepada kamu memberi lapang dari tempat duduk kamu (untuk orang lain) maka lapangkanlah seboleh-bolehnya supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kamu. dan apabila diminta kamu bangun maka bangunlah, Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan”

Pada ayat yang lain, Allah (s.w.t.) berfirman :

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً ^ط
 وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُم بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾

Al-Nahl 16:97

Maksudnya, “Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan”

Berdasarkan kedua-dua ayat di atas, Allah (s.w.t.) memerintahkan manusia agar berbuat baik supaya mendapat kehidupan yang baik dan sejahtera di samping mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi kerana ia dipandang mulia oleh Allah (s.w.t.) Para murid diberi ilmu dan kefahaman yang mendalam tentang pelbagai

persoalan dan isu kehidupan yang mencabar. Ilmu-ilmu yang disampaikan akan dijadikan garis panduan dan pedoman oleh mereka dalam mengharungi arus globalisasi. Dengan ilmu tersebut, para pelajar dapat menapis dan mencedok elemen-elemen positif yang sesuai dengan kehendak syariah Islam dan menepis elemen-elemen negatif daripada diari kehidupan mereka.

Allah (s.w.t.) berfirman :

﴿ وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنْفِرُوا كَافَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا
فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ ﴾

Al-Taubah 9:122

Maksudnya, “Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah).

Berdasarkan ayat di atas, dapat difahami bahawa mencari ilmu terutamanya ilmu agama adalah dituntut walaupun ketika perang. Tujuan-tujuan pensyariaan sesuatu hukum diperjelas secara lebih terperinci dan mendalam dalam subjek tersebut.

Hal ini bersesuaian dengan pandangan Imam al-Ghazzali yang menyatakan bahawa matlamat syarak terhadap manusia ialah lima iaitu penjagaan agama, diri, akal, keturunan dan harta sebagaimana tertulis dalam buku beliau seperti:

وَمَقْصُودُ الشَّرْعِ مِنَ الْخَلْقِ خَمْسَةٌ وَهُوَ أَنْ يُحْفَظَ عَلَيْهِمْ دِينُهُمْ وَنَفْسُهُمْ وَعَقْلُهُمْ وَنَسْلُهُمْ
وَمَالُهُمْ¹

¹ Abu Ḥāmid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad al-Ghazālī, (t.t) *al-Mustasfa min ‘Ilm al-Uṣūl*, Beirut : Dār al-Ihya’ al-Turāth al-Arabi. jzk. 1, h. 287.

Jadi, selain pegangan agama, penekanan terhadap akhlak juga amat penting dalam penyediaan masyarakat yang berkualiti dan bersahsiah. Namun, pada hari ini, akhlak pelajar kurang terserlah dalam pergaulan harian mereka. Mereka mula bersikap acuh tak acuh terhadap batas-batas pergaulan yang dianjurkan oleh Islam. Adakah wujud kesan pada pergaulan pelajar setelah mempelajari matapelajaran Pendidikan Syariah Islamiah?

Melihat kepada persoalan ini, penulis terpanggil untuk menjalankan kajian mengenai keberkesanan Pendidikan Syariah Islamiah terhadap pergaulan pelajar di sekolah menengah.

Penulis akan menumpukan kajian kepada tiga tajuk buku teks Pendidikan Syariah Islamiah (PSI) Tingkatan Empat iaitu “memelihara ukhuwwah Islamiah”, “memberi dan menjawab salam” dan “adab pergaulan dalam rumah”. Ketiga-tiga topik tersebut selalu berkisar dalam kehidupan pelajar seharian dan dibincangkan dalam sukatan pelajaran tingkatan empat.

1.3 PENYATAAN MASALAH KAJIAN

Dewasa ini, masalah sosial di kalangan pelajar begitu meruncing. Mereka bukan sahaja terlibat dengan pelanggaran disiplin yang penyelesaiannya dilakukan oleh pihak sekolah seperti merokok dan ponteng sekolah, tetapi juga kesalahan jenayah yang melibatkan polis dan mahkamah seperti merogol dan membunuh². Saban hari akhbar

2 Fatimah Ali. 2007. *Masalah Sosial Pelajar Dan Hubungannya Dengan Kemosotan Pembelajaran* dalam Jurnal Usuluddin(MYAIS), Bil.25, h.145-154.

melaporkan kes pembuangan bayi. Akhbar Utusan Malaysia pada 31 Julai 2010³, umpamanya, mendedahkan bahawa seorang bayi perempuan dalam keadaan berbalut plastik dan surat khabar telah ditinggalkan di kaki lima bangunan kedai manakala pada 12 Ogos 2010⁴, akhbar yang sama iaitu Utusan Malaysia mendedahkan bahawa seorang lagi bayi perempuan telah dijumpai di dalam tong sampah setelah dibuang oleh sepasang remaja di Ayer Keroh, Melaka.

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara⁵.

Pendidikan Syariah Islamiah adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah (s.w.t.) yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat⁶.

³ *Utusan Malaysia*, 31 Julai 2010.

⁴ *Utusan Malaysia*, 12 Ogos 2010.

⁵ Kementerian Pendidikan Malaysia (2000). *Sukatan Pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h.3.

⁶ *Ibid.*h.4.

Seperti yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996, Pendidikan Syariah Islamiah merupakan satu mata pelajaran elektif dari kumpulan IV iaitu kumpulan Pengajian Islam dengan peruntukan empat waktu seminggu⁷. Mata pelajaran ini dikhususkan kepada pelajar tingkatan empat dan lima daripada aliran sastera dan sains tulen yang mempunyai pencapaian akademik yang sederhana dan cemerlang pada peringkat Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Tujuan mata pelajaran ini diperkenalkan adalah untuk mendukung hasrat mulia negara bagi menyediakan pendidikan bertaraf dunia kepada generasi masa kini dan akan datang.

Penyemakan Kurikulum Pendidikan Syariah Islamiah dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)⁸ dilakukan pada tahun 2002 dimana beberapa penambahbaikan telah dilaksanakan atas saranan Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 27 Januari 1999⁹. Ia memberi penekanan kepada nilai murni dan semangat patriotik bagi menyedarkan murid akan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai warganegara maju dan masyarakat berilmu. Murid dididik untuk berfikir, berilmu pengetahuan yang luas, bertataetika tinggi, bijaksana serta dapat menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi secara berkesan. Kurikulum ini diaspirasikan oleh kerajaan agar dapat melahirkan murid yang berkeyakinan dan tabah mengatasi segala rintangan dan cabaran dalam kehidupan.

⁷ Kementerian Pendidikan Malaysia (1997), *Akta Pendidikan 1996: Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) P.U. (A) 531.*

⁸ Kementerian Pendidikan Malaysia (1998), *Sukatan Pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah Bersepadu Sekolah Menengah.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

⁹ Kementerian Pelajaran Malaysia (2002), *Kertas Dasar Semakan Kurikulum Pendidikan Islam.*

Matlamat Pendidikan Syariah Islamiah adalah untuk melahirkan murid yang berilmu, beriman, beramal salih dan bertaqwa¹⁰. Murid yang mengikuti mata pelajaran ini akan dapat membina masyarakat yang beriman, berakhlak mulia, bersyukur, bersefahaman dan bersatu-padu untuk memberi sumbangan terhadap pembangunan dan kesejahteraan negara.

Sehubungan dengan itu, pembelajaran Pendidikan Syariah Islamiah dengan berkesan akan dapat memupuk minat pelajar terhadap mata pelajaran itu sendiri. Namun, kebelakangan ini, banyak pihak beranggapan bahawa berlakunya gejala sosial yang meruncing dan jenayah yang melampau adalah disebabkan oleh pembelajaran Pendidikan Syariah Islamiah yang kurang berkesan. Adakah ianya benar? Atau terdapat faktor lain yang menyebabkan berlakunya pelanggaran akhlak pelajar dalam pergaulan mereka?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

1. Menyelidik pandangan fuqaha' tentang pergaulan dalam Islam
2. Menilai keberkesanan kurikulum Pendidikan Syariah Islamiah terhadap pergaulan para pelajar dalam kehidupan seharian di Kuala Terengganu.
3. Mengkaji sebab-sebab pelanggaran batas pergaulan pelajar sekolah menengah dan kaitannya dengan pembelajaran Pendidikan Syariah Islamiah.

¹⁰ Kementerian Pelajaran Malaysia,(1998). op.cit, h.3.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting kepada beberapa pihak tertentu terutama yang berkait rapat dengan institusi pendidikan di Malaysia. Antaranya ialah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah, institusi pendidikan seperti Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), institut-institut pendidikan guru, dan sekolah-sekolah.

Dari sudut fiqh kajian ini merupakan satu kajian yang amat penting memandangkan ia menyentuh aspek pergaulan lelaki dan wanita seperti pelajar sekolah. Perkara ini merupakan suatu aspek yang amat signifikan dalam penghayatan Syariah Islamiah. Diharapkan agar cadangan-cadangan yang diajukan kelak memberi suntikan idea memperkenalkan pendekatan-pendekatan baru dalam menangani masalah pergaulan bebas para pelajar.

1.6 SKOP / LIMITASI KAJIAN

Kajian ini tertumpu kepada aspek pergaulan pelajar seharian yang berkaitan dengan tiga tajuk subjek Pendidikan Syariah Islamiah Tingkatan Empat iaitu adab pergaulan dalam rumah, memelihara ukhuwwah Islamiah dan memberi serta menjawab salam.

Kajian ini akan dijalankan ke atas 186 orang pelajar tingkatan lima di dua buah sekolah menengah di daerah Kuala Terengganu. Sekolah yang bakal dipilih ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Tok Jiring dan Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) Batu Rakit, Kuala Terengganu, Terengganu. Kedua-dua buah

sekolah ini dipilih oleh penulis kerana pertama, hanya sekolah menengah kebangsaan agama sahaja yang menawarkan subjek Pendidikan Syariah Islamiah kepada ramai pelajar berbanding sekolah menengah kebangsaan biasa yang rata-ratanya cuma mempunyai 1-2 kelas sahaja. Jadi, mempunyai jumlah sampel yang mencukupi akan menjayakan kajian ini. Kedua, kerana sekolah ini merupakan antara sekolah yang unggul dari segi pencapaian akademiknya dan terkenal di Kuala Terengganu.

Pemilihan pelajar tingkatan lima adalah kerana pelajar tersebut sudahpun mempelajari tajuk tersebut semasa di tingkatan empat dan mereka juga sudahpun berpengalaman dan terbiasa dengan aspek pergaulan terbabit dalam kehidupan seharian.

1.7 ULASAN LITERATUR / KAJIAN LEPAS

Tidak banyak kajian lepas menjelaskan tentang pergaulan pelajar sekolah menengah. Namun, Zakaria Stapa menjelaskan bahawa antara faktor yang menyebabkan keruntuhan akhlak ialah pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan¹¹. Profesor Mohd Kamal Hassan menyatakan bahawa bukan sahaja pergaulan bebas malah sistem pendidikan yang terlalu mengejar kecemerlangan akademik juga menyebabkan pelajar hilang nilai akhlak dalam kehidupan seharian mereka¹². Fathiyah Mohd. Fakhruddin dalam disertasi sarjananya mencatatkan daripada 22 item salah laku pelajar, pergaulan bebas merupakan salah laku keempat terbesar selepas perbuatan bising dalam kelas, tidak menyiapkan tugas dan tidak bawa buku. Seramai 216 daripada 248 responden

¹¹ Zakaria Stapa (2001) *Akidah dan Akhlak Dalam Kehidupan Muslim*, Kuala Lumpur : Utusan Publication, h.50-61.

¹² Kamal Hassan (1998) *Peranan Akhlak Dalam Pendidikan*, dalam *Jurnal Pendidikan Islam* (April), h.10.

terlibat dalam pergaulan bebas¹³. Tidak cukup dengan fenomena pembuangan bayi, pergaulan bebas boleh mencetuskan perbuatan negatif yang lain, umpamanya “dating”, menonton cerita lucu, membaca bahan lucu dan mengambil pil khayal. Sekumpulan penyelidik dari Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), pada 2005 telah membuat kajian tentang masalah sosial dalam kalangan pelajar sekolah menengah dan universiti di sekitar Kuala Lumpur. Kajian tersebut melibatkan 300 orang pelajar yang dipilih secara rawak dan hasil kajian mendapati 64 peratus pelajar suka dating, 44 peratus pelajar suka menonton cerita lucu, 24 peratus pelajar suka membaca bahan lucu dan 8 peratus pelajar telah mengambil pil khayal¹⁴. Gejala ini sememangnya amat membimbangkan pelbagai pihak. Jadi amatlah wajar pergaulan yang sihat perlu dititikberatkan di alam persekolahan supaya fenomena tersebut dapat dikawal sebaik mungkin.

Dalam aspek keberkesanan pembelajaran sesuatu kurikulum itu, terdapat beberapa pengkaji Wolfe umpamanya mendapati bahawa keberkesanan pembelajaran pelajar itu berpunca daripada pengaruh rakan sebaya¹⁵. Berbeza pula dengan Rutter yang mendapati tingkahlaku pelajar ada kaitan dengan keberkesanan sekolah¹⁶. Walau bagaimanapun, lain pula dengan dapatan kajian Heyneman dan Loxley¹⁷ yang mendapati bahawa prestasi akademik pelajar ada kaitan rapat dengan latar belakang keluarga pelajar itu sendiri. Pengaruh keluarga didapati lebih kuat berbanding kualiti guru. Hasil kajian AL.Ramaiah dan Janez Volgrinc sebaliknya pula mendapati bahawa

¹³ Fathiyah Mohd. Fakhruddin (2002), *Pembangunan Akhlak Remaja Mengikut al-Quran*, (Disertasi Sarjana Pengajian Islam), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

¹⁴ Dewan Masyarakat, jil. 48, Ogos 2010, h. 35.

¹⁵ Wolfe, B.L.(1977), *Do Schools Make A Difference?*, dalam American Economic Review.

¹⁶ Rutter M.(1979), *Fifteen Thousand Hours*, London : Open Books.

¹⁷ Heyneman S.P. dan Loxley W.A. (1982), *The Effect of Primary School Quality on Academic Achievement Across Twenty Nine High and Low Income Countries*, dalam American Journal of Sociology h.1162.

prestasi akademik pelajar ada hubungkait yang rapat dengan prestasi dan sokongan guru¹⁸. Namun, Johnson, D.W. mendapati bahawa motivasi rakan sebaya atau teman banyak mempengaruhi pembelajaran seseorang pelajar¹⁹. Ragnathan a/l Ayyavoo pula menghubungkan antara masalah disiplin dengan pencapaian akademik pelajar.²⁰ Kajian-kajian di atas banyak membantu penulis dalam penyelidikan yang akan dilaksanakan nanti. Realitinya ialah kajian-kajian tentang tajuk ini masih berkurangan maka wajarlah kajian ini dilakukan.

1.8 METODOLOGI KAJIAN

Pada bahagian metodologi kajian ini, penulis akan menjelaskan rekabentuk kajian, sampel kajian, kaedah pengumpulan data kajian dan kaedah penganalisan data.

1.8.1 Rekabentuk Kajian

Penulis akan memilih bentuk kajian deskriptif yang menggunakan pendekatan tinjauan siasat (survey) untuk melihat dan menilai keberkesanan pembelajaran subjek Pendidikan Syariah Islamiah terhadap pergaulan pelajar di dua buah sekolah menengah di daerah Kuala Terengganu, Terengganu. Rekabentuk kajian ini digunakan kerana difikirkan paling sesuai untuk mendapatkan maklumat data daripada sampel dalam populasi yang besar jumlahnya. Kaedah tinjauan adalah sesuai

¹⁸ AL. Ramaiah (1995), *Penyelidikan Keberkesanan Sekolah : Masalah Konsepsi dan Metodologi*, Kuala Lumpur : Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, h.6, Janez Volgrinc (2009), *Action Research in Schools-An Important Factor*

in Teachers' Professional Development, dalam jurnal Educational Studies, Vol.35, No.1,h.53.

¹⁹ Johnson, D.W (2003), *Co-orarative Learning : The Social and Intellectual Outcomes of Learning in Group*, New York : Routledge Falmer, h.76.

²⁰ Ragnathan A/L Ayyavoo (2000), *Hubungan Antara Masalah Disiplin Dengan Pencapaian Akademik Di Sebuah Sekolah Swasta Di Kuala Lumpur*, Disertasi Sarjana, Kuala Lumpur : Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, h.iv.

digunakan dalam penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku²¹.

1.8.2 Sampel Kajian

Sampel kajian yang dipilih ialah seramai 100 orang pelajar tingkatan lima. Pelajar terbabit dipilih kerana mereka telah mempelajari tajuk-tajuk yang berkaitan dengan kajian di tingkatan empat.

1.8.3 Kaedah Pengumpulan Data

Bagi memastikan proses pengumpulan data dapat dilakukan dengan lebih tersusun dan sistematik. Penulis membuat pengumpulan data dengan berdasarkan beberapa kaedah tertentu, seperti kaedah kajian perpustakaan dan soal selidik.

i. Kaedah Kajian Kepustakaan

Penulis memilih kaedah ini kerana ia mampu membantu dalam memahami isi kajian dan mengambil input-input berguna sebagai rujukan kajian. Dengan meneliti hasil-hasil daripada kaedah kajian perpustakaan ini, penulis memperoleh penjelasan lebih tepat dan mendalam tentang perkara pokok kajian penulis.

Pelaksanaan kaedah kajian ini adalah dengan mendapatkan dokumen berkaitan sama ada dalam bentuk buku, artikel jurnal, kertas kerja persidangan, latihan ilmiah, majalah

²¹ Mohd. Majid Konting. (1998) *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. cet.4, h.96.

dan sebagainya. Antara perpustakaan yang dicadangkan untuk dikunjungi oleh penulis ialah :

- a. Perpustakaan Utama Universiti Malaya
- b. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur dan Nilam Puri, Kelantan
- c. Perpustakaan Utama Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kuala Terengganu
- d. Perpustakaan Negeri Terengganu
- e. Perpustakaan Pusat Islam MAIWP

ii. Kaedah Soal Selidik

Sebelum kajian soal selidik dibuat, satu ujian rintis akan dijalankan oleh penulis ke atas 30 orang pelajar dari sebuah kelas untuk memurnikan soalan kaji selidik dan mendapat kepercayaan item.

Soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya untuk populasi yang besar²². Kaedah ini dijalankan bagi menilai keberkesanan kurikulum subjek Pendidikan Syariah Islamiah terhadap pergaulan pelajar sekolah menengah. Soalan soal selidik adalah berkisar tentang pergaulan pelajar di rumah, memelihara ukhuwwah Islamiah dan

²² Mohd. Majid Konting (1998), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h.202.

memberi serta menjawab salam. Satu set soalan soal selidik untuk dijawab oleh para pelajar akan dikenalpasti dan akan digunakan.

1.8.4 Metodologi Penganalisisan Data

Setelah data-data dikumpul nanti, ia akan dianalisa dengan teliti dan efektif bagi menghasilkan suatu rumusan bagi permasalahan kajian yang dikaji.

Data-data yang diperoleh akan diproses menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS) version 17.0. Dapatan kajian dibenteng dan disusun dalam bentuk jadual. Pembentangan data dibuat secara taburan kekerapan dan peratusan untuk melihat item-item soal selidik.

1.9 PECAHAN / SISTEMATIKA BAB

Penulis akan membahagikan disertasi kepada lima bab seperti berikut:

BAB 1 : PENDAHULUAN

Pada bab pertama ini adalah sebagai bab pengenalan yang memberikan gambaran keseluruhan kajian penulis. Bab pertama ini merangkumi:

1.1 Pengenalan

1.2 Latar Belakang Kajian

1.3 Pernyataan Masalah Kajian

1.4 Objektif Kajian

1.5 Kepentingan Kajian

1.6 Skop / Batasan Kajian

- 1.7 Ulasan Literatur
- 1.8 Metodologi Kajian
- 1.9 Pecahan / Sistematika Bab
- 1.10 Penutup

BAB 2 : KONSEP PENDIDIKAN SYARIAH ISLAMIAH DI SEKOLAH

MENENGAH

- 2.1 Pengenalan
- 2.2 Falsafah Pendidikan Kebangsaan
- 2.3 Falsafah Pendidikan Islam
- 2.4 Matlamat Pendidikan Syariah Islamiah
- 2.5 Objektif Pendidikan Syariah Islamiah
- 2.6 Kandungan Kurikulum Pendidikan Syariah Islamiah
- 2.7 Prinsip-Prinsip Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)
- 2.8 Perbincangan Kajian Dalam Teks Pendidikan Syariah Islamiah Tingkatan Empat
- 2.9 Penutup

BAB 3 : KONSEP UMUM PERGAULAN DALAM ISLAM

- 3.1 Pendahuluan
- 3.2 Definisi Pergaulan
- 3.3 Hukum Pergaulan Dalam Islam
- 3.4 Pembahagian Hukum Pergaulan Dalam Islam
- 3.5 Adab-Adab dan Batas Pergaulan Dalam Islam
 - 3.5.1 Tidak Menggelar Dengan Panggilan Buruk
 - 3.5.2 Memberi Dan Menjawab Salam

3.5.3 Meminta Izin Sebelum Masuk Bilik Ibu Bapa Dan Ahli Keluarga

3.5.4 Tidak Mengumpat Tentang Orang Lain

3.5.5 Adab Berpakaian Dan Batasan Aurat

3.5.6 Hukum Lelaki Menyerupai Wanita Dan Wanita Menyerupai Lelaki

3.5.7 Adab Makan Dan Minum

3.5.8 Hukum Menderhakai Ibu Bapa

3.6 Memelihara Ukhuwwah Islamiah

3.7 Penutup.

BAB 4 : ANALISA DATA DAN DAPATAN KAJIAN

Dalam bab ini, penulis akan melaporkan hasil analisa data dari kajian kuantitatif yang telah dilaksanakan terhadap pelajar di sekolah-sekolah berkenaan.

4.1 Pengenalan

4.2 Analisa Dapatan Kajian

4.2.1 Bahagian A : Analisis Latar belakang Responden.

4.2.2 Bahagian B : Analisa Aspek Kefahaman dan Tahap Penghayatan Tentang Kurikulum Pendidikan Syariah Islamiah (PSI) Serta Alasan Pelanggaran Batas Pergaulan Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kuala Terengganu.

4.3 Penutup

BAB 5 : RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

5.2 Ringkasan kajian

5.3 Rumusan kajian

5.4 Dapatan kajian

5.5 Kesimpulan dapatan kajian

5.6 Saranan kajian : Cadangan – cadangan tertentu dan cetusan idea baru hasil daripada kajian agar tindakan sewajarnya boleh diambil oleh pihak-pihak yang berkenaan

5.7 Cadangan kajian lanjutan.

5.8 Penutup

1.10 PENUTUP

Sebagai kesimpulan, pembelajaran dan penghayatan terhadap matapelajaran Pendidikan Syariah Islamiah yang berkesan adalah penting supaya generasi akan datang lebih berakhlak mulia dan berilmu pengetahuan. Maka, wajarlah kajian yang bertajuk “Keberkesanan Pendidikan Syariah Islamiah Terhadap Pergaulan Pelajar” diberi ruang dan dilaksanakan agar segala cadangan untuk penambahbaikan dapat diutarakan dengan sebaik mungkin.

Cadangan-cadangan yang menyusul hasil daripada kajian diharapkan menjadi sebahagian daripada jalan penyelesaian kepada pembendungan keruntuhan moral di kalangan pelajar. Hal ini sesuai dengan pepatah Melayu, “ Jika tidak dipecah ruyung di mana boleh mendapat sagu”²³.

²³ *Kamus Dewan* (1996), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. edisi 3, h.1163.

BAB DUA

KONSEP PENDIDIKAN SYARIAH ISLAMIAH DI SEKOLAH MENENGAH

2.1 PENGENALAN

Pendidikan Syariah Islamiah (PSI) merupakan satu mata pelajaran elektif Pendidikan Islam di sekolah menengah yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi peringkat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Para pelajar yang mengambil Pendidikan Syariah tidak perlu lagi mengambil mata pelajaran Pendidikan Islam. Biasanya, para pelajar yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah, akan mengambil juga mata pelajaran Bahasa Arab dan Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah.

Pendidikan Syariah Islamiah diwajibkan kepada pelajar tingkatan 4 dan 5 di sekolah aliran agama di Kementerian Pendidikan Malaysia seperti Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI : aliran sains agama), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan sekolah menengah harian (Kelas Aliran Agama : KAA) .

2.2 FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warga negara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.²⁴

2.3 FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM

Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan di akhirat.²⁵

²⁴ Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia (2002), *Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah Tingkatan Empat*, Dawama Sdn. Bhd., Ampang, Selangor, h. iv.

²⁵ Ibid.

2.4 MATLAMAT PENDIDIKAN SYARIAH ISLAMIAH (PSI)

Matlamat Pendidikan Syariah Islamiah yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah adalah untuk membentuk, memperkembangkan dan melahirkan insan yang mengetahui dan memahami Ulum Syariyyah secara lebih meluas dan mendalam supaya menjadi Muslim yang berilmu, beriman, beramal saleh, berperibadi mulia dan berupaya menunaikan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah yang bertaqwa.²⁶

2.5 OBJEKTIF PENDIDIKAN SYARIAH ISLAMIAH

Kementerian Pelajaran Malaysia menggariskan 10 objektif Pendidikan Syariah Islamiah iaitu:

1. Memahami konsep iman dan Islam sebagai al-din dan peranan iman dalam mewujudkan kekuatan jiwa.
2. Mengetahui dan memahami kewujudan Allah subhanahuwataala berdasarkan pemerhatian kepada kejadian manusia dan alam.
3. Memahami tentang dosa dan pahala, perkara-perkara yang membatalkan iman dan berusaha menjauhinyaserta mempertingkatkan iman.
4. Memahami ma'rifatullah dan taqlid, af'al Allah, af'al ibad, sejarah perkembangan ilmu kalam (tauhid) dan ayat-ayat serta hadis-hadis mutasyabihat.

²⁶ Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia (2002), *Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah Tingkatan Empat*, Dawama Sdn. Bhd., Ampang, Selangor, h. iv.

5. Memahami sejarah dan sumber perundangan Islam serta mengetahui dan memahami konsep dan prinsip ilmu usul fiqh serta cara ulama mengistinbatkan hukum.
6. Membaca dan memahami ayat-ayat hukum dan hadis-hadis hukum untuk diamal dan dihayati dalam kehidupan dan mengetahui cara ulama mengistinbat hukum daripada ayat-ayat dan hadis-hadis tersebut.
7. Memahami ibadat haji dan pelaksanaannya untuk dihayati.
8. Mengetahui dan memahami konsep dan prinsip sembelihan, korban dan aqiqah dalam Islam serta menghayatinya.
9. Mengetahui dan memahami prinsip-prinsip muamalat Islam dan cara pelaksanaannya dalam masyarakat pada masa kini serta mengamalkannya.
10. Memahami sistem kekeluargaan dalam Islam serta mengetahui institusi kehakiman dalam Islam dan peranan mahkamah syariah di Malaysia dalam pentadbiran undang-undang kekeluargaan Islam.²⁷

2.6 KANDUNGAN KURIKULUM PENDIDIKAN SYARIAH ISLAMIAH

Mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah (PSI) mula diperkenalkan dan diajar di sekolah menengah untuk pelajar tingkatan 4 dan 5 mulai tahun 1992. Manakala pada tahun 1999 sukatan pelajaran PSI disemak semula oleh pihak yang berkenaan iaitu Jawatankuasa Kurikulum Pusat. Semakan ini bertujuan membuat penambahbaikan agar mata pelajaran ini lebih berkesan dan sesuai dengan situasi semasa.

²⁷ Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia (2002), *Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah Tingkatan Empat*, Dawama Sdn. Bhd., Ampang, Selangor, h. viii.

Pelaksanaannya berjalan di peringkat sekolah pada tahun 2003 bagi pelajar tingkatan 4 dan tahun 2004 bagi pelajar tingkatan 5.²⁸

Pendidikan Syariah Islamiah merangkumi bidang : akidah, sejarah perundangan Islam, usul fiqh, ayat hukum, hadis hukum dan fiqh. Bidang akidah membincangkan tentang iman, Islam, bukti-bukti kewujudan Allah (s.w.t.) dosa, pahala, perkara-perkara yang membatalkan iman, Ma'rifatullah, Taqlīd, Af'āl Allah, Af'āl al-'Ibād, sejarah perkembangan ilmu kalam, ayat-ayat dan hadis-hadis mutasyabihat.

Bidang sejarah perundangan Islam pula mengandungi prinsip-prinsip sejarah dan sumber-sumber perundangan Islam dari zaman Rasulullah s.a.w, Khulafa' al-Rasyidin, Umayyah, Abbasiyah dan perundangan Islam pada zaman penjajahan Barat.

Bidang Usul Fikah menghuraikan konsep dan prinsip yang berkaitan dengan ilmu usul fikah, dalil-dalil yang disepakati dan yang tidak disepakati oleh ulama sebagai hujah dalam sumber perundangan Islam.

Bidang ayat-ayat dan hadis-hadis hukum membicarakan tentang cara fukaha' mengeluarkan hukum daripada beberapa ayat dan hadis tertentu serta kaedah-kaedah yang berkaitan.

Bidang fikah menerangkan peraturan ibadat haji, sembelihan, korban, akikah, pengenalan sistem muamalat dalam Islam, munakahat dan perkara-perkara yang

²⁸ Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (2006), *Buku Panduan Kursus Peningkatan Kurikulum Pendidikan Syariah Islamiah*, Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia. c.1. h.1.

berkaitan dengannya. Peranan mahkamah syariah di Malaysia, konsep kehakiman dalam Islam dan organisasinya.

Pengetahuan dan kemahiran dalam Pendidikan Syariah Islamiah adalah sesuai dengan peringkat sekolah menengah atas.²⁹

2.6.1 Tajuk Dalam Sukatan Pelajaran PSI Tingkatan Empat³⁰

Keseluruhan tajuk dalam sukatan pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah tingkatan 4 terkandung dalam lima bidang iaitu, Akidah, Usul al-Fiqh, Ayat Hukum, Hadith Hukum, dan Fiqh. Kesemuanya merangkumi 30 tajuk sebagaimana berikut :

Jadual 2.1 : Tajuk Dalam Sukatan Pelajaran PSI Tingkatan 4

Bidang	Tajuk
1.Akidah	1.Iman Fitrah Manusia. 2.Peranan Iman. 3.Islam Sebagai al-Din Yang Membawa Rahmat. 4.Kejadian Manusia Bukti Kewujudan Allah. 5.Kejadian Alam Tanda kekuasaan dan Kebijaksanaan Allah.

²⁹ Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia (2006) , *Buku Panduan Kursus Peningkatan Kurikulum Pendidikan Syariah Islamiah*. h.4-5.

³⁰ Kementerian Pendidikan Malaysia (2002), *Buku Teks Pendidikan Syariah Islamiah Tingkatan 4*, c.1, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka. h.vi-vii.

2.Usul al-Fiqh	<p>6.Pengenalam Ilmu Usul al-Fiqh.</p> <p>7.Hukum Syara'.</p> <p>8.Dalil-dalil Hukum Syara'.</p> <p>9.Dalil-dalil Hukum Yang Tidak Disepakati.</p>
3.Ayat Hukum	<p>10.Rukhsah Tayammum.</p> <p>11.Qiam al-Lail</p> <p>12.Puasa Ramadan.</p> <p>13.Adab Pergaulan Dalam Rumah.</p> <p>14.Memelihara Ukhuwwah Islamiah.</p> <p>15.Memberi Nasab Anak Angkat.</p>
4.Hadith Hukum	<p>16.Mengubah Ciptaan Allah.</p> <p>17.Syak Dalam Solat.</p> <p>18.Wasiat.</p> <p>19.Memberi dan Menjawab Salam.</p>
5.Fiqh	<p>20.Sejarah Ibadat Haji.</p> <p>21.Manasik Haji.</p> <p>22.Pelaksanaan Haji.</p>

	<p>23.Niyabah Dalam Haji.</p> <p>24.Pengurusan Haji Di Malaysia.</p> <p>25..Sembelihan.</p> <p>26.Korban.</p> <p>27.Aqiqah.</p> <p>28.Mu‘amalat Dalam Islam</p> <p>29.Pengenalan Mu‘amalat Dalam Islam 1.</p> <p>30.Pengenalan Mu‘amalat Dalam Islam 2.</p>
--	---

Sumber : Buku Teks PSI Tingkatan 4.

2.6.2 Tajuk Dalam Sukatan Pelajaran PSI Tingkatan Lima ³¹

Manakala keseluruhan tajuk dalam sukatan pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah tingkatan 5 terkandung dalam enam bidang iaitu, Akidah, Sejarah Perundangan Islam, Usul al-Fiqh, Ayat Hukum, Hadith Hukum, dan Fiqh. Kesemuanya merangkumi 27 tajuk sebagaimana berikut :

Jadual 2.2 : Tajuk Dalam Sukatan Pelajaran PSI Tingkatan 5

Bidang	Tajuk
1.Akidah	<p>1.Dosa, Pahala dan Bahagiannya.</p> <p>2.Iman Boleh Bertambah dan Berkurang.</p> <p>3.Makrifah Allah dan Taqlid.</p>

³¹ Kementerian Pendidikan Malaysia (2003). *Buku Teks Pendidikan Syariah Islamiah Tingkatan 5*, c.1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.vi.

	<p>4. Af'al Allah dan Af'al al-'Ibad</p> <p>5. Sejarah Perkembangan Ilmu Kalam.</p> <p>6. Ayat dan Hadith Mutasyabihat.</p>
<p>2. Sejarah Perundangan Islam</p>	<p>7. Prinsip-prinsip Perundangan Islam dan Perkembangannya.</p> <p>8. Perundangan Islam Pada Zaman Penjajahan Barat.</p>
<p>3. Usul al-Fiqh</p>	<p>9. 'Am dan Khas</p> <p>10. Mutlaq dan Muqayyad</p> <p>11. Nasakh.</p>
<p>4. Ayat Hukum</p>	<p>12. Berbakti Kepada Ibu Bapa</p> <p>13. Pengurusan Harta Anak Yatim</p> <p>14. Peperangan Dalam Islam.</p> <p>15. Membunuh Tanpa Sengaja.</p>
<p>5. Hadith Hukum</p>	<p>16. Arak</p> <p>17. Zina</p> <p>18. Membunuh Diri.</p> <p>19. Berkelakuan Ganas dan Pendedahan Aurat.</p> <p>20. Harta Wakaf.</p>

6.Fiqh	21.Perkahwinan. 22.Tanggungjawab Suami Isteri. 23.Pembubaran Perkahwinan. 24.Nusyuz, Zihar dan Poligami. 25.Peranan Mahkamah Syariah Di Malaysia. 26.Konsep Kehakiman Dalam Islam. 27.Jenayah Dalam Islam.
--------	--

Sumber : Buku Teks PSI Tingkatan 5.

2.7 PRINSIP-PRINSIP KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH MENENGAH

Terdapat tujuh prinsip Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Antaranya ialah:

Pertama, kesinambungan pendidikan rendah dengan pendidikan menengah. Pada peringkat pendidikan rendah, penekanan diberikan kepada kemahiran-kemahiran asas seperti membaca, menulis dan mengira. Seterusnya, kemahiran tersebut diperkembangkan dan diperkukuhkan pada peringkat menengah.

Kedua, pendidikan umum untuk semua pelajar. Murid-murid pada peringkat menengah rendah dan menengah atas disediakan program pendidikan yang sama untuk member mereka peluang yang lebih luas bagi mendapat ilmu pengetahuan yang menyeluruh dan seimbang. Mata pelajaran teras wajib diambil oleh semua pelajar bagi menjamin hasrat ini tercapai.

Ketiga, penggunaan disiplin ilmu yang ada. Kebanyakan mata pelajaran yang sedia ada diteruskan dalam KBSM. Namun, organisasi kandungan dan penekanan dalam KBSM adalah berbeza dengan kurikulum lama.

Keempat, kesepaduan antara unsur-unsur intelek, rohani, emosi dan jasmani. KBSM digubal untuk memastikan semua mata pelajaran berperanan memenuhi keperluan intelek, rohani, emosi dan jasmani agar mampu berkembang seiring antara satu sama lain.

Kelima, penekanan nilai-nilai murni. Penyerapan nilai-nilai murni dilaksanakan dengan menyeluruh melalui semua mata pelajaran KBSM. Pendekatan ini dikenali sebagai nilai merentas kurikulum. Penerapan nilai-nilai murni secara khusus terkandung dalam mata pelajaran Pendidikan Islam bagi murid Muslim dan Pendidikan Moral bagi murid yang bukan Muslim.

Keenam, peningkatan penggunaan bahasa Melayu. Penggunaan bahasa Melayu dipertingkatkan dan diperkukuhkan lagi melalui semua mata pelajaran kecuali mata pelajaran bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Pendekatan ini dikenali sebagai bahasa Melayu merentas kurikulum.

Ketujuh, pendidikan seumur hidup. Kurikulum sekolah menengah menekankan pemupukan minat terhadap ilmu pengetahuan dan kemahiran belajar supaya murid-

murid dapat memiliki sikap yang positif terhadap ilmu pengetahuan dan sentiasa berusaha mencari dan mengembangkan ilmu.³²

2.8 PERBINCANGAN KAJIAN DALAM TEKS PENDIDIKAN SYARIAH ISLAMIAH TINGKATAN EMPAT

Pergaulan adalah suatu aspek penting dalam kehidupan manusia. Penulis akan menumpukan kepada tiga tajuk yang terdapat dalam buku teks Pendidikan Syariah Islamiah Tingkatan Empat yang berhubungkait dengan pergaulan iaitu adab pergaulan dalam rumah³³, memelihara ukhuwwah Islamiah³⁴ dan memberi dan menjawab salam.³⁵ Tumpuan ini berdasarkan pelajar di tingkatan lima telah mempelajari semua tajuk berkenaan semasa mereka di tingkatan empat dan sesuaiilah mereka dipilih sebagai responden kajian ini.

Tajuk ‘pergaulan dalam rumah’ menerangkan tentang adab memasuki bilik anggota keluarga. Penulis ingin mengetahui adakah setelah mempelajari tajuk ini, pelajar mempraktikkan ilmu tersebut di rumah.

Tajuk yang kedua pula menyenaraikan larangan memanggil dengan gelaran yang buruk. Dalam aspek ini, penulis ingin mengkaji adakah pelajar memanggil orang di sekelilingnya dengan panggilan yang elok didengar atau sebaliknya.

³² Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia (2006) *Buku Panduan Kursus Peningkatan Kurikulum Pendidikan Syariah Islamiah 2006*, h.6-7.

³³ Mohamad b. Arifin, Mohd. Zaini b. Yahya & Afendi b. Sahi (2003) *Buku Teks Pendidikan Syariah Islamiah Tingkatan Empat KBSM*, Ampang: Dewan Bahasa dan Pustaka. h.108

³⁴ *Ibid*, h. 116.

³⁵ *Ibid*, h. 162.

Manakala tajuk yang ketiga iaitu memberi dan menjawab salam menerangkan tentang hukum memberi dan menjawab salam lelaki kepada perempuan dan sebaliknya. Kajian ini mahu mengetahui sejauh mana pelajar mengamalkan adab memberi dan menjawab salam antara mereka setelah mempelajari hukum tersebut.

2.9 PENUTUP

Merujuk kepada objektif kajian ini (hlm: 22) ternyata ia selari tujuan Falsafah Pendidikan Negara, Falsafah Pendidikan Islam dan matlamat Pendidikan Syariah Islamiah seperti yang dinyatakan di awal bab ini. Dengan kata lain, penulis ingin memastikan apa yang di dipelajari di sekolah khususnya mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah adalah memberi kesan positif terhadap pergaulan para pelajar bersama guru, keluarga dan masyarakat.

Namun begitu, penulis berpandangan amat wajar satu kajian dilakukan terhadap pelajar yang mengikuti mata pelajaran PSI bagi memastikan ianya memberi kesan yang baik kepada pelajar itu sendiri sebagai pelapis kepimpinan masyarakat dan negara masa akan datang. Justeru, penulis memilih aspek penting bagi seseorang individu iaitu pergaulan pelajar samada sesama rakan sebaya, guru, keluarga mahupun masyarakat.

BAB TIGA

KONSEP UMUM PERGAULAN DALAM ISLAM

3.1 PENDAHULUAN

Dalam bab tiga ini, penulis akan membincangkan mengenai definisi pergaulan, beberapa dalil-dalil dan hukum pergaulan, adab dan batas-batas pergaulan dalam Islam. Perkara ini adalah bagi menggambarkan konsep pergaulan dalam Islam secara umum dan selari mengikut sukatan pelajaran PSI.

3.2 DEFINISI PERGAULAN

Perkataan pergaulan dalam Kamus Dewan memberi maksud perihal bergaul, percampuran (persahabatan dan lain-lain)³⁶.

Dalam bahasa Arab pula, perkataan pergaulan ini diistilahkan sebagai *ikhtilāf* yang berasal daripada kalimah **اِخْتَلَفَ يَخْتَلِفُ اِخْتِلَافًا** “ikhtalaṭa yakhtaliṭu iktilāṭan”³⁷ yang

³⁶ Hajah Noresah binti Baharom et.al. (2010), *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, edisi.4. c.3. h. 439.

³⁷ Ahmād ‘Ayad et.al. (1989), *al-Mu’jam al-‘Arabiyy al-Asāsīy*, T.T.P : Larousse, h. 416.

sebenarnya dirujuk kepada kata dasar kalimah خَلَطَ يَخْلُطُ خَلْطًا khalata yakhlitu khalṭan” bererti bercampur.³⁸

Menurut Prof. Dr. Yūsuf al-Qarḍāwī (1996), perkataan ikhtilāṭ dalam konteks hubungan antara lelaki dan perempuan adalah istilah asing yang telah dimasukkan ke dalam mu’jam kamus Islam di mana istilah seperti ini tidak dikenali dalam peradaban kita selama berabad-abad yang silam dan baru dikenali pada zaman sekarang ini sahaja. Barangkali lebih baik apabila digunakan istilah Liqā’ (perjumpaan), Muqābalah (pertemuan) atau Musyārahah (perkongsian) antara lelaki dan perempuan³⁹. Begitu juga pandangan yang sama telah diutarakan oleh Dr. Ahmad Shawqi al-Fanjari (t.t) dalam bukunya “*al-Ikhtilāṭ fi al-Dīn wa fi al-Tārīkh wa fi Ilmi al-Ijtimā’*”⁴⁰.

Ikhtilāṭ ialah berkumpulnya seorang lelaki dengan seorang perempuan yang bukan mahramnya dalam bentuk kebersamaan yang dapat menimbulkan keraguan akan terjadinya perbuatan mungkar⁴¹. Berkumpulnya kaum lelaki dan kaum wanita yang bukan mahramnya di satu tempat yang memungkinkan mereka saling berhubungan melalui pandangan, isyarat, perkataan atau badan⁴². Mahram pula ialah seseorang perempuan yang haram dinikahi oleh seseorang lelaki selama-lamanya disebabkan keturunan, penyusuan atau persemendaan (al-Muṣaharah)⁴³.

³⁸ Ibn Manẓūr (1994), *Lisān al-‘Arab*. Beirut : Dār al-Šādir, c.3. j.7. h.291.

³⁹ Yūsuf al-Qarḍāwī (1996), *Fatāwa li al-Mar’ah al-Muslimah*, Jordan : Dār al-Furqān, h. 53-54.

⁴⁰ Ahmad Syawqī al-Fanjārī (t.t), *al-Ikhtilāṭ fi al-Dīn wa fi al-Tārīkh wa fi ‘Ilmi al-Ijtimā’*, Al- Hai’ah al-Misriyyah al-‘Ammah lī al-Kitāb, h. 25.

⁴¹ Syeikh Ukasyah Abdul Mannan ath-Thayyibi (2002), *Etika Muslimah*, Alimin & H.Fauzan Jamal (terj.), Jakarta : CV. Cendekia Sentra, c.1. h. 153.

⁴² Haya binti Mubarak al-Barik (1998), *Ensiklopedia Wanita Muslimah*, Amir Hamzah Fachrudin (terj.), Jakarta : Darul al-Falah, c.1. h. 153.

⁴³ Ibn Qudāmah, Abī Muḥammād ‘Abd Allāh bin Aḥmād bin Muḥammād bin Qudāmah (1992), *al-Mughnī*,. Kaheerah : Hijr li al-Tibā’ wa al-Nasyri wa al-Tauzi’ wa al-I’lān, c.2.jzk.9. h.493.

Noor Azah Abd Rahman (2009) dalam kajiannya menyatakan bahawa istilah ikhtilat telah mengalami proses transformasi dari zaman ke zaman sehingga terhasilnya istilah tersebut pada hari ini ⁴⁴.

Penulis amat bersetuju dengan kenyataan beliau bahawa ulama' Fiqh mendefinisikan Ikhtilāṭ sebagai satu keadaan apabila lelaki dan perempuan Ajnabī ⁴⁵ yang melebihi dua orang bertemu di suatu tempat dan berlaku interaksi antara mereka. Interaksi yang berlaku mungkin berupa percakapan, pandangan atau isyarat yang boleh difahami. Seterusnya interaksi tersebut berkembang kepada satu bentuk pergaulan dan percampuran.

3.3 HUKUM PERGAULAN DALAM ISLAM

Berdasarkan konsep umum pergaulan dalam Islam, penulis menggariskan perihal hukum dalam fiqh Islam berdasarkan sumber al-Quran, hadith dan pandangan ulama'. Pergaulan lelaki sesama lelaki dan perempuan sesama perempuan adalah harus manakala pergaulan antara lelaki dan perempuan bukan mahram terdapat pandangan berbeza daripada ulama'.

Golongan pertama berpendapat bahawa pergaulan antara golongan lelaki dan perempuan bukan mahram dibolehkan. Pendapat ini disokong oleh Aḥmad Shawqī al-Fanjārī, 'Abd al-'Aziz al-Maqālī dan Aḥmad Ḥasan al-Baqrī.

⁴⁴ Noor Azah binti Abd Rahman (2009), *Batasan Pergaulan Semasa Majlis Keramaian : Kajian Di Alor Setar, Kedah*. (Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 19.

⁴⁵ Ajnabī bermaksud lelaki atau perempuan yang halal dinikahi.

Golongan kedua pula berpendapat bahawa pergaulan antara lelaki dan perempuan bukan mahram tanpa sebab dan keperluan adalah haram⁴⁶. Pendapat ini disokong oleh majoriti ulama', fuqaha' dan ahli hadis. Namun demikian, pengharaman ini tidak didasarkan kepada nas yang Ṣarīḥ (jelas) kerana tiada nas yang sarīḥ mengenai perkara ini. Pengharamannya hanya diasaskan kepada hukum lain yang pada asalnya dikhususkan bagi kaum wanita kerana dalam hukum-hukum tersebut terdapat unsur-unsur pergaulan antara lelaki dan perempuan Ajnabī⁴⁷.

Hukum-hukum yang dimaksudkan ialah larangan berkhalwat dan bermusafir tanpa mahram, solat berjamaah di masjid bagi wanita, hukum sembahyang Jumaat bagi wanita dan beberapa hukum lain yang dikhususkan bagi wanita.

Walaupun bagaimanapun, mereka juga berpendapat bahawa terdapat pengecualian dalam beberapa keadaan di mana pergaulan antara lelaki dan perempuan diharuskan dengan syarat menjaga batas-batas pergaulan yang digariskan oleh syarak⁴⁸.

Terdapat banyak ayat al-Quran dan hadith membicarakan tentang pergaulan. Antaranya ialah firman Allah (s.w.t) :

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَلْيَضْرِبْنَ خُمُرَهُنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ آبَاءِ

⁴⁶Abdullah bin Jarullah (2000), *Hak dan Kewajipan Wanita Menurut Islam*, Ismail Tuan Haji Shafi'ee al-Bakabi (terj.), Kuala Lumpur : al-Hidayah Publishers, h.39; al-Tayyibi, op.cit, h.227.

⁴⁷Dr. Anisah Ab. Ghani (2001), *Batas-Batas Pergaulan Antara Lelaki dan Perempuan Dalam Masyarakat Islam Kini : Satu Huraian Hukum*. Kertas kerja ini dimuatkan dalam buku "*Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*". Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 239.

⁴⁸ Abd al-Karīm Zaydān (1994), *al-Mufaṣṣal fi Ahkām al-Mar'ah wa al-Bait al-Muslim fi al-Syarāḥ al-Islāmiyyah*, Beirut : Muassasah al-Risālah, c.2. jzk.2. h. 426.

بُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءَ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي أَخَوَاتِهِنَّ أَوْ نِسَائِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ أَوِ التَّابِعِينَ غَيْرِ أُولِي الْإِرْبَةِ مِنَ الرِّجَالِ أَوِ الطِّفْلِ الَّذِينَ لَمْ يَظْهَرُوا عَلَى عَوْرَاتِ النِّسَاءِ ۗ وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِينَ ۗ مِن زِينَتِهِنَّ ۗ وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهُ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٣١﴾

Al-Nur 24:31

Maksudnya: “Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka, atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan; dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka; dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya.”

Ayat di atas menunjukkan bahawa pergaulan antara lelaki dan perempuan dalam Islam diharuskan dengan syarat mereka menjaga batas-batas pergaulan yang digariskan seperti di atas terutama dalam soal aurat. Sebagai perempuan atau isteri, mereka tidak boleh keluar rumah sesuka hati tanpa keizinan suami atau penjaga. Ini menunjukkan Islam menitikberatkan penjagaan aurat wanita dari sebarang fitnah.

Sabda Rasulullah (s.a.w) :

إِذَا اسْتَأْذَنْتُ أَحَدَكُمْ أَمْرًا تُهِيَ إِلَى الْمَسْجِدِ فَلَا يَمْنَعُهَا

Maksudnya, “Apabila isteri kamu meminta izin daripadamu untuk pergi ke masjid, maka janganlah kamu menegahinya”.

Berdasarkan hadis ini, Ibn Hajar menjelaskan syarat untuk keluar rumah mestilah selamat dari sebarang fitnah.⁴⁹

Diriwayatkan daripada Zainab al-Thaqafiyyah (r.a) Rasulullah (s.a.w) bersabda kepada kami ; " إذا شهدت إحدائكن المسجد فلا تمس طيبًا " Maksudnya: “Apabila salah seorang kamu (wanita) pergi ke masjid, janganlah memakai wangian”.⁵⁰

Seterusnya sabda Rasulullah (s.a.w) lagi :

"كَانَ الرَّجَالُ وَالنِّسَاءُ يَتَوَضَّئُونَ فِي زَمَانِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَمِيعًا"

Maksudnya, “Sesungguhnya lelaki dan perempuan mengambil wuduk bersama-sama (untuk diajar berwuduk) pada zaman Rasulullah (s.a.w)”.⁵¹

Daripada hadis di atas, disimpulkan bahawa pergaulan dan percampuran antara lelaki dan wanita ada batas-batasnya. Keluarnya seorang dari rumah perlu meminta izin kepada suami atau penjaganya dan tidak boleh memakai wangian secara berlebihan. Percampuran lelaki dan wanita dibolehkan atas dasar untuk pendidikan dan pembelajaran dengan menjaga adab dan batasnya.

Adapun dari segi akal, bahawa naluri kepada jantina adalah fitrah semulajadi kejadian manusia, kaum lelaki secara fitrahnya ada perasaan hawa nafsu kepada wanita. Perkara ini terbukti melalui firman Allah (s.w.t) :

⁴⁹ Ibn Hajar al-‘Asqalāni (1986). *Fath al-Bari bi Sharh al-Bukhari*. Kaherah, Matba‘at Mustafā al-Babi al-Halabi. Jld.9. Kitab al-Nikah. Bab Isti‘zan al-Mar‘ah Zaujaha. h.249. & Abu al-Walid Sulaiman bin Khalaf al-Baji al-Andalusi, (1332H), *Al-Muntaqa Syarh Muwatta’ Malik, Kitab al-Aqdhiyy al-Musamahah al-Jar*, Kaherah: Dar al-Sa‘adah, cet.1. h. 140.

⁵⁰ Zaki al-Din ‘Abd al-‘Azim al-Mundhiri. (2004). *Ringkasan Sahih Muslim*. Selangor: Crescent News (KL) Sdn.Bhd. No.245. h.154.

⁵¹ Zaki al-Din ‘Abd al-‘Azim al-Mundhiri. (2004). *Ringkasan Sahih al-Bukhari*. Selangor: Crescent News (KL) Sdn.Bhd. No 153. hl:97.

زَيْنَ لِلنَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ وَالْقَنَاطِيرِ الْمُقَنْطَرَةِ مِنَ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ
وَالْخَيْلِ الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنْعَامِ وَالْحَرْثِ ۗ ذَٰلِكَ مَتَّعُ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا ۗ وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الْمَقَابِ



Ali Imran 2:14

Maksudnya, “ Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia: kesukaan kepada benda-benda yang diinginkan nafsu, yaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak; harta benda yang banyak bertimbun-timbun, dari emas dan perak; kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih; dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia. dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu syurga).

Manakala perihal golongan kedua pula, iaitu mengharuskan pergaulan dengan bukan mahram atas dasar perkara yang diharuskan oleh syarak. Seperti sabda Rasulullah (s.a.w) :

" لَا تَمْنَعُوا نِسَاءَكُمْ الْمَسَاجِدَ وَبُيُوتَهُنَّ خَيْرٌ لَّهُنَّ "

Maksudnya, “Janganlah kamu melarang wanita kamu (isteri) solat di masjid sekalipun solat di rumah adalah lebih baik baginya”⁵²

Dapat difahami bahawa walaupun solat seorang wanita itu lebih afdal di rumah, namun secara totalnya Nabi tidaklah menganjurkan melarang terus wanita hadir ke masjid untuk solat dan sebagainya. Disini menunjukkan ada ruang kelonggaran bagi wanita keluar rumah dengan syarat untuk melakukan perkara diharuskan syarak seperti solat, menuntut ilmu dan sebagainya. Situasi tersebut juga perlu bebas dari sebarang fitnah yang mungkin timbul. Namun ibadat seperti solat wanita lebih baik dilakukan di rumah seperti dalam mafhum dalam hadis lain ;

" خَيْرُ مَسَاجِدِ النِّسَاءِ قَعْرُ بُيُوتِهِنَّ "

⁵² Abu Abdullah Muhammad bin Abdullah al-Hakim al-Naisaburi (1998) *al-Mustadrak 'Ala al-Sahihain*, Kaherah : Dar al-Ma'rifah, No.301. h. 462.

Maksudnya, “Sebaik-baik masjid (tempat solat) bagi wanita adalah di dalam rumah mereka sendiri”⁵³

Seperti menurut Dr. Wahbah al-Zuhaili (1989) dalam membicarakan kehadiran wanita ke masjid bahawa diharuskan bagi wanita tua dan berumur manakala makruh bagi wanita muda kerana dibimbangi dari fitnah dan afdal solatnya dirumah.⁵⁴ Justeru itu, menunjukkan bahawa wanita yang ingin keluar rumah perlulah mengikut syarat-syarat dan adab tertentu kerana Islam ingin menjaga kehormatan wanita dari segi aurat dan fitnah yang boleh membawa kerosakan kepada keluarga dan masyarakat termasuklah pelajar sekolah menengah.

3.4 PEMBAHAGIAN HUKUM PERGAULAN DALAM ISLAM

Hukum pergaulan pada asasnya terbahagi kepada dua iaitu: harus secara mutlak dan harus secara bersyarat.

Pertamanya, hukum harus secara mutlak adalah bagi pergaulan antara lelaki dengan lelaki dan perempuan dengan perempuan. Antara tuntutan seperti mempunyai hajat, iaitu ada perkara yang perlu melibatkan kaum lelaki dan perempuan. Selain itu, menjalankan tuntutan dakwah, yakni amar makruf nahi mungkar dan menghadiri jemputan, contohnya : kenduri kahwin dan lain-lain. Selain itu, tuntutan menunaikan haji dan umrah, bermesyuarat atau pembentangan seminar, yakni yang perlu melibatkan kaum lelaki dan perempuan dalam sesuatu majlis.

⁵³ Muhammad bin Ali al-Syaukani, (1993), *Nail al-Auḡār*. Kaherah: Dar al-Hadis, h. 1309.

⁵⁴ Wahbah al-Zuhaili (Prof. Dr.) (1989). *Fiqh al-Islām wa Adillatuh*. Damsyik: Dar al-Fikr. j.2. h.153.

Keduanya hukum harus bersyarat, antara syarat-syarat yang mesti dipenuhi adalah:

i. Tidak bersentuhan:

Daripada Jabir bin Abdullah (r.a), Rasulullah (s.a.w) ada bersabda :

" إِذَا خَاطَبَ أَحَدُكُمْ الْمَرْأَةَ فَإِنْ اسْتَطَاعَ أَنْ يَنْظَرَ إِلَى مَا يَدْعُوهُ إِلَى نِكَاحِهَا فَلْيَفْعَلْ "

Maksudnya, "Apabila seorang lelaki meminang seseorang wanita, dibolehkan lelaki itu melihat wanita yang hendak dipinang itu".⁵⁵

Menurut Syeikh al-Busti dalam menghuraikan hadis ini, bahawa diharuskan seorang lelaki melihat wanita bukan mahram kepada muka dan kedua tapak tangan sahaja samada diizinkan oleh wanita itu atau tidak.⁵⁶ Oleh itu penulis berpandangan Islam melarang melihat wanita bukan mahram tanpa sebarang keperluan yang diharuskan syarak. Manakala menyentuhnya adalah lebih lagi dilarang.

ii. Menjaga aurat. Seperti dibicarakan pada firman Allah (s.w.t) dalam 3.3.

iii. Menjaga adab bercakap.

Firman Allah (s.w.t) :

يٰۤاَيُّهَا نِسَاءَ النَّبِيِّ لَسْتُنَّ كَأَحَدٍ مِّنَ النِّسَاءِ ۚ إِنَّ اتَّقِيْنَ فَلَآ تَخْضَعْنَ بِالْقَوْلِ فَيَطْمَعَ الَّذِي فِي قَلْبِهِ

مَرَضٌ وَقُلْنَ قَوْلًا مَّعْرُوفًا ﴿٣٢﴾

Al-Ahzab 33:32

Maksudnya, "Wahai isteri-isteri nabi, kamu bukanlah seperti perempuan-perempuan lain jika kamu bertaqwa. Maka janganlah lemah-lembutkan suara dalam berbicara, sehingga bangkit nafsu orang yang ada penyakit dalam hatinya, tetapi ucapkanlah perkataan yang baik".

⁵⁵ Abū Sulaimān bin Aḥmad bin Muḥammad al-Khaṭṭābī al-Bustī. (1991) *Ma'ālim al-Sunan, Syarḥ Sunan Abi Daud. Kitāb al-Nikāḥ, Bāb al-Rajul Yanzur ila al-Mar'ah Wahuwa Yur'īd an Yatazawwajaha*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Cet.1. j.2. h.167.

⁵⁶ Ibid.

iv. Bukan di tempat yang tertutup.

Merujuk kepada hadis daripada ‘Uqbah bin ‘Amir bahawa Nabi (s.a.w.) bersabda :

" إِيَّاكُمْ وَالذُّخُولَ عَلَى النِّسَاءِ " فَقَالَ رَجُلٌ مِنَ الْأَنْصَارِ: يَا رَسُولَ اللَّهِ ' أَفَرَأَيْتَ الْحَمُوَ الْمَوْتِ؟ قَالَ: الْحَمُو

Maksudnya, “Jaga-jaga kamu bila bersama wanita. Kata lelaki Ansar : Wahai Rasulullah! Macam mana dengan ipar? Jawab Baginda (s.a.w.) : “Ipar itu maut”.⁵⁷

Dalam hadis riwayat Ahmad daripada ‘Amir bin Rabi’ah :

”لَا يَخْلُونَ أَحَدَكُمْ بِامْرَأَةٍ فَإِنَّ الشَّيْطَانَ ثَالِثُهُمَا ”

Maksudnya, “Janganlah salah seorang dari kalian berkhalwat dengan seorang wanita kerana sesungguhnya syaitan menjadi orang ketiga diantara mereka berdua.”⁵⁸

Berdasarkan kepada pernyataan hukum pergaulan di atas, dapat dirumuskan bahawa Islam amat menjaga batas-batas pergaulan terutama yang melibatkan kaum lelaki dan wanita, walaupun seorang bergelar ipar tetap sebagai bukan mahram. Ini jelas menunjukkan bahawa Islam dari awal lagi sudah meletakkan batas-batas pergaulan demi menjaga maruah umatnya. Secara peribadi, penulis bersetuju dengan pandangan yang mengharuskan pergaulan antara lelaki dan wanita secara bersyarat. Ini kerana syarat-syarat yang diletakkan adalah bersifat rasioanal dan bukanlah mengongkong kaum wanita. Jika tidak mampu memenuhi syarat tersebut adalah lebih baik mengelakkan dari terlibat dengan pergaulan. Disini penulis menganggap pergaulan yang tidak memenuhi syarat tersebut adalah satu pergaulan bebas yang boleh membawa seseorang itu terjebak dengan maksiat.

⁵⁷ Ibn Hajar al-‘Asqalāni, 1986. *Fatḥ al-Bāri bi Suyarḥ al-Bukhārī.. Kitāb al-Nikah*. Kaherah: Matba‘ah Mustafa al-Babi al-Halabi. jld.9. No.5232. h. 242.

⁵⁸ Ibid. hl. 243.

Hal ini bertepatan dengan firman Allah (s.w.t):

وَلَا تَقْرُبُوا الزَّيْنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا ﴿٣٢﴾

Al-Isra' 17:32

Maksudnya, “ Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerusakan)”.

Dalam ayat ini Allah (s.w.t) melarang perbuatan zina dari awal lagi dengan melarang melarang melakukan perkara-perkara yang menghampirkan seseorang kepada zina seperti pergaulan bebas, khalwat antara lelaki dan perempuan dan sebagainya.

3.5 ADAB-ADAB DAN BATAS PERGAULAN DALAM ISLAM

Seperti dibicarakan di atas, Islam telah menggariskan dari awal lagi tentang adab dan batas pergaulan umatnya. Perkara ini adalah untuk menjamin umatnya tidak tersasar dari landasan hukum yang ditetapkan dan menjamin keharmonian hidup bermasyarakat antara sesama manusia.

3.5.1 Tidak Menggelar Dengan Panggilan Yang Buruk

Perkataan sahabat didefinisikan sebagai kawan, teman dan taulan.⁵⁹ Menggelar bermaksud memberi gelar, memberi nama julukan dan lain-lain ⁶⁰. Kebiasaan bagi pelajar di sekolah mereka suka menggelarkan kawan mereka sendiri bahkan guru dengan gelaran yang tidak baik. Islam dari awal lagi melarang keras umatnya

⁵⁹ Hajah Noresah binti Baharom (2010), *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 1365.

⁶⁰*Ibid*, h. 446.

menggelar orang lain dengan gelaran yang buruk kerana bakal mengundang perbalahan dan sebagainya. Firman Allah (s.w.t) :

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لَا يَسْخَرْ قَوْمٌ مِّنْ قَوْمٍ عَسَىٰ اَنْ يَّكُوْنُوْا خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ مِّنْ نِّسَاءٍ عَسَىٰ اَنْ يَّكُوْنَنَّ خَيْرًا مِّنْهُنَّ وَلَا تَلْمِزُوْا اَنْفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَزُوْا بِالْاَلْقَابِ بِئْسَ الْاِسْمُ الْفُسُوْقُ بَعْدَ الْاِيْمَانِ ۚ وَمَنْ لَّمْ يَتُبْ فَاُولٰٓئِكَ هُمُ الظَّالِمُوْنَ ﴿٤٩﴾

Al-Hujurat 49:11

Maksudnya, “ Wahai orang-orang yang beriman! janganlah sesuatu puak (dari kaum lelaki) mencemuh dan merendah-rendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah pula sesuatu puak dari kaum perempuan mencemuh dan merendah-rendahkan puak perempuan yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah setengah kamu menyatakan keaiban setengahnya yang lain; dan janganlah pula kamu panggil-memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk. (Larangan-larangan yang tersebut menyebabkan orang yang melakukannya menjadi fasik, maka) amatlah buruknya sebutan nama fasik (kepada seseorang) sesudah ia beriman. dan (ingatlah), sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan fasiknya) maka merekalah orang-orang yang zalim”.

Justeru itu, fenomena menggelarkan rakan taulan dengan gelaran buruk dan menyakitkan hati adalah dilarang oleh Islam dengan jelas. Berbalik kepada pergaulan pelajar, ternyata subjek PSI ini amat bermanfaat kepada pengamalan mereka dalam kalangan warga sekolah, ibu bapa dan keluarga.

3.5.2 Memberi Dan Menjawab Salam

Amalan memberi salam amat digalakkan dalam Islam. Dalam bahasa Arab, kalimah al-Salām bermaksud keselamatan, keamanan dan kebebasan daripada keaiban.⁶¹ berasal daripada perkataan al-Salām dalam Islam ialah ucapan kesejahteraan dari seorang Muslim kepada seorang Muslim yang lain.

⁶¹ Ibrāhim Anis et.al. (t.t), *al-Mu'jam al-Wasiṭ*, t.t.p : t.p, j.1, c.2, h. 446.

Berdasarkan kepada firman Allah (s.w.t) ;

وَإِذَا حُيِّتُمْ بِتَحِيَّةٍ فَحَيُّوا بِأَحْسَنَ مِنْهَا أَوْ رُدُّوهَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ حَسِيبًا ﴿٨٦﴾

Al-Nisa' 3:86

Maksudnya, “Dan apabila kamu diberikan penghormatan dengan sesuatu ucapan hormat (seperti memberi salam), maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik daripadanya, atau balaslah dia (dengan cara yang sama). Sesungguhnya Allah sentiasa menghitung tiap-tiap sesuatu”.

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَدْخُلُوا بُيُوتًا غَيْرَ بُيُوتِكُمْ حَتَّىٰ تَسْتَأْذِنُوا وَتُسَلِّمُوا عَلَىٰ أَهْلِهَا ذَٰلِكُمْ

خَيْرٌ لَّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٢٧﴾

Al-Nur 24:27

Maksudnya, “Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu masuk ke dalam mana-mana rumah yang bukan rumah kamu, sehingga kamu lebih dahulu meminta izin serta memberi salam kepada penduduknya; yang demikian adalah lebih baik bagi kamu, supaya kamu beringat (mematuhi cara dan peraturan yang sopan itu)”.

Antara hadis Rasulullah (s.a.w) dalam bab memberi salam adalah seperti berikut ;

" أَمَرَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِسَبْعٍ : بِعِيَادَةِ الْمَرِيضِ وَ اتِّبَاعِ الْجَنَائِزِ وَ تَشْمِيتِ الْعَاطِسِ وَ نَصْرِ الضَّعِيفِ وَ عَوْنِ الْمَظْلُومِ وَ إِفْشَاءِ السَّلَامِ ... الْحَدِيثِ "

Maksudnya, “Rasulullah (s.a.w) menyuruh kita dengan 7 perkara iaitu : menziarahi pesakit, mengiringi jenazah, mengucapkan “Yarhamukallah” kepada orang bersin, menolong orang susah, membantu orang dizalimi, memberi salam ... al-Hadis ”⁶²

Dalam hadis lain Rasulullah (s.a.w) ditanya apakah amalan baik dalam Islam, Baginda

menjawab : " نُطْعِمُ الطَّعَامَ وَتَقْرَأُ السَّلَامَ عَلَىٰ عَرَفْتِ وَعَلَىٰ مَنْ لَا نَعْرِفُ " Maksudnya:

“Memberi makan dan memberi salam samada kepada orang yang kamu kenali dan tidak dikenali”⁶³

⁶² Ibn Hajar al-‘Asqalāni. (1986). *Fatḥ al-Bāri bi Syarḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Isti‘zan Bab Ifsyā’ al-Salam*. Kaḥerah: Maṭba‘ah Mustafā al-Bābi al-Ḥalābi. No.6235, jld.11. h. 20.

⁶³ Ibid. *Kitāb al-Isti‘zan Bab al-Salam li al-Ma‘rifah wa Ghair al-Ma‘rifah*. jld.11. h. 23.

Berdasarkan dalil di atas, ternyata adab memberi salam antara sesama muslim adalah satu amalan yang dituntut dalam Islam walaupun kepada orang yang kita tidak kenali. Manakala menjawabnya pula adalah satu kewajipan.⁶⁴ Apatah lagi antara sanak saudara, sahabat handai dan guru.

Seterusnya, memberi dan menjawab salam kepada bukan mahram selain tujuan pendidikan dan pembelajaran termasuk juga dalam sukatan PSI. Dalam perihal memberi salam terdapat adab-adab dan larangan tertentu kerana ia tidak boleh diberikan dengan sewenag-wenangnya. Antara yang berkaitan dalam PSI adalah tatacara dan hukum memberi salam kepada bukan mahram. Salam yang dimaksudkan di sini adalah ucapan salam dan bukannya berjabat tangan kerana hukum berjabat antara lelaki dan perempuan ajnabi yang bukan mahram, maka ianya adalah haram jika dengan syahwat, namun diharuskan jika dengan perempuan tua yang tiada keinginan syahwat.⁶⁵

Menurut Imam al-Nawawi (t.t) dalam membicarakan bab salam ;

" سَلَامُ الرَّجُلِ عَلَى زَوْجَتِهِ وَالْمَرَأَةِ مِنْ مَحَارِمِهِ وَعَلَى أجنبيَّةٍ وَأجنبيَّاتٍ لَا يَخَافُ الفِتْنَةَ بِهِنَّ،
وسلامُهُنَّ بهذا الشرط "

Maksudnya, "Salam orang lelaki kepada isterinya dan wanita yang menjadi mahramnya dan kepada wanita ajnabi (seorang atau ramai) yang tidak dikhuatiri tidak menimbulkan fitnah. Begitulah juga salam perempuan kepada lelaki dengan syarat tidak menimbulkan fitnah."⁶⁶

⁶⁴ Al-Nawawi, Muhy al-Din Abi Zakariya Yahya bin Syarf. (t.t). *al-Adhkar al-Muntakhibah min Kalam Sayyid al-Abrar s.a.w.* Kaherah. Dar al-Kutub al-‘Arabiyyah. h:321.

⁶⁵ Yusuf al-Qardawi. (1996) *Fatawa Mu‘asirah*, Terjemahan: As‘ad Yasin (Drs). Jakarta. Gema Insani Press. h.404.

⁶⁶ Al-Nawawi, Muhy al-Din Abi Zakariya Yahya bin Syarf . (t.t). *al-Adhkar al-Muntakhibah min Kalam Sayyid al-Abrar (s.a.w.)* Kaherah. Dar al-Kutub al-‘Arabiyyah. h.321.

Dalam hal ini, antara 3 hadis menjadi sandarannya adalah daripada perbuatan Sahabat dan juga perbuatan Rasulullah (s.a.w). Hadis pertama adalah riwayat al-Bukhari iaitu ;

" عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : كَانَتْ فِينَا امْرَأَةٌ وَفِي رِوَايَةٍ كَانَتْ لَنَا عَجُوزٌ تَأْخُذُ مِنْ أَصُولِ السَّلِقِ فَتَطْرُحُهُ فِي الْقَدْرِ وَتُكْرِكِرُ حَبَّاتٍ مِنْ شَعِيرٍ ' فَإِذَا صَلَّيْنَا الْجُمُعَةَ أَنْصَرَفْنَا تُسَلِّمُ عَلَيْنَا ' فَتَقْدِمُهُ إِلَيْنَا "

Maksudnya, "Dari Sahl bin Sa'ad (r.a) katanya: "Kami mempunyai seorang perempuan, adapun dalam riwayat lain kami mempunyai seorang wanita yang sudah tua yang suka mengambil rempah-rempah dan dimasukkan dalam kualiti kemudian dicampur dengan tepung sya'ir, maka setelah kami kembali dari mengerjakan solat jumaat, kami mengucapkan salam kepada wanita tadi, kemudian ia menghidangkan makanan yang dimasakannya itu kepada kami...".⁶⁷

Hadis kedua adalah riwayat Muslim ;

عَنْ أُمِّ هَانِيٍّ فَاخْتَتِ بِنْتُ أَبِي طَالِبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ : أَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ الْفَتْحِ وَهُوَ يَغْتَسِلُ ' وَفَاطِمَةُ تَسْتَرُهُ فَسَلَّمْتُ ' وَذَكَرْتُ الْحَدِيثَ "

Maksudnya, "Ummu Hāni' (Fākhitah) binti Abi Talib (r.a) berkata: Saya datang kepada Nabi (s.a.w) ketika pembukaan kota Mekah, sedang Nabi mandi dan ditutupi kain oleh Fatimah, maka saya memberi salam kepadanya".⁶⁸

Manakala hadis ketiga diriwayatkan oleh Abu Dawud dan At-Tirmizi ;

" عَنْ أَسْمَاءَ بِنْتِ يَزِيدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ : مَرَّ عَلَيْنَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي نِسْوَةٍ فَسَلَّمَ عَلَيْنَا "

Daripada Asma bte Yazid (r.a) katanya: "Nabi (s.a.w) berjalan melalui kami (kumpulan kaum wanita), lalu Baginda (s.a.w) mengucapkan salam kepada kami."⁶⁹

⁶⁷ Ibn Hajar al-Asqalani.(1986). *Fath al-Bari bi Sharh al-Bukhari, Kitab al-Isti'dhan Bab Taslim al-Rijal 'ala al-Nisa' wa al-Nisa' 'ala al-Rijal*. Kaherah. Matba'at Mustafa al-Babi al-Halabi. jld.11. no.6248. h.35 & Al-Nawawi, Imam Abu Zakariya Yahya bin Syarf al-Nawawi. (1995) *Riyad al-Salihin min Kalam Sayyid al-Mursalin*. Terjemahan : H.Salim Bahreisy. Kuala Lumpur: Victoriy Agency. j.2. h.59.

⁶⁸ Al-Nawāwi, Imam Abu Zakariya Yahya bin Syarf. (1995) *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn min Kalām Sayyid al-Mursalīn*. Terjemahan : H.Salim Bahreisy. Kuala Lumpur: Victoriy Agency. j.2. h.59.

⁶⁹ Ibid.

Berdasarkan hadis-hadis tersebut, hukum memberikan salam antara lelaki perempuan itu adalah dibolehkan dengan syarat ianya tidak menimbulkan fitnah dan menjurus kepada perkara-perkara haram. Hukum asal ikhtilat (percampuran/pergaulan) antara lelaki bukan mahram (Ajnabi) dan perempuan Ajnabi adalah haram, melainkan ada sebab-sebab yang dibenarkan oleh syarak seperti proses pendidikan dan pembelajaran. Oleh itu, apabila seseorang lelaki atau pelajar lelaki ingin memberikan salam kepada perempuan atau sebaliknya, perlu diperhalusi, adakah ianya mengikut keperluan syarak atau sekadar suka-suka. Sekiranya tidak jelas, maka lebih baik jauhilah dan perlu ada rasa bimbang terhadap fitnah wanita. Sabda Rasulullah (s.a.w):

" مَا تَرَكَتُ بَعْدِي فِتْنَةٌ هِيَ أَضْرُّ عَلَى الرَّجَالِ مِنَ النِّسَاءِ "

Maksudnya, "Tidak aku tinggalkan selepas kewafatanku fitnah yang lebih memudaratkan ke atas lelaki berbanding fitnah wanita."⁷⁰

Sesiapa yang memerhatikan nas-nas umum yang menyuruh supaya menyebarkan salam akan mendapati ia tidak membezakan antara lelaki dan wanita seperti hadis yang menyeru supaya memberi makanan, menyebarkan salam, menghubungkan tali persaudaraan, sembahyang malam dalam keadaan orang lain sedang tidur seperti dibicarakan pada 3.4.2.

Menurut Imam al-Nawawi (t.t)⁷¹, memberi salam dan menjawab salam antara lelaki dan perempuan adalah seperti hukum memberi dan menjawab salam sesama lelaki. Sunat bagi seorang perempuan memberi salam kepada lelaki, dan begitulah sebaliknya dan salam itu wajib dijawab jika perempuan itu adalah mahramnya. Persoalannya

⁷⁰ Al-Farisi, al-Amir 'Ala' al-Din 'Ali bin Bulban. (1987). *Al-Ihsān bi Tartīb Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*. Beirut. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah. Cet.1. jld.8. h.573.

⁷¹ Al-Nawawi, Muhy al-Din Abi Zakariya Yahya bin Syarf. (t.t). *al-Adhkar al-Muntakhibah min Kalam Sayyid al-Abrar s.a.w.* Kaherah. Dar al-Kutub al-'Arabiyyah. h. 321-329.

bagaimana pula jika perempuan berkenaan bukan mahramnya. Apabila perempuan itu bukan mahramnya dan merupakan seorang yang cantik jelita yang dikhuatiri akan menimbulkan fitnah, maka seorang lelaki tidak boleh memberi salam kepadanya. Jika lelaki itu memberi salam pula, perempuan berkenaan tidak boleh menjawabnya. Begitu juga dengan perempuan itu, dia tidak boleh memberi salam. Jika perempuan itu memberi salam, maka hukumnya adalah makruh untuk menjawab salam daripada perempuan yang dibicarakan di atas.

Jelasnya, perempuan tidak boleh memberi dan menerima salam kepada atau dari lelaki yang bukan mahramnya tanpa apa-apa keperluan yang dibenarkan syarak seperti dibicarakan dalam 3.4.3 di atas. Adapun jika perempuan itu tua dan tidak mungkin akan menimbulkan fitnah, dia boleh memberi salam kepada seorang lelaki dan salam itu wajib dijawab oleh lelaki berkenaan. Ini adalah antara hukum memberi salam antara lelaki dan perempuan secara seorang dengan seorang.

Manakala jika lelaki memberi salam kepada sekumpulan perempuan yang bukan mahram atau perempuan memberi salam kepada sekumpulan lelaki yang bukan mahramnya pula seperti dibicarakan oleh Imam al-Nawawi (t.t)⁷² mengatakan bahawa jika ramai perempuan berkumpul dalam satu kumpulan, maka lelaki itu boleh memberi salam kepada mereka atau menjawabnya. Begitu juga sekumpulan lelaki boleh memberi salam dan menjawabnya kepada seorang perempuan dan ia dibolehkan apabila tidak ditakutkan timbulnya fitnah bagi kedua belah pihak. Perkara ini adalah

⁷² Al-Nawawi, Muhy al-Din Abi Zakariya Yahya bin Syarf. (t.t) *al-Adhkār al-Muntakhibah min Kalām Sayyid al-Abrar (s.a.w)*. Kaherah. Dar al-Kutub al-‘Arabiyyah. h.321-329.

berdasarkan juga kepada hadis yang dinyatakan di awal topik ini kerana berlakunya antara seorang perempuan dan sekumpulan lelaki dan sebaliknya.

Berdasarkan kepada dalil-dalil dan pandangan ulama' di atas dapat disimpulkan bahawa memberi salam kepada perempuan mahram adalah seperti hukum memberi salam kepada sesama lelaki. Tidak boleh memberi salam atau menjawab salam perempuan yang dikhuatiri akan menimbulkan fitnah. Dibolehkan memberi salam kepada perempuan bukan mahram yang tidak menimbulkan sebarang fitnah seperti antara seorang guru atau seorang pelajar lelaki dan sekumpulan pelajar perempuan. Manakala salam daripada perempuan tersebut pula wajib dijawab. Diharuskan memberi salam kepada sekumpulan wanita atau sekumpulan lelaki memberi salam kepada seorang wanita. Demikianlah juga seperti apa yang berlaku di sekolah antara pelajar atau guru perempuan dan pelajar atau guru lelaki, adab dan batasnya juga berdasarkan kepada hukum seperti yang dibicarakan.

3.5.3 Meminta Izin Sebelum Masuk Ke Bilik Ibu Bapa Dan Keluarga

Adab ini digariskan dengan jelas oleh Allah (s.w.t) dalam al-Quran :

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لِيَسْتَعِذْنَ كُمُ الَّذِينَ مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ وَالَّذِينَ لَمْ يَبْلُغُوا الْحُلُمَ مِنْكُمْ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ
مِّن قَبْلِ صَلَاةِ الْفَجْرِ وَحِينَ تَضَعُونَ ثِيَابَكُمْ مِّنَ الظَّهْرِ وَمِنَ بَعْدِ صَلَاةِ الْعِشَاءِ ثَلَاثُ عَوْرَاتٍ
لَّكُمْ لَيْسَ عَلَيْكُمْ وَلَا عَلَيْهِمْ جُنَاحٌ بَعْدَ هُنَّ طَوْفُونَ عَلَيْكُمْ بَعْضُكُمْ عَلَى بَعْضٍ كَذَلِكَ
يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمُ الْآيَاتِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٥٨﴾ وَإِذَا بَلَغَ الْأَطْفَالُ مِنْكُمْ الْحُلُمَ فَلْيَسْتَعِذُوا كَمَا
أَسْتَعِذْنَ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ ءَايَاتِهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٥٩﴾

Al-Nur 24:58-59

Maksudnya, “ Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah hamba-hamba kamu dan orang-orang yang belum baligh dari kalangan kamu, meminta izin kepada kamu (sebelum masuk ke tempat kamu), dalam tiga masa; (iaitu) sebelum sembahyang subuh, dan ketika kamu membuka pakaian kerana kepanasan tengah hari, dan sesudah sembahyang Isyak; itulah tiga masa bagi kamu (yang biasanya terdedah aurat kamu padanya). kamu dan mereka tidaklah bersalah kemudian daripada tiga masa yang tersebut, (kerana mereka) orang-orang yang selalu keluar masuk kepada kamu, dan kamu masing-masing sentiasa berhubung rapat antara satu dengan yang lain. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayat-Nya (yang menjelaskan hukum-hukumNya); dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana. Dan apabila kanak-kanak dari kalangan kamu telah baligh, maka hendaklah mereka meminta izin sama seperti cara orang-orang (yang telah cukup umur) yang tersebut dahulu, meminta izin. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayat-Nya (yang menjelaskan hukum-hukumNya) dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”.

Ternyata Allah (s.w.t) telah menggariskan adab memasuki bilik ibu bapa atau sanak saudara dengan menganjurkan agar meminta izin terlebih dahulu sebelum masuk. Terdapat tiga masa yang perlu diberi perhatian iaitu sebelum subuh, tengahari dan selepas waktu Isya' kerana ingin menjaga aurat dari dilihat oleh anak yang sudah baligh.⁷³ Penulis beranggapan adab ini amat wajar bagi anak di rumah ketika bersama ibu bapa atau keluarganya yang lain kerana ia juga sebagai penyumbang kepada sumbang mahram seperti dibicarakan dalam bab dua.

Berdasarkan ayat di atas juga jelas bahawa rumah dan segala isinya merupakan `harta' yang menjadi benteng maruah kepada sesebuah keluarga. Bilik tidur pula menjadi benteng terakhir yang harus dijaga adab-adabnya. Oleh itu anak-anak, sama ada yang masih kecil mahu pun yang telah dewasa harus diatur dan dididik menghargai dan menghormati tempat tidur ibu bapa, terutama waktu-waktu tertentu ibu bapa yang menyentuh masa berehat mereka.

⁷³ Abdullah Yusuf Ali. 1993. *Al-Quran Terjemahan dan Huraian Maksud*. (terjemahan : Muhammad Uthman el-Muhammadi).Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka. h.1734.

Justeru itu, anak-anak apabila mahu berbicara dan meminta sesuatu, mereka dikehendaki memberi salam dan meminta izin terlebih dahulu. Allah (s.w.t) menjelaskan bahawa kedudukan atau tempoh tiga waktu yang wajib dijaga ini disebabkan ruang untuk mereka mendedahkan aurat agak tinggi. Oleh itu untuk menjaga aurat dan kehormatan diri mereka, anak-anak sewajarnya diajar akan adab-adab meminta izin terlebih dahulu. Tiga waktu tersebut adalah :

i. Sebelum solat Subuh.

Waktu ini ialah waktu ketika ibu bapa kemungkinan sedang tidur. Atau ketika ini juga kemungkinan adalah waktu ibu bapa sedang bangun dari tidur. Justeru anak-anak harus diajar agar mengetuk pintu bilik ibu bapa sebelum masuk. Hal ini kerana waktu inilah kemungkinan waktu-waktu 'persendirian' bagi ibu bapa. Mungkin ketika itu peratusan aurat mereka terdedah sangat tinggi. Oleh itu anak-anak dilarang mengganggu ibu bapa.

ii. Sekitar sebelum waktu Zuhur.

Waktu Zuhur ini juga disebut sebagai waktu 'Qailulah' iaitu antara waktu yang disunatkan untuk tidur sebentar. Ketika ini kemungkinan ibu bapa sedang berehat atau kemungkinan sedang tidur atau bersiap-siap untuk menunaikan solat Zuhur. Justeru itu anak-anak sewajarnya diajar adab meminta izin sebelum masuk ke dalam bilik ibu bapa mengelakkan aurat ibu bapa terdedah kepada anak-anak.

iii. Selepas Isyak.

Waktu-waktu seperti ini biasanya ibu bapa sedang bersiap-siap untuk tidur. Atau kemungkinan salah seorang daripada mereka sedang berehat, bersantai atau tidur di

dalam bilik. Anak-anak sewajarnya diajar supaya meminta izin terlebih dahulu sebelum masuk supaya kehormatan ibu bapa terpelihara. Tegasnya bahawa gerak laku yang diatur oleh Allah (s.w.t). melalui adab meminta izin ini menjelaskan kepada kita betapa Islam sangat menitikberatkan pendidikan atau latihan yang bersifat dalaman melalui pembentukan akhlak dan peribadi anak-anak sebelum mereka berhadapan dengan masyarakat luar.

Hal ini kerana waktu-waktu yang disebutkan di atas tidak terhad hanya kepada ruang dalaman rumah kita sahaja, malah ia merangkumi etika kejiwaan yang melibatkan komuniti di luar rumah kita. Waktu yang disusun oleh Allah (s.w.t) itu juga mengandungi hikmah yang tersendiri, yang sebenarnya mendidik ibu bapa dan anak-anak agar tidak bertamu ke rumah jiran tetangga atau sahabat handai yang boleh mengganggu ketenteraman dan waktu rehat mereka.

Selain daripada perlakuan anak-anak dalam menjaga adab-adab tersebut, pemeliharaan aurat juga wajar dipraktikkan oleh Ibu bapa sendiri melalui konsep 'Kepimpinan Melalui Teladan'. Jika anak-anak yang masih kecil pun harus diatur dan dididik dengan adab-adab yang melindungi maruah dan aurat ibu bapa, maka ibu bapa juga seharusnya menjaga penampilan diri mereka melalui etika pakaian yang bersesuaian agar lebih bersopan dan menepati syarak terutama di hadapan anak-anak. Berpakaian secara sopan ini merupakan suatu disiplin yang cukup penting dalam Islam terutamanya bagi anak perempuan seperti dibicarakan dalam surah al-Ahzab:59. Perkara ini yang boleh menghindari sesebuah keluarga itu daripada berlakunya insiden yang tidak baik.

Memisahkan tempat tidur antara anak lelaki dan anak perempuan adalah salah satu daripada sunah dan etika yang digariskan oleh Rasulullah (s.a.w) untuk memelihara aurat anak-anak dan membentuk adab mereka dengan akhlak yang sempurna.

Pembahagian struktur ini telah disusun oleh Nabi (s.a.w.) seperti dalam sebuah hadis riwayat Abu Daud :

" مُرُّوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ وَاصْرِبُوا لَهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرِ وَفَرِّقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ "

Maksudnya: "Perintahkanlah anak-anak kamu supaya menunaikan solat apabila usia mereka tujuh tahun. Apabila usianya 10 tahun pukullah mereka seandainya mereka ingkar, dan pisahkanlah tempat tidur mereka (antara anak lelaki dan perempuan)".⁷⁴

Maka di sinilah letaknya hikmah di sebalik gesaan Rasulullah (s.a.w) supaya ibu bapa memisahkan bilik tidur anak-anak lelaki dan anak perempuan ketika umur mereka 10 tahun supaya aurat mereka terpelihara dan tidak timbul sebarang masalah yang boleh mencemarkan kesucian agama dan keturunan mereka. Senario kegawatan akhlak remaja Islam dan yang berlaku dewasa ini boleh diatasi sekiranya ibu bapa menjaga keluarganya dengan adab-adab berdasarkan sunah dan syariat yang telah diatur oleh Islam. Ibu bapa bertanggungjawab ke atas anak-anak mereka agar semuanya terhindar dari perkara yang membawa ke neraka. Hal ini dinyatakan oleh Allah (s.w.t) melalui firman-Nya :

⁷⁴ Khalīl Ahmad al-Sahar Nufuri (Syeikh). t.t. *Badhl al-Majhūd fi Ḥall Abī Daud, Kitāb al-Ṣolāt, Bāb Matā Yu'mar al-Ghulām bi al-Ṣolāt*. Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Jzk.3. hl. 343-345.

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوًا أَنفُسِكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

Al-Tahrim 66:6

Maksudnya, “Wahai orang-orang yang beriman! peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan”.

3.5.4 Tidak Mengumpat Tentang Orang Lain.

Dalam hal ini dapat dirujuk kepada firman Allah (s.w.t) :

وَيْلٌ لِّكُلِّ هُمَزَةٍ لُّمَزَةٍ ﴿١﴾

Al-Humazah 104:1

Maksudnya, “Kecelakaan besar bagi tiap-tiap pencaci, pengeji”.

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَب بَّعْضُكُم بَعْضًا أَنُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢﴾

Al-Hujurat 49:12

Maksudnya, “Wahai orang-orang yang beriman! jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadaNya. (oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani”.

Manakala dari hadis Nabi pula tentang amalan buruk mengumpat seperti diriwayatkan

dalam Sahih Muslim , daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa sabda Rasulullah (s.a.w) ;

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّهُ قِيلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا الْغَيْبَةُ؟ قَالَ: ذِكْرُكَ أَخَاكَ بِمَا يَكْرَهُ قِيلَ: أَفَرَأَيْتَ إِنْ كَانَ فِي أَخِي مَا أَقُولُ؟ قَالَ إِنْ كَانَ فِيهِ مَا تَقُولُ فَقَدْ اغْتَبْتَهُ، وَإِنْ لَمْ يَكُنْ فِيهِ مَا تَقُولُ فَقَدْ بَهْتَهُ .

Maksudnya, “Dari Abu Hurairah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) ditanya apakah itu al-Ghibah (mengumpat)? Sabdanya : Kamu menyebut sesuatu tentang saudara kamu sedangkan ia membencinya. Baginda ditanya lagi, Adakah Kamu lihat sesuatu pada apa yang katakan kepada saudaraku? Jawab Baginda: Sekiranya ada maka kamu mengumpatnya dan sekiranya tiada maka kamu mendustainya”⁷⁵

Dalam hadis lain pula diceritakan tentang fitnah atau al-Namimah, daripada Hudhaifah (r.a) beliau berkata aku mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda ;

" لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ فَنَاتٌ "

Maksudnya, “Tidak akan masuk syurga orang yang mengadu domba orang lain agar tercipta perselisihan atau perbalahan”⁷⁶

Berdasarkan dalil di atas ternyata bahawa Islam memandang berat kepada amalan buruk lidah seseorang seperti mengumpat dan memfitnah sehingga diberi amaran oleh Nabi, orang sedemikian tidak akan masuk syurga. Dosa lidah seperti memfitnah adalah lebih berat daripada membunuh seperti firman Allah (s.w.t) sebanyak dua kali :

وَالْفِتْنَةُ أَشَدُّ مِنَ الْقَتْلِ ...

Al-Baaqarah 2:191

Maksudnya, “ dan (ingatlah bahawa angkara) fitnah itu lebih besar bahayanya daripada pembunuhan” .

وَالْفِتْنَةُ أَكْبَرُ مِنَ الْقَتْلِ ...

Al-Baqarah 2:217

Maksudnya, “ angkara fitnah itu lebih besar (dosanya) daripada pembunuhan (semasa perang dalam bulan yang dihormati)”.

⁷⁵Zaki al-Din ‘Abd al-‘Azim al-Mundhiri. (2004). *Ringkasan Sahih Muslim*. Selangor. Crescent News (KL) Sdn.Bhd. Bab al-Nahy ‘an al-Ghibah. No.1806. h.1043 & Al-Nawawi, Muhy al-Din Abi Zakariya Yahya bin Syarf al-Nawawi. (t.t.) *al-Adhkar al-Muntakhibah min Kalam Sayyid al-Abrar (s.a.w.)* Kaherah. Dar al-Kutub al-‘Arabiyyah. h.431.

⁷⁶Zaki al-Din ‘Abd al-‘Azim al-Mundhiri. *Ringkasan Sahih al-Bukhari* Kitan al-Adab (2004). Selangor. Crescent News (KL) Sdn.Bhd. No.2032. h:852.

Daripada Abu Hurairah (r.a) daripada Nabi (s.a.w) bersabda : *يستر عبد عبدا في الدنيا* " *إلا ستره الله يوم القيامة* ". Maksudnya, "Tiadalah seorang itu yang menutup aib saudaranya di dunia ini melainkan Allah akan menutupi aibnya di hari akhirat".⁷⁷

Kesimpulannya, Islam telah membuat batasan dan meletakkan adab agar jangan mengamalkan fitnah atau adu bomba dan perlulah menjaga aib saudaranya. Ini kerana buruk padahnya pada kehidupan manusia itu sendiri di dunia ini dan mendapat balasan buruk di akhirat nanti. Penulis beranggapan perkara inilah yang diabaikan oleh masyarakat Islam khususnya pelajar sekolah lagi, seperti yang banyak berlaku mereka dengan sewenang-wenangnya menyebarkan pelbagai fitnah di alam media internet.

3.5.5 Adab Berpakaian Dan Batasan Aurat

Islam mengharuskan setiap muslim dan muslimah berketerampilan baik dan cantik dengan perhiasan diri yang dikurniakan oleh Allah (s.w.t). Namun begitu, soal berpakaian dan berhias diri pada prinsip asasnya menurut Islam adalah menutup aurat samada lelaki mahupun perempuan. Prof. Dr. Yusuf al-Qardawi (1993)⁷⁸ menyatakan terdapat dua tujuan dari mengenakan pakaian dari kaca mata Islam iaitu, menutup aurat dan perhiasan. Sesiapa yang melampaui dari garisan kedua-dua perkara tersebut maka ia telah menyimpang dari landasan Islam dan menuju ke jalan syaitan.

Mengenai pakaian atau perhiasan yang dilarang dalam Islam adalah seperti emas dan sutera diharamkan kepada lelaki dan diharuskan kepada perempuan.⁷⁹ Pandangan

⁷⁷ Al-Nawawi, Imam Abu Zakariya Yahya bin Syarf al-Nawawi. (1995). *Riyad al-Salihin min Kalam Sayyid al-Mursalin*. Terjemahan : H.Salim Bahreisy. Kuala Lumpur. Victoriy Agency. j.1. hl: 231.

⁷⁸ Yusuf al-Qardawi (Prof. Dr). (1993). *Al-Halāl wa al-Harām fi al-Islam*. Kaherah. Maktabah Wahbah. h.79.

⁷⁹ Ibid. hl.81.

beliau berdasar kepada hadis daripada Abu Musa al'Asy'ari bahawa Rasulullah (s.a.w.) bersabda :

" حُرِّمَ لِبَاسُ الْحَرِيرِ وَالذَّهَبِ عَلَى ذَكَوْرِ أُمَّتِي وَأَحْلَلَّ لِإِنَاثِهِمْ."

Maksudnya, "Diharamkan pakaian dari sutera dan emas kepada lelaki dari umatku namun halal bagi wanita".⁸⁰

Dalam hadis lain pula ;

" عن حذيفة رضي الله عنه قال: نهانا النبي صلى الله عليه وسلم أن نشرب في آنية الذهب والفضة وأن نأكل فيها ' وعن لبس الحرير والديباج ' وأن تجلس عليها "

Maksudnya, "Diriwayatkan daripada Abū Ḥudhaifah (r.a) Nabi (s.a.w) melarang kami makan dan minum dari bekas emas dan perak, Nabi juga melarang kami memakai baju dari kain sutera atau duduk di atasnya".

" عن عمر رضي الله عنه : قال النبي صلى الله عليه وسلم : مَنْ لَبَسَ الْحَرِيرَ فِي الدُّنْيَا لَمْ يَلْبَسْهُ فِي الآخِرَةِ "

Maksudnya, "Diriwayatkan daripada 'Umar (r.a) : Nabi (s.a.w) pernah bersabda : Lelaki yang mengenakan pakaian sutera di dunia tidak akan memakainya di akhirat".⁸¹

Kesimpulannya, pakaian atau kain sutera dan emas adalah diharamkan kepada kaum lelaki, namun diharuskan kepada kaum wanita. Manakala bekas makanan atau minuman yang diperbuat daripada emas dan perak adalah dilarang dalam Islam.

Seperti dibicarakan dalam soal pemakaian, setiap muslim atau muslimah perlu mematuhi garis panduan berdasarkan kepada penjagaan aurat dalam Islam. Ini kerana fungsi utama memakai sesuatu pakaian adalah untuk menutup aurat masing-masing.

⁸⁰ Al-Tirmīzi, Muhammad 'Isa bin Surah.(1993). *Sunan al-Tirmizi*. Terjemahan: H.Mohd Zuhri (Drs). Kuala Lumpur. Victory Agency. Jld.3.No.1774. hl.285.

⁸¹ Zaki al-Dīn 'Abd al-'Azīm al-Mundhiri. (2004). *Ringkasan Sahih al-Bukhari, Kitab al-Libas*. Selangor. Crescent News (KL) Sdn.Bhd. No.1988-1989. hl.841.

Menurut Prof. Dr. Wahbah al-Zuhaili (1991)⁸² dalam membicarakan tafsiran ayat (surah al-Nur : 30-31), membahagikan perihal aurat kepada 4 kategori iaitu ;

i. Aurat lelaki dengan lelaki. Batasannya adalah antara pusat dan lutut. Tidak diharuskan mereka tidur bersama dalam keadaan mengiring antara keduanya (al-Mudaja'ah). Makruh pula bagi mereka untuk berpelukan (al-Mu'anaqah : melagakan tengkuk) melainkan dengan anak kandungnya. Adapun berjabat tangan (al-Musafahah) adalah diharuskan.

ii. Aurat perempuan dengan perempuan. Batasannya sama seperti aurat antara lelaki dengan lelaki iaitu antara pusat dan lutut. Tidak diharuskan juga tidur secara al-Mudaja'ah antara mereka seperti hukum sesama lelaki. Adapun jika bersama perempuan bukan muslimah, badan mereka tidak boleh didedahkan kecuali muka dan kedua tangan.

iii. Aurat perempuan dengan lelaki. Sekiranya perempuan itu bukan mahramnya maka seluruh badannya aurat kecuali muka dan kedua tangannya. Lelaki itu tidak boleh memandangnya melainkan ada keperluan diharuskan syarak seperti jual beli, semasa pertunangan dan merawat pesakit. Adapun jika lelaki itu ialah mahramnya dengan sebab keturunan, susuan atau persemendaan (al-Muṣāharah), maka aurat perempuan itu adalah antara pusat dan lutut. Manakala jika perempuan itu sebagai isteri kepada lelaki tersebut, suaminya harus melihat seluruh badan dan kemaluannya (isteri) pula makruh dilihat.

⁸² Wahbah al-Zuhaili (Prof. Dr.). (1991). *Al-Tafsir al-Munīr fī al-'Aqīdah wa al-Syarī'ah wa al-Manhaj*. Beirut. Dar al-Fikr al-Mu'asir. jzk.18. h.223-226.

iv. Aurat lelaki dengan perempuan. Jika lelaki itu bukan mahram, maka auratnya antara pusat dan lutut. Namun sekiranya lelaki itu sebagai suami kepada perempuan itu, beliau boleh melihat seluruh badan suaminya dan makruh melihat kemaluannya (suami).

Dalam meniti arus kemajuan fesyen masa kini terutama bagi wanita, Islam bukanlah menafikannya secara total namun prinsip asasnya adalah memenuhi konsep menutup aurat sebenar seperti dibicarakan. Termasuk juga pakaian yang tidak ketat sehingga nampak bentuk tubuh badan wanita tersebut. Menurut Prof. Dr. Yūsuf al-Qardāwi (1993)⁸³, Islam mengharamkan wanita berpakaian sedemikian sehingga nampak bentuk badan terutama pada buah dada, pinggang dan sebagainya yang boleh menimbulkan fitnah. Sebuah hadis riwayat Muslim daripada Abu Hurairah (r.a) berkata Rasulullah (s.a.w) ada bersabda :

" صِنْفَانِ مِنَ أَهْلِ النَّارِ لَمْ أَرَهُمَا : قَوْمٌ مَعَهُمْ سِيَّاطٌ كَأَذْنَابِ الْبَقَرِ يَضْرِبُونَ بِهَا النَّاسَ ' وَنِسَاءٌ كَاسِيَاتٌ عَارِيَّاتٌ ' مُمِيلَاتٌ مَائِلَاتٌ رُؤُوسُهُنَّ كَأَسْنِمَةِ الْبُخْتِ الْمَائِلَةِ لَا يَدْخُلْنَ الْجَنَّةَ وَلَا يَجِدْنَ رِيحَهَا ' وَأَنْ رِيحَهَا لَتُوجَدَ مِنْ مَسِيرَةِ كَذَا وَكَذَا " .

Maksudnya, “Dua golongan ahli neraka yang aku belum melihatnya, iaitu pertamanya orang yang memiliki cemeti seperti ekor sapi untuk memukul orang lain. Keduanya, wanita-wanita setengah telanjang (kerana kainnya terlalu nipis, terlalu pendek atau terlalu ketat) merangsang lagi merayu. Rambut mereka dianyam seperti bonggok unta. Mereka tidak akan masuk syurga bahkan tidak dapat mencium baunya, padahal bau syurga dapat terasa dari jarak perjalanan yang jauh”⁸⁴.

⁸³ Yusuf al-Qardawi (Prof. Dr). (1993). *Al-Halāl wa al-Harām fi al-Islam*. Kaherah. Maktabah Wabbah. h.84.

⁸⁴ Zaki al-Din ‘Abd al-‘Azīm al-Mundhiri. (2004). *Ringkasan Şahih Muslim, Kitāb al-Libās wa al-Zīnah*. Selangor. Crescent News (KL) Sdn.Bhd. no.1388. hl.785.

Berdasarkan kedudukan dan batasan pakaian serta aurat yang dibicarakan di atas, penulis merumuskan antara garis panduan pakaian yang memenuhi ciri-ciri menutup aurat mengikut syariah Islam adalah seperti berikut ;

Pertama: Pakaian lelaki, kain yang tebal (tidak nipis) tidak nampak kulit atau bentuk tubuh, longgar atau tidak ketat sehingga nampak bentuk tubuh dan tidak menyerupai pakaian wanita.

Kedua : Pakaian wanita, menutup seluruh badan kecuali apa yang terdapat dalam syariat seperti dibicarakan pada awal topik ini, labuh sehingga menutup kaki atau pakai stokin, tidak ada hiasan berlebihan pada pakaian, kainnya tebal yang tidak tembus dipandang, tidak sempit sehingga terlihat bentuk tubuh badan, lebih elok berwarna gelap, tidak berwarna-warni berlebihan (boleh menarik perhatian), tidak menyerupai pakaian lelaki, tidak menjolok mata, tidak menyerupai pakaian ibadah agama lain dan tidak mengenakan bau-bauan secara berlebihan. Ciri-ciri ini bertepatan dengan apa terdapat dalam garis panduan pakaian wanita Islam yang bekerja.⁸⁵

Kesimpulannya, menutup aurat adalah satu kewajipan yang mesti dipatuhi oleh setiap muslimin dan muslimat terutama apabila mereka keluar rumah seperti pergi bekerja dan sebagainya. Hikmah Islam memberi garis panduan dalam berpakaian dan berhias adalah bagi menjaga maruah umatnya terutama kepada kaum wanita yang sering dikaitkan dengan pendedahan aurat. Dalam konteks pelajar sekolah adalah sama juga, mereka perlu menjaga batasan aurat dalam pergaulan sesama mereka, samada antara sesama pelajar perempuan atau antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dan

⁸⁵ Nik Ismah Nik Abdul Rahman. (1989). *Bentuk Pakaian Wanita Islam Bekerja*. Kuala Lumpur. Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri. cet.2. h.6-22.

sebaliknya. Termasuk juga guru dan warga sekolah lain tetap tertakluk kepada batasan menutup aurat seperti dibicarakan.

3.5.6 Hukum Lelaki Menyerupai Wanita dan Wanita Menyerupai Lelaki

Dalam menyatakan isu berkaitan wanita menyerupai lelaki dan sebaliknya, majoriti ulama' bersepakat bahawa Islam melarang perbuatan tersebut.⁸⁶ Prof. Dr. Yūsuf al-Qardāwi (1993)⁸⁷ menyatakan isu ini adalah satu perkara terburuk menimpa hidup manusia kerana ia telah keluar dari fitrah semulajadi setiap lelaki dan wanita. Ini sebagai kecelaruan dan keruntuhan moral. Pengkid iaitu wanita yang berpenampilan dan mempunyai gerak laku serta naluri seksual seperti lelaki, dan lelaki yang menyerupai wanita (maknyah atau pondan) sama ada dari segi pakaian, penampilan dan gerak laku serta naluri seksual seperti wanita adalah haram di sisi Islam. Sabda Rasulullah (s.a.w) :

" عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ : لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُتَشَبِّهِينَ مِنَ الرِّجَالِ بِالنِّسَاءِ، وَالْمُتَشَبِّهَاتِ مِنَ النِّسَاءِ بِالرِّجَالِ".

Maksudnya : Daripada Ibn ‘Abbas (r.a) berkata: Rasulullah (s.a.w) melaknat mereka yang menyerupai wanita daripada kalangan lelaki dan mereka yang menyerupai lelaki daripada kalangan wanita”⁸⁸.

" عن ابن عباس رضي الله عنهما قال : لعن النبي صلى الله عليه وسلم المُخَنَّثِينَ مِنَ الرِّجَالِ وَالْمُتَرَجَّلَاتِ مِنَ النِّسَاءِ".

⁸⁶ Ibn Hajar al-‘Asqalāni,(1986). *Fatḥ al-Bāri bi Syarḥ al-Bukhārī*. Kaherah, Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābi al-Ḥalabi. Kitab al-Nikah, jld.9. h.248.

⁸⁷Yusuf al-Qardawi (Prof. Dr). (1993). *Al-Ḥalāl wa al-Ḥarām fi al-Islām*. Kaherah. Maktabah Wahbah. h. 85.

⁸⁸ Ibn Hajar al-‘Asqalāni,1986. *Fatḥ al-Bāri bi Syarḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Libās, Bāb al-Mutasyabbihīn bi al-Nisā’ wa al-Mutasyabbihāt bi al-Rijāl*. Kaherah, Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābi al-Ḥalabi. jld.10. h.345.

Maksudnya : Daripada Ibn ‘Abbas (r.a) berkata: Rasulullah (s.a.w) melaknat mereka yang menyerupai wanita daripada kalangan lelaki dan mereka yang menyerupai lelaki daripada kalangan wanita”

Al-Ṭabari dalam Ibn Hajar al-‘Asqalāni (1986) menyatakan maksud menyerupai dalam konteks hadith di atas termasuklah daripada aspek berpakaian, perhiasan, penampilan cara bercakap, cara berjalan dan sebagainya.⁸⁹. Bertepatan juga seperti menurut Prof. Dr. Yūsuf al-Qarḍāwi (1993)⁹⁰ bahawa empat perkara yang berkaitan menyerupai adalah aspek percakapan, pergerakan, gaya berjalan dan pakaian.

Kesimpulannya, penulis beranggapan bahawa lelaki menyerupai gaya seperti perempuan dan sebaliknya adalah satu penyakit dalam masyarakat. Ia perlu dibendung dari bangku sekolah lagi dengan pendidikan seperti PSI kepada pelajar tentang kedudukan golongan tersebut. Hadis berkaitan hukum tingkah laku tersebut dengan jelas iaitu secara nas menyebut perkara tersebut seperti dibicarakan pada awal topik ini. Perkataan “laknat” yang digunakan sudah jelas menunjukkan bahawa betapa besarnya kesalahan dan dosa perbuatan tersebut. Dengan kata lain sekiranya mereka meninggal dunia dan tidak sempat bertaubat kepada Allah (s.w.t), kepada siapakah mereka akan mendapatkan syafaat di akhirat nanti kerana mereka telah dilaknat oleh Nabi Muhammad (s.a.w). Penulis juga sentiasa mendoakan agar mereka yang terlibat diberi taufik dan hidayah oleh Allah (s.w.t) dan kembali ke jalan yang benar iaitu jalan yang diredai oleh-Nya. Justeru, sebagai umat Islam mereka perlu kembali kepada sumber hukum Islam iaitu al-Quran, al-Sunnah, Ijma’ ulama’ dan qias.

⁸⁹ Ibid. Bab Ikhrāj al-Mutayabbihīn bi al-Nisā’. hl.346.

⁹⁰ Yūsuf al-Qarḍāwi (Prof. Dr). (1993). *Al-Ḥalāl wa al-Ḥaram fi al-Islām*. Kaherah: Maktabah Wahbah. h. 85.

3.5.7 Adab Makan dan Minum

Islam telah meletakkan asas dalam adab makan dan minum bagi umatnya. Beradab dalam makan minum ini mencerminkan peribadi mulia seseorang muslim. Gesaan makan minum daripada suatu yang halal dan baik untuk kesihatan adalah diutamakan. Pertamanya gesaan secara umum kepada seluruh manusia, seperti firman Allah (s.w.t)

;

يَأْتِيهَا النَّاسُ كُلُّوْا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ



Al-Baqarah 2:168

Maksudnya, “Wahai sekalian manusia! makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.

Kemudian gesaan khusus kepada muslimin seperti firman Allah (s.w.t.) :

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُلُّوْا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَأَشْكُرُوا لِلَّهِ إِنْ كُنْتُمْ عَلَيْهِ تَعْبُدُونَ ﴿١٧٢﴾
إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنزِيرِ وَمَا أُهْلَ بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ فَمَنْ أَضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا

عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ عَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٧٣﴾

Al-Baqarah 2:172-173

Maksudnya, “Wahai orang-orang yang beriman! makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukur kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadaNya. Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginiya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Menurut Prof. Dr. Yūsuf al-Qardāwi (1993)⁹¹, Allah (s.w.t) dengan jelas mengharamkan hanya empat perkara dalam menu pemakanan manusia iaitu memakan bangkai, darah, daging babi dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah. Penulis beranggapan Allah (s.w.t) bukanlah menyekat kebebasan muslimin pada hal pemakanan tetapi perlu menjaganya agar menepati konsep halal dan baik untuk kesihatan seperti dibicarakan di awal topik ini.

Adapun untuk minuman pula Islam dengan jelas mengharamkan arak dan selain arak minuman itu adalah diharuskan selama mana ia menepati konsep halal dan baik.

Firman Allah (s.w.t) :

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْاَنْصَابُ وَالْاَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطٰنِ فَاَجْتَنِبُوْهُ

لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُوْنَ

Al-Maidah 5:90

Maksudnya, “Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan syaitan. oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya”.⁹²

Menurut Prof. Dr. Yusuf al-Qardawi (1993)⁹³ lagi apa yang penting ialah kesan buruk dari minum arak itu seperti hilang pertimbangan dan manusia itu sendiri akan digelar dengan pelbagai gelaran berkaitan arak dan mabuk. Larangan ini termasuk minuman lain atau sesuatu yang memabukkan adalah haram. Nabi Muhammad (s.a.w) pernah ditanya minuman yang dibuat dari madu, bijian dan gandum yang diperam hingga boleh memabukkan. Daripada Ibn ‘Umar (r.a) Baginda (s.a.w) menjawab dengan

⁹¹ Yūsuf al-Qardāwi (Prof. Dr). (1993). *Al-Ḥalāl wa al-Ḥaram fi al-Islām*. Kaherah: Maktabah Wahbah. h.46-50.

⁹² Surah al-Maidah. 5:90.

⁹³ Yūsuf al-Qardāwi (Prof. Dr). (1993). *Al-Ḥalāl wa al-Ḥaram fi al-Islām*. Kaherah: Maktabah Wahbah. h.72.

jawapan ringkas dan padat : " كلُّ مسكرٍ خمرٌ وكلُّ خمرٍ حرامٌ " Maksudnya, "Setiap yang memabukkan adalah arak, setiap arak adalah haram".⁹⁴ Justeru itu sebarang jenis minuman atau makanan yang memabukkan adalah haram hukumnya. Antara perkara yang memabukkan selain arak dan selalu dikaitkan dengan remaja termasuk pelajar sekolah seperti penyalahgunaan dadah sebagaimana kenyataan Prof. Prof. Dr. Yūsuf al-Qardāwi (1993) bahawa dadah termasuk perkara yang memabukkan.⁹⁵ Antara jenis yang popular seperti pil "extacy", daun air ketum⁹⁶ dan sebagainya dan asasnya semua ini adalah memabukkan.

Manakala perkara berkaitan adab makan juga dititikberatkan oleh Islam. Antaranya ialah kita tidak boleh mencela makanan seperti kenyataan sebuah hadis dari Abū Hurairah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda ما عابَ رسولُ الله صلى الله عليه " " ما عابَ رسولُ الله صلى الله عليه " Maksudnya, "Rasulullah tidak pernah mencela makanan selamanya, jika ia suka dimakannya dan jika tidak suka ditinggalkannya".⁹⁷ Imam al-Nawawi⁹⁸ pula didapati juga membicarakan adab makan dan minum dengan membawa beberapa buah hadis. Antaranya, beliau menyebut daripada Abdullah bin 'Amrū bin al-'Ās (r.a) daripada Nabi (s.a.w) apabila Baginda menghampiri makanan akan membaca doa : اللهم بَارِكْ لَنَا فِيْمَا رَزَقْتَنَا ' وَفِنَا عَذَابَ النَّارِ " اللهم بَارِكْ لَنَا فِيْمَا رَزَقْتَنَا ' وَفِنَا عَذَابَ النَّارِ " . Imam al-Nawawi juga membawa sebuah hadis dari Sahih Bukhāri dan Muslim daripada 'Umar bin Abu Salmah (r.a) berkata ketika itu aku masih kanak-

⁹⁴Zaki al-Din 'Abd al-'Azim al-Mundhiri. 2004. *Ringkasan Sahih Muslim*. Selangor. Crescent News (KL) Sdn.Bhd. Kitab al-Asyribah.No.1262. h.728.

⁹⁵ Yusuf al-Qardawi (Prof. Dr). (1993). *Al-Halāl wa al-Harām fi al-Islām*. Kaherah. Maktabah Wahbah. h.76.

⁹⁶ www.e-fatwa.gov.my/ fatwa pengharaman air daun ketum. (3.10.2005). (Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah bersidang dan memutuskan air daun ketum adalah haram).

⁹⁷ Al-Nawawi, Imam Abu Zakariya Yahya bin Syarf al-Nawawi. (1995). *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn min Kalām Sayyid al-Mursalīn*. Terjemahan : H.Salim Bahreisy. Kuala Lumpur: Victoriy Agency. Jld.1. h.551.

⁹⁸ Al-Nawawi, Muhy al-Din Abi Zakariya Yahya bin Syarf. (t.t). *al-Adhkār al-Muntakhibah min Kalām Sayyid al-Abrār (s.a.w.)* Kaherah: Dār al-Kutub al-'Arabiyyah. h. 292-293.

kanak dan bersama Rasulullah (s.a.w) di rumahnya sedang di tanganku ada sedikit makanan. Maka Rasulullah (s.a.w) berkata kepadaku : **” يَا غَلامَ سَمِّ اللَّهَ تَعَالَى ’ وَكُلْ ”** " يا غلام سم الله تعالى ' وكل " " **” يَا غَلامَ سَمِّ اللَّهَ تَعَالَى ’ وَكُلْ مِمَّا يَلِيكَ ”** Maksudnya, “Wahai anak! Sebutlah nama Allah Taala, makanlah dengan tangan kananmu dan ambillah makanan yang lebih hampir”. Kemudian beliau memetik hadis tentang doa selepas makan riwayat Abū Daud, daripada Abi Sa’id al-Khudri (r.a) mengatakan apabila Rasulullah (s.a.w) selesai makan Baginda membaca doa : **” الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَطْعَمَنَا وَسَقَانَا وَجَعَلَنَا مُسْلِمِينَ ”** .

Berdasarkan hadis di atas, ternyata Islam mengturkan adab makan minum umatnya agar bersopan sebelum, semasa dan selepas makan. Apabila hendak makan seperti memulakannya dengan nama Allah dan membaca doa terlebih dahulu agar diberkati oleh Allah (s.w.t). Semasa makan juga umat Islam diajar menjaga adab dengan tidak gelojoh mengambil makanan seperti mengambil yang dekat dahulu. Selepas makan pula diajarkan bersyukur kepada Allah (s.w.t) yang memberi rezeki makan dan minum itu dengan membaca doa seperti dinyatakan. Kesimpulannya, Islam amat menitikberatkan soal makan dan minum umatnya untuk memastikan apa yang masuk ke dalam perut mereka adalah sumber yang halal dan bersih. Adab-adab sebelum, semasa dan selepas makan juga mencerminkan keperibadian dan merupakan sebahagian adab pergaulan dalam Islam.

3.5.8 Hukum Menderhakai Ibu bapa

Dalam Islam, mentaati kedua ibu bapa merupakan satu kewajipan kepada setiap anak. Menurut Prof. Dr. Yūsuf al-Qarḍāwī (1993)⁹⁹, hak bagi kedua ibu bapa yang mesti ditunaikan oleh anaknya ialah berbuat baik, mentaati suruhan mereka dan memuliakan mereka. Sebaliknya apabila menderhakai mereka adalah satu daripada dosa besar (al-Kabā'ir).

Kewajipan mentaati ibu bapa dan menderhakai mereka adalah berdasarkan kepada beberapa dalil ayat al-Quran dan hadis seperti berikut, firman Allah (s.w.t) :

﴿وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ...﴾

Al-Nisa' 4:36

Maksudnya, “Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu pun, dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa ...”.

Manakala dalam ayat yang lain, firman Allah (s.w.t) :

﴿وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۖ إِمَّا يَبُلُغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا تَنْهَرهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ۖ ﴿١٢﴾ وَأَخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الذُّلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ ارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا ۖ﴾

Al-Isra' 17:23

Maksudnya, “Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadanya semata-mata, dan hendaklah kamu berbuat baik kepada ibu bapa. jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah kamu berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun

⁹⁹ Yūsuf al-Qarḍāwī (Prof. Dr). (1993). *Al-Ḥalāl wa al-Ḥaram fī al-Islām*. Kaherah: Maktabah Wahbah. h. h. 223-224.

perkataan "Ha", dan janganlah kamu menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun). Dan hendaklah engkau merendah diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata): "Wahai Tuhanku! cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikkmu semasa kecil."

Manakala antara hadis Nabi (s.a.w) yang membicarakan penderhakaan kepada kedua ibu bapa adalah seperti diriwayatkan oleh al-Bukhāri daripada Abdullah bin ‘Amrū bin al-‘Ās (r.a) daripada Nabi (s.a.w) ada bersabda ;

" الْكِبَائِرُ الْإِشْرَاقُ بِاللَّهِ وَعُقُوقُ الْوَالِدَيْنِ وَقَتْلُ النَّفْسِ وَالْيَمِينُ الْعَمُوسُ "

Maksudnya, "Dosa-dosa besar ialah mensyirikkan Allah, derhaka kepada kedua ibu bapa, membunuh orang dan sumpah palsu".¹⁰⁰

Berdasarkan dalil-dalil tersebut, dapat disimpulkan bahawa Islam meletakkan ketaatan kepada kedua ibu bapa berada selepas ketaatan kepada Allah dan Rasul-Nya. Menjadi kewajipan kepada anak-anak untuk menjaga kedua ibu bapa mereka yang sudah tua. Adapun derhaka kepada kedua ibu bapa merupakan satu dosa besar. Sikap menghormati dan memtaati ibu bapa perlu dididik kepada anak-anak sejak kecil lagi. Ibu bapa sendiri perlu menunjukkan contoh teladan kepada anak mereka dengan mentaati kepada ibu bapa mereka (datuk dan nenek anak mereka) juga. Dalam konteks sukatan PSI sememangnya mendidik para pelajar mentaati kedua ibu bapa dan menjauhi sikap derhaka kepada mereka. Soal selidik pelajar tentang pergaulan mereka dengan ibu bapa wajar dilakukan bagi mengetahui tahap keberkesannya.

¹⁰⁰Al-Nawawi, Imam Abu Zakariya Yahya bin Syarf . (1995). *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn min Kalām Sayyid al-Mursalīn*. Terjemahan : H.Salim Bahreisy. Kuala Lumpur: Victoriy Agency. jld. 2. h. 293.

3.6 MEMELIHARA UKHUWWAH ISLAMIAH

Perkataan ukhuwwah membawa maksud persaudaraan manakala ukhuwwah Islamiah ialah persaudaraan yang berlandaskan ajaran Islam. Islam menganjurkan agar ukhuwwah Islamiah dipelihara dalam kalangan masyarakat agar masyarakat tersebut menjadi kuat dan akrab antara satu sama lain.¹⁰¹ Islam telah meletakkan asas bahawa sesama orang Islam adalah bersaudara tanpa mengira bangsa dan keturunan seperti firman Allah (s.w.t) :

" إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ "

Al-Hujurat 49:10

Maksudnya, “Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara”.

Firman-Nya lagi :

" وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا "

Ali Imran 3:103

Maksudnya, “Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai”.

Sebuah hadis daripada Abu Musa bahawa Nabi (s.a.w) bersabda ; " الْمُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِ " " كَالْبُنْيَانِ يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا ' ثُمَّ شَبَّكَ بَيْنَ أَصَابِعِهِ " Maksudnya, “Seorang mukmin dengan mukmin yang lain umpama sebuah bangunan saling menguatkan antara satu sama lain tak ubah seperti jari-jemarinya yang memegang sesuatu benda”¹⁰² Berdasarkan dalil

¹⁰¹ Fathi Yakan (1983), *Mā Dhā Ya'ni 'an Intimā'i al- Islām*, Beirut : Muassasah al-Risālah, c.10, h.172.

¹⁰² Ibn Hajar al-‘Asqalāni (1986). *Fath al-Bāri bi Syarḥ al-Bukhārī. Kitāb al-Adab, Bāb Ta'āwun al-Mu'minin*. Kaherah: Maṭba'ah Mustafa al-Bābi al-Ḥalabi. jld.10. No.6026. h. 464.

ini menunjukkan bahawa penekanan terhadap ukhuwwah Islamiah adalah signifikan dan relevan pada era globalisasi ini.

Hal ini adalah amat bertepatan dengan peribahasa Melayu ‘cubit paha kanan paha kiri sakit juga’¹⁰³. Bagaimana ukhuwwah Islamiah itu akan dapat dipelihara? Dalam konteks kajian ini, persaudaraan ini akan hanya boleh dikekalkan dengan mengamalkan amalan seperti memberi salam dan berbuat baik sesama muslim lain samada sesama pelajar, guru dan keluarga mahu pun masyarakat. Disamping itu perlu menjauhi perkara-perkara maksiat seperti mendedahkan aurat, mengumpat, menfitnah, memanggil dengan gelaran yang buruk, mencari-cari kesalahan dan keaiban orang lain. Hal ini jelas dinyatakan oleh Allah dalam firman-Nya (surah al-Ahzab 33:11-12) seperti dibicarakan diawal bab ini.

Perbuatan menghina orang lain dalam Islam adalah dilarang sama sekali. Orang kaya tidak boleh menghina orang miskin. Sesungguhnya semua manusia adalah sama dari segi pangkat dan darjat. Hanya ketaqwaaan sahaja yang membezakan mereka antara satu sama lain. Firman Allah (s.w.t) :

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاهُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاهُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ۗ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ
أَتْقَاهُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿٤٩﴾

Al-Hujurat 49:13

Maksudnya, “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai

¹⁰³ *Kamus Dewan*. 1996 . Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Edisi 3. h.957

bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).

Mencela orang lain juga sangat dilarang dalam Islam. Perbuatan yang tidak bermoral tersebut memberi kesan yang amat buruk kepada individu lain. Jika tidak dibendung, sesebuah masyarakat akan menjadi porak-peranda kerana saling berbalah antara satu sama lain. Paling menyedihkan apabila berlakunya perbalahan yang akhirnya tragedi yang tidak ingin dengar iaitu pembunuhan mungkin akan berlaku. Tidak dapat disangkal lagi bahawa perbuatan mencela orang lain dilarang keras oleh Allah (s.w.t) sehinggakan disebut tentang perbuatan tersebut dalam firman-Nya (surah al-Humazah 104:1) seperti dinyatakan di awal bab ini.

Fathī Yakan (1983)¹⁰⁴ menyatakan bahawa hak dan kewajipan persaudaraan yang perlu dipatuhi oleh masyarakat antaranya ialah persaudaraan yang boleh membantu mempertingkatkan ketaatan kepada Allah (s.w.t), persaudaraan yang lebih kepada cuba memenuhi keperluan orang lain dan persaudaraan kearah bekerjasama dalam kebendaan. Bertepatan dengan hadis riwayat Bukhāri dan Muslim, daripada Ibn ‘Umar (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

" الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يَسْلِمُهُ ' مَنْ كَانَ فِي حَاجَةِ أَخِيهِ كَانَ اللَّهُ فِي حَاجَتِهِ ' وَمَنْ فَرَّجَ عَنْ مُسْلِمٍ كُرْبَةً فَرَّجَ اللَّهُ عَنْهُ بِهَا كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا سَتَرَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ "

¹⁰⁴ Fathī Yakan (1983), *Madhā Ya'ni 'An Intimā'i Lil Islām*. Beirut : Muassasah al-Risālah, cet.10. h.172.

Maksudnya, “ Seorang muslim ialah saudara kepada sesama muslim lain, tidak boleh menganiaya dan membiarkan dianiayai, sesiapa yang memenuhi hajat saudaranya maka Allah akan laksanakan hajatnya. Dan sesiapa yang membebaskan kesukaran seorang muslim Allah akan membebaskan kesusahannya di hari kiamat. Dan sesiapa yang menutupi aib seorang muslim Allah akan menutupi aibnya di hari akhirat nanti”.¹⁰⁵

Akhirnya, penulis ingin menegaskan sekali lagi bahawa persaudaraan Islam ini tidak terbatas antara bangsa Melayu semata-mata, namun ia menyeluruh kepada semua bangsa dan keturunan. Islam bersatu di atas kalimah tauhid yang satu iaitu “Tiada Tuhan Melainkan Allah dan Muhammad itu Pesuruh Allah”. Persaudaraan Islam perlu digarap kepada pelajar agar turut merasa sensitiviti dan peka dengan apa yang berlaku di luar negara seperti nasib umat Islam di Palestin, Syria dan sebagainya. Ternyata juga Islam bukanlah mementingkan keturunan tetapi ketaqwaan kepada Allah yang diutamakan seperti firman Allah (s.w.t) dalam surah al-Hujurat (49:13) di atas.

Namun instrumen kajian ini hanyalah terbatas kepada pergaulan sesama kawan, guru, ibu bapa dan keluarga sahaja. Asas pergaulan yang disemai oleh guru menerusi subjek ini amat penting dalam membentuk peribadi muslim dalam kalangan pelajar.

3.7 PENUTUP

Berdasarkan perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa Islam dari awal lagi sudah meletakkan asas-asas penting dalam hal pergaulan bermula di rumah dan di luar rumah seperti sekolah dan masyarakat. Para pelajar sekolah perlu diterapkan dengan adab dan batas pergaulan terutama antara lelaki dan perempuan. Mereka perlu

¹⁰⁵Al-Nawawi, Imam Abu Zakariya Yahya bin Syarf. (1995). *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn min Kalām Sayyid al-Mursalīn*. Terjemahan : H.Salim Bahreisy. Kuala Lumpur. Jld.1-2. Victoriy Agency.hl:233.

dipastikan agar dapat menghayati apa yang dipelajari seperti dalam mata pelajaran PSI atau Pendidikan Islam dan bukanlah mempelajari secara teori sahaja untuk menjawab soalan peperiksaan. Justeru, kajian ini akan melihat pula sejauh mana keberkesanan PSI dalam pergaulan pelajar berdasarkan data soal selidik yang diperolehi.

Melalui pemerhatian penulis, adab dan batasan pergaulan terutama antara lelaki dan perempuan pada peringkat remaja banyak mendorong kepada perkara-perkara maksiat yang akhirnya akan berlaku jenayah-jenayah yang lebih besar dan berat umpamanya kes rogol dan bunuh. Anak-anak yang dilahirkan luar nikah akan terhasil. Fenomena ini yang membimbangkan masyarakat Islam khususnya dan masyarakat dunia amnya. Mengikut statistik pada tahun 1983 di New York, satu pertiga daripada kelahiran anak adalah anak yang tidak sah taraf atau luar nikah. Majoriti mereka dilahirkan oleh gadis berumur 19 tahun ke bawah dan jumlah mereka adalah 112,353 orang bayi atau 37% dari jumlah anak-anak yang diahirkkan di New York.¹⁰⁶

Oleh yang demikian, penulis berpandangan bahawa seeloknya dibuat pengasingan tempat belajar antara lelaki dan perempuan adalah atas dasar kaedah fiqhiyyah *Sadd al-Dharā'i'* (سدّ الذرائع). Batasan pergaulan pelajar perlu diberi perhatian oleh pihak berkaitan kerana dari sinilah bermulanya penghayatan nilai murni dalam pergaulan dapat dipraktikkan selain di rumah ketika bersama keluarga.

¹⁰⁶ Yūsuf al-Qarḍāwī (2000), *Wanita dalam Masyarakat Islam Menurut al-Quran dan al-Sunnah*, Muhammad Baihaqi (terj.), Kuala Lumpur:al-Hidayah Publishers, hl.164.

BAB EMPAT

ANALISA DATA

4.1 PENGENALAN

Dalam bab ini pengkaji akan menganalisa data yang telah dikumpulkan melalui kajian soal-selidik kepada 186 orang responden. Objektif kajian yang telah dinyatakan dalam bab satu akan terjawab apabila data kajian siap dianalisa. Pada Bahagian A, jumlah keseluruhan pelajar yang terlibat dikemukakan. Ia diikuti oleh bilangan dan peratusan mereka mengikut sekolah. Minat dan tidak minat pelajar akan mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah dinyatakan. Pada Bahagian B pula, huraian tentang beberapa penjelasan akan menemukan jawapan kepada beberapa persoalan kajian yang diketengahkan. Terdapat 23 soalan yang terbahagi kepada tiga skop, antaranya ialah tahap kefahaman responden tentang kurikulum mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah (PSI) Tingkatan Empat, tahap penghayatannya terhadap pergaulan seharian dan alasan-alasan pelanggaran batas pergaulan dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring dan Sekolah Berasrama Penuh Intergrasi Batu Rakit di Kuala Terengganu.

4.2 ANALISA DAPATAN KAJIAN

Selari dengan item dalam soal selidik pelajar berkenaan, penulis mengkategorikan analisis kajian ini kepada dua kategori utama. Pertamanya, menganalisis tentang latar belakang responden terlebih dahulu. Keduanya, Menganalisis aspek kefahaman dan tahap penghayatan tentang kurikulum Pendidikan Syariah Islamiah serta alasan-alasannya.

4.2.1. Bahagian A : Analisa Latarbelakang Responden

Bahagian ini menjelaskan latarbelakang tentang pelajar yang terlibat dalam kajian ini. Antara aspek yang dikemukakan ialah jantina, minat terhadap mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah (PSI) dan nama sekolah.

Jadual 4.2.1.1 : Maklumat Jantina Responden

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	54	29.0
Perempuan	132	71.0
Jumlah	186	100.0

Jadual 4.2.1.1 menunjukkan maklumat tentang jantina responden. Seramai 54 orang responden adalah pelajar lelaki mewakili 29% manakala 132 orang dalam kalangan perempuan mewakili 71%. Jumlah semua responden bagi kedua-dua jantina ialah seramai 186 orang. Kesemua pelajar yang terlibat merupakan pelajar tingkatan lima yang telahpun mempelajari mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah sejak di tingkatan empat.

Jadual 4.2.1.2 : Maklumat Minat Responden Terhadap Mata Pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah

Perkara	Kekerapan	Peratus
Berminat	184	98.9
Tidak berminat	2	1.1
Jumlah	186	100.0

Jadual 4.2.1.2 menunjukkan maklumat minat responden terhadap mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah. Keputusan analisa mendapati bahawa daripada jumlah 186 orang pelajar, sebanyak 98.9% yang mewakili 184 orang daripada mereka berminat terhadap mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah manakala 1.1% iaitu seramai 2 orang sahaja tidak berminat. Hal ini menunjukkan bahawa hampir kesemua responden berminat dengan mata pelajaran tersebut.

Jadual 4.2.1.3 : Maklumat Sekolah Responden

Nama sekolah	Kekerapan	Peratus
SMKA Tok Jiring	116	62.4
SBPI Batu Rakit	70	37.6
Jumlah	186	100.0

Jadual 4.2.1.3 menunjukkan maklumat sekolah responden. Dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai 116 orang atau 62.4% ialah pelajar SMKA Tok Jiring manakala 70 orang atau 37.6% ialah pelajar SBPI Batu Rakit.

4.2.2 Bahagian B : Analisa Aspek Kefahaman dan Tahap Penghayatan Tentang Kurikulum PSI Serta Alasan Pelanggaran Batas Pergaulan Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kuala Terengganu

Bahagian ini menjawab objektif penyelidikan yang terdiri daripada tiga skop persoalan kajian iaitu:

1. Mengkaji kefahaman pelajar tentang sukatan Pendidikan Syariah Islamiah (PSI) Tingkatan Empat dari aspek pergaulan.
2. Mengkaji tahap penghayatan pelajar dari aspek pergaulan seharian sebagai kesan mempelajari mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah Tingkatan Empat.
3. Menyelidik alasan-alasan pelanggaran batas pergaulan dan kaitannya dengan pembelajaran Pendidikan Syariah Islamiah Tingkatan Empat.

4.2.2.1 Analisa Dari Aspek Kefahaman Tentang Kurikulum PSI

Jadual 4.2.2.1.1 : Kefahaman Pelajar Tentang Meminta Izin Apabila Memasuki Bilik Ibu Bapa dan Anggota Keluarga

Perkara	Kekerapan	Peratus
Faham	177	95.2
Tidak pasti	0	0.0
Tidak faham	9	4.8
Jumlah	186	100.0

Jadual 4.2.2.1.1 di atas menunjukkan peratus kefahaman responden tentang meminta izin apabila memasuki bilik ibu bapa dan anggota keluarga. Data dalam jadual menunjukkan bahawa 95.2% pelajar faham tentang meminta izin sebelum memasuki bilik anggota keluarga. Peratusan ini mewakili 177 orang pelajar. Pelajar yang tidak

faham pula ialah sebanyak 4.8% iaitu seramai 9 orang dan tidak ada seorang pelajar pun yang tidak pasti.

Jadual 4.2.2.1.2 : Kefahaman Pelajar Tentang Mengikut Waktu Yang Ditetapkan Oleh Islam Apabila Memasuki Bilik Ibu Bapa dan Anggota Keluarga

Perkara	Kekerapan	Peratus
Faham	173	93.0
Tidak pasti	3	1.6
Tidak faham	10	5.4
Jumlah	186	100.0

Jadual 4.2.2.1.2 menunjukkan peratus kefahaman pelajar tentang mengikut waktu yang ditetapkan oleh Islam apabila memasuki bilik ibu bapa dan keluarga. Daripada jumlah keseluruhan 186 orang, sebahagian besar responden memahami tentang waktu yang telah ditetapkan oleh Islam untuk memasuki bilik ibu bapa dan ahli keluarga yang lain. Sebanyak 93.0% atau seramai 173 orang responden faham tentang pernyataan tersebut. Manakala sebanyak 1.6% atau seramai 3 orang sahaja didapati tidak pasti. Seramai 10 orang atau 5.4% pula tidak faham tentang waktu tersebut.

Jadual 4.2.2.1.3 : Kefahaman Tentang Larangan Memanggil Orang Lain Dengan Gelaran Buruk

Perkara	Kekerapan	Peratus
Faham	174	93.5
Tidak pasti	2	1.1
Tidak faham	10	5.4
Jumlah	186	100.0

Jadual 4.2.2.1.3 di atas menunjukkan peratus kefahaman tentang larangan memanggil orang lain dengan gelaran yang buruk. Sebanyak 93.5% (174 orang) daripada keseluruhan responden menyatakan bahawa mereka memahami larangan memanggil

individu dengan nama yang buruk. 1.1 % (2 orang) daripada mereka pula tidak pasti akan larangan tersebut. Di samping itu, sebanyak 5.4% (10 orang) daripada mereka tidak faham tentang larangan memanggil seseorang dengan gelaran yang buruk.

Jadual 4.2.2.1.4 : Kefahaman Tentang Larangan Mengumpat Terhadap Orang Lain

Perkara	Kekerapan	Peratus
Faham	175	94.1
Tidak pasti	2	1.1
Tidak faham	9	4.8
Jumlah	186	100.0

Jadual 4.2.2.1.4 menunjukkan peratusan kefahaman tentang larangan mengumpat terhadap orang lain. Sebanyak 94.1% (175 orang) pelajar faham tentang larangan tersebut. Sebanyak 1.1% (2 orang) pula tidak pasti akan larangan tersebut manakala sebanyak 4.8% (9 orang) lagi tidak memahaminya.

Jadual 4.2.2.1.5 : Kefahaman Tentang Hukum Memberi Salam Kepada Guru Bukan Mahram

Perkara	Kekerapan	Peratus
Faham	173	93.0
Tidak pasti	0	0.0
Tidak faham	13	7.0
Jumlah	186	100.0

Jadual 4.2.2.1.5 menunjukkan peratusan kefahaman tentang hukum memberi salam kepada guru bukan mahram. Sebahagian besar responden memahami tentang hukum memberi salam kepada guru bukan mahram di mana seramai 173 orang (93%) mengakuinya. Sementara itu, tidak ada seorang pun daripada responden yang tidak

pasti akan pernyataan tersebut. Selain itu, hanya segelintir iaitu 13 orang atau 7% yang tidak memahami tentang hukum tersebut.

Jadual 4.2.2.1.6 : Kefahaman Tentang Hukum Memberi Salam Antara Lelaki Dan Perempuan Yang Bukan Mahram Selain Bertujuan Pendidikan Dan Pembelajaran

Perkara	Kekerapan	Peratus
Faham	149	80.1
Tidak pasti	25	13.4
Tidak faham	12	6.5
Jumlah	186	100.0

Jadual 4.2.2.1.6 menunjukkan peratus pengetahuan tentang hukum memberi salam antara lelaki dan perempuan bukan mahram selain bertujuan pendidikan dan pembelajaran. Sebanyak 80.1% (149 orang) daripada responden menyatakan bahawa mereka faham akan hukum tersebut. Mereka yang tidak pasti pula ialah sebanyak 13.4% (25 orang). Sebanyak 6.5% (12 orang) pula menyatakan bahawa mereka tidak memahaminya.

Jadual 4.2.2.1.7 : Kefahaman Tentang Hukum Menjawab Salam Antara Lelaki Dan Perempuan Bukan Mahram Selain Bertujuan Pendidikan Dan Pembelajaran

Perkara	Kekerapan	Peratus
Faham	146	78.5
Tidak pasti	28	15.1
Tidak faham	12	6.4
Jumlah	186	100.0

Jadual 4.2.2.1.7 menunjukkan peratusan pengetahuan tentang hukum menjawab salam antara lelaki dan perempuan bukan mahram selain bertujuan pendidikan dan pembelajaran. 78.5% iaitu 146 daripada jumlah keseluruhan 186 orang pelajar

menyatakan bahawa mereka memahami tentang hokum tersebut. 15.1% iaitu 28 orang responden pula tidak pasti tentang hukum tersebut. Selebihnya iaitu sebanyak 6.4% atau seramai 12 orang daripada responden tidak memahaminya.

Jadual 4.2.2.1.8 : Rumusan Keseluruhan Kefahaman Pelajar Tentang Kurikulum PSI

Bil	Perkara	Faham		Tidak pasti		Tidak faham	
		Keke- rapan	%	Keke- rapan	%	Keke- rapan	%
1	Meminta izin apabila ingin memasuki bilik ibu bapa dan keluarga	177	95.2	0	0.0	9	4.8
2	Mengikut waktu yang ditetapkan oleh Islam apabila memasuki bilik ibu bapa dan keluarga	173	93.0	3	1.6	10	5.4
3	Larangan memanggil dengan gelaran yang buruk	174	93.5	2	1.1	10	5.4
4	Larangan mengumpat	175	94.1	2	1.1	9	4.8
5	Hukum memberi salam kepada guru bukan mahram	173	93.0	0	0.0	13	7.0
6	Hukum memberi salam kepada individu bukan mahram	149	80.1	25	13.4	12	6.5
7	Hukum menjawab salam kepada individu bukan mahram	146	78.4	28	15.1	12	6.5

Jadual 4.2.2.1.8 menunjukkan peratusan keseluruhan berkaitan kefahaman kurikulum PSI. Analisa kajian mendapati keenam-enam aspek yang dikaji menunjukkan keputusan yang baik iaitu melepasi 78 %. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar memahami semua aspek kurikulum berkaitan yang diajar di dalam kelas. Empat aspek telah menunjukkan peratusan melebihi 90%. Ia merangkumi adab memasuki bilik ibu bapa dan anggota keluarga, larangan mengumpat, memanggil

seseorang dengan nama yang buruk serta menghina orang lain. Aspek adab memasuki bilik ibu bapa dan anggota keluarga menunjukkan peratusan yang tertinggi iaitu 95.2% (seramai 177 orang). Peratusan kedua tertinggi ialah aspek larangan mengumpat yang menunjukkan 94.1% (seramai 175 orang responden). Aspek larangan menghina orang dan memanggil dengan gelaran yang buruk menunjukkan peratusan yang hampir sama iaitu melebihi 93%. Aspek larangan menghina orang lain menunjukkan 93.0% (173 orang) manakala aspek larangan memanggil dengan gelaran yang buruk pula menunjukkan 93.5% (174 orang).

Pelajar yang memilih jawapan yang tidak pasti pula adalah paling banyak tertumpu kepada dua aspek iaitu aspek hukum memberi salam kepada seseorang yang bukan mahram dan satu lagi ialah aspek menjawabnya. Data dalam jadual menunjukkan bahawa sebanyak 15.1% (28 orang) tidak pasti tentang hukum menjawab salam manakala 13.4% (25 orang) pula tidak pasti tentang hukum memberi. Selain itu, responden juga turut memilih jawapan tidak pasti pada aspek larangan menghina orang lain sebanyak 1.6% (3 orang), diikuti oleh aspek larangan memanggil dengan panggilan yang buruk dan larangan mengumpat yang masing-masing menunjukkan 1.1% (2 orang). Pada aspek adab memasuki bilik ibu bapa dan keluarga pula, pengkaji mendapati bahawa tidak ada seorangpun yang menjawab tidak pasti iaitu sebanyak 0%. Walaupun demikian, pada hakikatnya bilangan pelajar yang memilih jawapan tidak pasti ini adalah terlalu kecil jika dibandingkan dengan jumlah pelajar yang memahaminya.

Peratusan responden memilih jawapan tidak faham juga terlalu kecil bagi keenam-enam item di atas. Dapatan kajian menunjukkan bahawa masing-masing 6.5% iaitu

seramai 12 orang daripada responden tidak memahami hukum pada dua bahagian item iaitu memberi dan menjawab salam antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram selain bertujuan pendidikan dan pembelajaran. Larangan menghina dan larangan memanggil orang lain dengan gelaran yang buruk juga menunjukkan peratusan yang sama iaitu masing-masing mencatatkan 5.4% (seramai 10 orang). Larangan mengumpat tentang orang lain seterusnya didapati menyamai peratusan adab memasuki bilik ibu bapa dan anggota keluarga yang lain iaitu masing-masing menunjukkan 4.8% (seramai 9 orang).

Jadual 4.2.2.1.9 Purata Peratusan Kefahaman Tentang Kurikulum Mata Pelajaran PSI

Bil	Perkara	Faham	
		Kekerapan	%
1	Meminta izin apabila memasuki bilik ibu bapa dan keluarga	177	95.2
2	Mengikut waktu yang ditetapkan oleh Islam apabila memasuki bilik ibu bapa dan keluarga	173	93.0
3	Larangan memanggil dengan gelaran yang buruk	174	93.5
4	Larangan mengumpat	175	94.1
5	Hukum memberi salam kepada guru	173	93.0
6	Hukum memberi salam kepada individu yang bukan mahram	149	80.1
7	Hukum menjawab salam daripada individu yang bukan mahram	146	78.4
	Purata	167	90.0

Jadual 4.2.2.1.9 menunjukkan purata peratusan kefahaman tentang kurikulum mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah. Kajian mendapati bahawa purata peratus bagi responden yang memahami kurikulum ialah sebanyak 90.0% yang mewakili seramai 167 orang daripada 186 responden secara keseluruhannya. Ini menunjukkan bahawa

sebahagian besar daripada responden memahami perkara yang diajar oleh guru berkaitan batas pergaulan.

Jadual 4.2.2.1.10 Hubungan Antara Jantina Dan Tahap Kefahaman Tentang Kurikulum

Bil	Jantina	N	Mean	Std. Deviation	T	Sig.
1	Lelaki	54	4.19	0.99	-1.917	.057
2	Perempuan	132	4.44	0.74		
df=184						

Jadual 4.2.2.1.10 menunjukkan hubungan antara jantina dan tahap kefahaman responden tentang kurikulum PSI. Keputusan statistik ujian-t tak bersandar menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jantina dan kefahaman tentang kurikulum ($df=184, t=-1.917, p>0.05$). Keputusan ini menunjukkan bahawa jantina tidak mempengaruhi tahap kefahaman mereka berkenaan kurikulum. Seperti yang ditunjukkan, nilai min tahap kefahaman bagi responden lelaki ialah (4.19 ± 0.99) manakala perempuan (4.44 ± 0.74).

4.2.2.1.11 Jadual Hubungan Antara Jenis Sekolah Dan Tahap Kefahaman Tentang Kurikulum PSI

Bil	Nama sekolah	N	Mean	Std. Deviation	T	Sig.
1	SMKA Tok Jiring	116	4.43	0.65	1.272	0.206
2	SBPI Batu Rakit	70	4.25	1.05		
df=100.94						

Jadual 4.2.2.1.11 menunjukkan hubungan antara jenis sekolah dan tahap kefahaman tentang kurikulum PSI. Keputusan ujian-t tak bersandar menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang bererti antara jenis sekolah dan tahap kefahaman responden berkenaan kurikulum ($df=100.94, t=1.272, p>0.05$). Ini menunjukkan bahawa jenis sekolah juga tidak mempengaruhi tahap pemahaman mereka terhadap kurikulum. Jadual di atas juga menunjukkan bahawa nilai min untuk SMKA Tok Jiring adalah (4.43 ± 0.65) manakala SBPI Batu Rakit ialah (4.25 ± 1.05).

Kesimpulan (4.2.2.1)

Sebagai kesimpulannya, setelah ketujuh-tujuh item (Jadual 4.2.2.1.1 – Jadual 4.2.2.1.7) kefahaman pelajar terhadap kurikulum PSI yang merangkumi aspek adab memasuki bilik ibu bapa dan keluarga iaitu meminta izin dan mengikut waktu yang ditetapkan oleh Islam, aspek menghina seseorang iaitu mengumpat dan memanggil dengan gelaran yang buruk di samping aspek hukum memberi dan menjawab salam antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram selain bertujuan pendidikan dan pembelajaran dianalisa, pengkaji mendapati bahawa tahap kefahaman pelajar yang terlibat dalam kajian adalah begitu tinggi. Mereka dapat memahami aspek-aspek kajian yang terkandung dalam sukatan pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah dengan baik. Oleh hal yang demikian, kefahaman yang baik ini menunjukkan bahawa kurikulum yang diperkenalkan kepada pelajar ini begitu berkesan dan sesuai untuk membentuk pergaulan seharian mereka menjadi semakin sihat seperti mana yang digariskan oleh Islam.

Pengkaji juga mendapati bahawa tahap kefahaman responden tidak dipengaruhi oleh jantina (jadual 4.2.2.2.10). Tahap kefahaman mereka seimbang dan tidak cenderung kepada mana-mana jantina. Tahap kefahaman pelajar juga tidak dipengaruhi oleh jenis sekolah (Jadual 4.2.2.2.11). Kefahaman mereka adalah setara kerana pelajar yang diterima masuk ke dua-dua sekolah terbabit adalah pelajar yang terpilih atas sebab kecemerlangan akademiknya.

4.2.2.2 Analisa Dari Aspek Penghayatan Terhadap Kurikulum Pendidikan Syariah Islamiah

Jadual 4.2.2.2.1 : Peratusan Perbuatan Meminta Izin Daripada Ibu Bapa Dan Adik-Beradik Yang Lain Apabila Ingin Memasuki Bilik

Perkara	Kekerapan	Peratus
Pernah	157	84.4
Tidak pernah	29	15.6
Jumlah	186	100.0

Jadual 4.2.2.2.1 menunjukkan peratusan perbuatan meminta izin daripada ibu bapa dan adik-beradik yang lain apabila ingin memasuki bilik mereka. Sebanyak 84.4% iaitu seramai 157 orang responden yang meminta izin manakala sebanyak 15.6% iaitu 29 orang responden pula tidak pernah berbuat demikian.

Jadual 4.2.2.2.2 : Peratusan Perbuatan Mematuhi Waktu Yang Telah Ditetapkan Oleh Islam Apabila Memasuki Bilik Ibu Bapa Dan Adik-Beradik

Perkara	Kekerapan	Peratus
Pernah	182	97.8
Tidak pernah	4	2.2
Jumlah	186	100.0

Jadual 4.2.2.2.2 menunjukkan peratusan perbuatan mematuhi waktu yang telah ditetapkan oleh Islam apabila memasuki bilik ibu bapa dan adik-beradik. Data dalam jadual tersebut menunjukkan bahawa 182 orang pelajar yang mewakili 97.8% telah mengaku bahawa mereka mengikut waktu yang digariskan oleh Islam. Di samping itu, terdapat seramai 4 orang yang mewakili 2.2% pelajar yang tidak pernah mematuhi waktu tersebut.

Jadual 4.2.2.2.3 : Peratusan Perbuatan Memanggil Seseorang Dengan Gelaran Yang Buruk

Perkara	Kekerapan	Peratus
Pernah	149	80.1
Tidak pernah	37	19.9
Jumlah	186	100.0

Jadual 4.2.2.2.3 menunjukkan peratusan perbuatan memanggil seseorang dengan gelaran yang buruk. Kajian mendapati bahawa 80.1% iaitu seramai 149 orang pernah memanggil seseorang dengan gelaran yang buruk. Walau bagaimanapun, hanya 19.9% iaitu hanya 37 orang daripada responden tidak berbuat demikian.

Jadual 4.2.2.2.4 : Peratusan Perbuatan Mengumpat Tentang Orang Lain

Perkara	Kekerapan	Peratus
Pernah	155	83.3
Tidak pernah	31	16.7
Jumlah	186	100.0

Jadual 4.2.2.2.4 menunjukkan peratusan perbuatan mengumpat tentang orang lain. Kajian ini mendapati bahawa sebanyak 83.3% iaitu seramai 155 daripada 186 orang pelajar pernah mengumpat tentang orang lain. Manakala pelajar yang tidak pernah

mengumpat tentang orang lain menunjukkan sebanyak 16.7% iaitu seramai 31 orang sahaja.

Jadual 4.2.2.2.5 : Peratusan Perbuatan Memberi Salam Kepada Guru Apabila Terserempak

Perkara	Kekerapan	Peratus
Pernah	138	74.2
Tidak pernah	48	25.8
Jumlah	186	100.0

Jadual 4.2.2.2.5 menunjukkan peratusan perbuatan memberi salam kepada guru apabila terserempak. Data dalam jadual menunjukkan bahawa 74.2% responden iaitu seramai 138 daripada 186 orang memberi salam kepada guru apabila terserempak. Namun demikian, kajian mendapati sebanyak 25.8% pelajar tidak memberi salam.

Jadual 4.2.2.2.6 : Peratusan Perbuatan Memberi Salam Kepada Seseorang Yang Bukan Mahram Selain Bertujuan Pendidikan Dan Pembelajaran

Perkara	Kekerapan	Peratus
Pernah	99	53.2
Tidak pernah	87	46.8
Jumlah	186	100.0

Jadual 4.2.2.2.6 menunjukkan peratusan perbuatan memberi salam kepada seseorang yang bukan mahram selain bertujuan pendidikan dan pembelajaran. Data dalam jadual tersebut menunjukkan bahawa 53.2% daripada responden yang mewakili 99 orang memberi salam kepada seseorang yang bukan mahram selain bertujuan pendidikan dan pembelajaran manakala 46.8% daripada responden yang mewakili 87 orang daripada jumlah 186 orang pelajar tidak pernah memberi salam.

Jadual 4.2.2.2.7 : Peratusan Perbuatan Menjawab Salam Daripada Seseorang Yang Bukan Mahram Selain Bertujuan Pendidikan Dan Pembelajaran

Perkara	Kekerapan	Peratus
Pernah	157	84.4
Tidak pernah	29	15.6
Jumlah	186	100.0

Jadual 4.2.2.2.7 menunjukkan peratusan perbuatan menjawab salam daripada seseorang yang bukan mahram selain bertujuan pendidikan dan pembelajaran. Data dalam jadual menunjukkan bahawa 84.4% iaitu seramai 157 orang pelajar pernah menjawab salam daripada seseorang yang bukan mahram selain bertujuan pendidikan dan pembelajaran. Responden yang tidak pernah menjawab salam tersebut didapati sebanyak 15.6% iaitu seramai 29 orang sahaja daripada jumlah 186 responden.

Kesimpulan (4.2.2.2)

Jadual 4.2.2.2.8 : Peratusan Keseluruhan Tentang Penghayatan Kurikulum PSI

Bil	Perkara	Pernah		Tidak pernah	
		Keke- rapan	Peratus	Keke- rapan	Peratus
1	Perbuatan meminta izin ibu bapa dan adik-beradik lain apabila memasuki bilik mereka	157	84.4	29	15.6
2	Perbuatan mengikut waktu yang ditetapkan oleh Islam apabila memasuki bilik mereka	182	97.8	4	2.2
3	Perbuatan memanggil seseorang dengan gelaran yang buruk	149	80.1	37	19.9
4	Perbuatan mengumpat tentang orang lain	155	83.3	31	16.7
5	Perbuatan memberi salam kepada guru apabila terserempak	138	74.2	48	25.8
6	Perbuatan memberi salam kepada seseorang bukan muhrim	99	53.2	87	46.8
7	Perbuatan menjawab salam daripada bukan muhrim	157	84.4	29	15.6

Jadual 4.2.2.2.8 di atas menunjukkan peratusan keseluruhan tahap penghayatan pelajar terhadap kurikulum Pendidikan Syariah Islamiah. Daripada tujuh item tentang penghayatan kurikulum PSI yang dikemukakan, hanya tiga item sahaja yang menunjukkan pelajar betul-betul menghayati kurikulum tersebut. Aspek yang pertama yang menunjukkan peratusan yang paling banyak ialah perbuatan mengikut waktu yang ditetapkan oleh Islam apabila memasuki bilik ibu bapa dan adik-beradik yang lain iaitu sebanyak 97.8% (seramai 182 orang daripada 186 orang responden). Aspek perbuatan meminta izin daripada ibu bapa dan adik-beradik yang lain pula merupakan aspek yang menunjukkan peratusan kedua terbanyak iaitu 84.4% (seramai 157 orang). Ia diikuti oleh aspek perbuatan memberi salam kepada guru bukan mahram apabila terserempak yang menunjukkan peratusan sebanyak 74.2% (138 orang).

Terdapat empat aspek kurikulum PSI yang dikaji tidak dapat dihayati oleh responden dengan baik. Aspek yang mencatatkan jumlah peratusan yang paling tinggi ialah aspek perbuatan menjawab salam daripada lelaki dan perempuan bukan mahram selain bertujuan pendidikan dan pembelajaran iaitu sebanyak 84.4% (seramai 157 orang daripada 186 orang). Aspek ini diikuti oleh aspek perbuatan mengumpat tentang orang lain yang menunjukkan peratusan sebanyak 83.3% (seramai 155 orang) manakala aspek lain yang menyusul ialah aspek memanggil seseorang dengan gelaran yang buruk dengan peratusan sebanyak 80.1% (seramai 149 orang). Sementara itu, lebih separuh daripada responden pernah memberi salam kepada lelaki dan perempuan yang bukan mahram selain bertujuan pendidikan dan pembelajaran menerusi dapatan kajian sebanyak 53.2% (seramai 99 orang).

Setelah data kajian tentang penghayatan terhadap kurikulum PSI dianalisa, dapatlah disimpulkan bahawa tahap penghayatan pelajar adalah sederhana. Kesemua item yang dikaji menunjukkan bahawa 2.2% - 46.8% daripada responden telah melanggar batas pergaulan yang ditetapkan oleh Islam. Walaupun perbezaannya tidak melebihi 50%, namun pelbagai pihak perlu mengambil berat tentang pelanggaran ini supaya tidak akan menjadi lebih serius.

Jadual 4.2.2.2.9 Purata Peratusan Ada Penghayatan Terhadap Kurikulum PSI

Bil	Perkara	Kekerapan	Peratus
1	Perbuatan meminta izin ibu bapa dan adik-beradik lain apabila memasuki bilik mereka	157	84.4
2	Perbuatan mengikut waktu yang ditetapkan oleh Islam apabila memasuki bilik mereka	182	97.8
3	Perbuatan tidak memanggil seseorang dengan gelaran yang buruk	37	19.9
4	Perbuatan tidak mengumpat tentang orang lain	31	16.7
5	Perbuatan memberi salam kepada guru apabila terserempak	48	25.8
6	Perbuatan tidak memberi salam kepada seseorang yang bukan mahram selain bertujuan pendidikan dan pembelajaran.	87	46.8
7	Perbuatan tidak menjawab salam daripada seseorang yang bukan mahram selain bertujuan pendidikan dan pembelajaran.	29	15.6
Jumlah		571	307.0
Purata		82	43.9

Jadual 4.2.2.9 menunjukkan purata peratusan ada penghayatan responden terhadap kurikulum PSI tingkatan empat. Kajian mendapati bahawa purata peratusan responden yang dapat menghayati kurikulum PSI secara keseluruhan ialah seramai 82 orang daripada jumlah keseluruhan 186 orang bersamaan 43.9%. Hanya aspek perbuatan

mengikut waktu yang ditetapkan oleh Islam merupakan aspek yang terbanyak dapat dihayati oleh responden iaitu sebanyak 97.8% bersamaan seramai 182 orang responden. Ia diikuti oleh aspek perbuatan meminta izin daripada ibu dan ahli keluarga yang lain yang mencatatkan peratusannya sebanyak 84.4% mewakili seramai 157 orang responden. Namun, dua aspek ini sahaja yang betul-betul dihayati oleh responden manakala lima aspek lain yang dikaji oleh pengkaji menunjukkan hanya sebahagian kecil sahaja menghayati kurikulum tersebut. Mereka bersikap sambil lewa dan tidak prihatin akan garis panduan tentang pergaulan tersebut kerana kelima-lima aspek tersebut tidak dapat mencapai 50% daripada responden yang menghayatinya. Aspek kajian yang dimaksudkan oleh pengkaji ialah aspek memberi salam kepada individu bukan mahram iaitu 46.8% bersamaan 87 orang, memberi salam kepada guru yang bukan mahram sebanyak 25.8% bersamaan 48 orang, memanggil dengan gelaran yang buruk sebanyak 19.9% bersamaan 37 orang, mengumpat tentang seseorang sebanyak 16.7% bersamaan 31 orang dan menjawab salam daripada individu yang bukan mahram sebanyak 15.6% bersamaan 29 orang.

Jadual 4.2.2.2.10 Purata Peratusan Tiada Penghayatan Terhadap Kurikulum PSI

Bil	Perkara	Kekerapan	Peratus
1	Perbuatan tidak meminta izin ibu bapa dan adik-beradik lain apabila memasuki bilik mereka	29	15.6
2	Perbuatan tidak mengikut waktu yang ditetapkan oleh Islam apabila memasuki bilik mereka	4	2.2
3	Perbuatan memanggil seseorang dengan gelaran yang buruk	149	80.1
4	Perbuatan mengumpat tentang orang lain	155	83.3
5	Perbuatan tidak memberi salam kepada guru apabila terserempak	138	74.2

6	Perbuatan memberi salam kepada seseorang yang bukan mahram	99	53.2
7	Perbuatan menjawab salam daripada seseorang yang bukan mahram	157	84.4
Jumlah		731	393.0
Purata		104	56.1

Jadual 4.2.2.2.10 menunjukkan purata peratusan tiada penghayatan terhadap kurikulum PSI. Dapatan kajian menunjukkan bahawa purata peratus bagi responden yang tidak menghayati kurikulum PSI ialah sebanyak 56.1% bersamaan 104 orang daripada jumlah keseluruhan seramai 186 orang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar responden melanggar batas pergaulan yang digariskan oleh Islam walaupun mereka memahami kurikulum PSI. Data dalam jadual menunjukkan sebanyak 84.4% bersamaan 157 orang responden mengakui mereka menjawab salam daripada individu bukan mahram selain bertujuan pendidikan dan pembelajaran. Ia disusuli oleh 83.3% atau 155 orang responden mengumpat tentang orang lain. Sebanyak 80.1% atau seramai 149 orang pula memanggil seseorang dengan nama yang buruk. Responden yang menyatakan mereka dengan sengaja tidak memberi salam kepada guru apabila terserempak di mana-mana ialah sebanyak 74.2% atau seramai 138 orang manakala sebanyak 53.2% mengakui bahawa mereka memberi salam kepada orang bukan mahram selain bertujuan pendidikan dan pembelajaran. Selain itu, 15.6% atau 29 orang daripada 186 orang mendakwa mereka tidak meminta izin ibu bapa dan anggota keluarga yang lain untuk masuk ke bilik mereka di samping 2.2% atau 4 orang pula tidak meminta izin.

Oleh itu, secara puratanya, seramai 104 orang daripada jumlah keseluruhan 186 orang atau sebanyak 56.1% mengakui pernah melakukan salah laku dalam pergaulan seharian mereka. Keadaan ini sekaligus menunjukkan responden tidak betul-betul menghayati dan menerapkan kurikulum PSI dalam pergaulan seharian.

Jadual 4.2.2.2.11 Purata Peratusan Ada Dan Tiada Penghayatan Responden Terhadap Kurikulum Pendidikan Syariah Islamiah (PSI)

Bil	Perkara	Purata	
		Kekerapan	Peratus
1	Ada Penghayatan Terhadap Kurikulum PSI	82	43.9
2	Tiada Penghayatan Terhadap Kurikulum PSI	104	56.1
Jumlah		186	100.0

Jadual 4.2.2.2.11 menunjukkan purata ada atau tiada penghayatan responden terhadap kurikulum mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah. Data dalam jadual menunjukkan purata peratus penghayatan responden tentang kurikulum PSI adalah sebanyak 43.9% atau 82 orang. Purata peratus bagi responden yang tiada penghayatan pula menunjukkan 56.1% atau 104 orang. Ini menunjukkan bahawa jumlah pelajar yang gagal menghayati kurikulum melebihi jumlah mereka yang menghayati. Keadaan ini menandakan bahawa responden yang melanggar batas-batas pergaulan lebih ramai berbanding mereka yang mematuhi dengan jumlah perbezaan purata sebanyak 12.2% atau 22 orang sahaja. Walaupun jumlahnya berbeza, namun perbezaan tersebut tidaklah terlalu besar. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa kurikulum PSI masih lagi berkesan dan sesuai kepada pelajar untuk membataskan pergaulan mereka

seharian sama ada dalam kalangan pelajar sendiri mahupun dengan individu yang lain seperti ibu bapa, ahli keluarga, guru dan masyarakat sekitar.

Jadual 4.2.2.2.12 Purata Peratusan Kefahaman Dan Tahap Penghayatan Sebagai Petunjuk Keberkesanan Kurikulum Pendidikan Syariah Islamiah

Bil	Perkara	Faham	Penghayatan	Purata
1	Meminta izin memasuki bilik ibu bapa dan keluarga	95.2	84.4	89.8
2	Mengikut waktu yang ditetapkan oleh Islam apabila memasuki bilik ibu bapa dan keluarga	95.2	97.8	96.5
3	Memanggil dengan gelaran yang buruk	93.5	19.9	56.7
4	Mengumpat	93.5	16.7	55.1
5	Memberi salam kepada guru bukan muhrim	93.0	74.2	83.6
6	Memberi salam kepada pelajar bukan muhrim	80.1	53.2	66.7
7	Menjawab salam daripada pelajar bukan muhrim	78.4	15.6	47.0

Jadual 4.2.2.2.12 menunjukkan purata peratusan kefahaman dan tahap penghayatan sebagai petunjuk keberkesanan kurikulum Pendidikan Syariah Islamiah. Data dalam jadual menyatakan bahawa aspek mengikut waktu yang ditetapkan oleh Islam sebelum memasuki bilik ibu bapa dan ahli keluarga paling banyak difahami dan dihayati oleh responden dengan puratanya sebanyak 96.5%. Ia diikuti oleh aspek meminta izin sebelum memasuki bilik mereka dengan purata 89.8%. Aspek kefahaman dan penghayatan hukum memberi salam kepada guru bukan mahram pula menunjukkan purata peratusannya sebanyak 83.6%. Ketiga-tiga aspek tersebut pada pandangan pengkaji menunjukkan kefahaman dan penghayatan yang positif. Oleh itu, kurikulum

yang diperkenalkan kepada pelajar adalah rasional dan berkesan untuk membataskan pergaulan mereka.

Namun, terdapat empat aspek lain yang dikaji oleh pengkaji perlu diambil perhatian serius oleh pelbagai pihak kerana walaupun dari segi kurikulumnya, ia mampu difahami dan dikuasai oleh kebanyakan pelajar tetapi penghayatannya terlalu sederhana. Purata peratusan yang ditunjukkan oleh keempat-empat aspek merangkumi aspek larangan memanggil dengan nama yang buruk dan mengumpat di samping aspek memberi dan menjawab salam antara pelajar bukan mahram. Purata peratusannya adalah antara 47% hingga 66.7%. Purata peratusan yang paling sedikit ialah 47% yang ditunjukkan oleh aspek menjawab salam daripada pelajar yang bukan muhrim kemudian ia diikuti oleh larangan mengumpat iaitu sebanyak 55.1%. Larangan memanggil dengan nama yang buruk pula menunjukkan sebanyak 56.7% manakala aspek memberi salam kepada pelajar bukan mahram adalah 66.7%.

Kesimpulannya, walaupun terdapat aspek yang kurang dihayati oleh responden, namun kekurangan penghayatan tersebut adalah pada tahap yang sederhana dan bukan lagi boleh dikatakan terlalu serius. Pengkaji berpendapat bahawa berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh tentang penghayatan terhadap kurikulum PSI dapatlah dirumuskan bahawa kurikulum tentang pergaulan ini masih lagi berkesan kepada pelajar untuk mengawal pergaulan mereka seharian supaya hubungan sosial pelajar dalam seharian dengan ibu bapa, adik-beradik, guru, kawan-kawan dan masyarakat sekeliling mengikut lunas-lunas agama yang mampu mengekang kemerosotan akhlak dalam kalangan mereka.

4.2.2.3 Analisa Dari Aspek Alasan Pelanggaran Batas Pergaulan

Jadual 4.2.2.3.1 Peratusan Alasan Tidak Meminta Izin Untuk Memasuki Bilik Ibu Bapa Dan Ahli Keluarga

Bil	Perkara	Kekerapan	Peratus
1	Ibu bapa tidak kisah dan melarang	107	57.5
2	Merasakan bilik ibu bapa seperti bilik sendiri	14	7.5
3	Berasa keizinan itu tidak penting	7	3.8
4	Ibu bapa sentiasa diperlukan	31	16.7
5	Lain-lain	27	14.5
	Jumlah	186	100

Jadual 4.2.2.3.1 di atas menunjukkan peratusan alasan tidak meminta keizinan untuk memasuki bilik ibu bapa dan anggota keluarga. Keputusan analisis menunjukkan bahawa 57.5% (seramai 107 orang) responden berkata mereka tidak meminta keizinan untuk memasuki bilik ibu bapa dan anggota keluarga kerana ibu bapa sendiri tidak kisah dan melarang. Ia diikuti oleh 16.7% atau 31 orang pula memberi alasan bahawa mereka tidak meminta keizinan tersebut kerana ibu bapa sentiasa diperlukan manakala 14.5% iaitu seramai 27 orang menyatakan bahawa mereka mempunyai alasan yang lain untuk berbuat demikian. Selain itu, 7.5% atau seramai 14 orang menyatakan bahawa mereka tidak meminta izin kerana berasakan bilik ibu bapa seperti bilik mereka sendiri. Bukan itu sahaja, data dalam jadual juga menunjukkan bahawa sebanyak 3.8% atau 7 orang responden menunjukkan bahawa sikap menganggap keizinan ibu bapa dan ahli keluarga tidak penting ketika ingin memasuki bilik menyebabkan mereka tidak mahu mendapatkan keizinan ahli keluarga yang lain.

Jadual 4.2.2.3.2. Peratusan Alasan Tidak Mengikut Waktu Yang Ditetapkan Oleh Islam Sebelum Memasuki Bilik Ibu Bapa Dan Ahli Keluarga Yang Lain

Bil	Perkara	Kekerapan	Peratus
1	Tidak ada waktu yang spesifik ditetapkan oleh ibu bapa	81	43.6
2	Ingin cepat berurusan dengan mereka	53	28.5
3	Tidak dapat menunggu lama untuk bertemu	14	7.5
4	Merasakan ibu bapa perlu bersedia bersama-sama anak-anak tanpa mengira waktu	19	10.2
5	Lain-lain	19	10.2
	Jumlah	186	100.0

Jadual 4.2.2.3.2 menunjukkan peratusan alasan tidak mengikut waktu yang ditetapkan oleh Islam sebelum memasuki bilik ibu bapa dan anggota keluarga yang lain. Keputusan analisis menunjukkan bahawa sebanyak 43.6% iaitu seramai 81 daripada 186 orang responden tidak mengikut waktu yang ditetapkan oleh Islam sebelum memasuki bilik ibu bapa dan ahli keluarga yang lain kerana tidak ada waktu yang spesifik yang ditetapkan oleh ibu bapa mereka sendiri. Sebanyak 28.5% atau seramai 53 orang pula mengakui bahawa mereka gagal mengikut waktu yang disyaratkan oleh Islam atas alasan ingin cepat berurusan dengan keluarga. Bukan itu sahaja, sikap merasakan ibu bapa perlu sentiasa bersedia melayan anak-anak tanpa mengira waktu juga menjadi alasan kepada 10.2% atau seramai 19 orang responden. Dengan jumlah peratus yang sama iaitu 10.2% juga terdapat responden yang mengatakan bahawa mereka tidak mematuhi waktu yang digariskan oleh Islam kerana pelbagai alasan yang lain. Selain itu, alasan tidak dapat menunggu lama untuk berjumpa dengan ibu bapa dan ahli keluarga yang lain juga mendorong responden tidak mengikut waktu yang dibenarkan kerana dapatan kajian menunjukkan sebanyak 7.5% atau seramai 14 orang telah melakukan perbuatan tersebut.

Jadual 4.2.2.3.3 : Peratusan Alasan Memanggil Seseorang Dengan Panggilan Yang Buruk

Bil	Perkara	Kekerapan	Peratus
1	Terikut-ikut dengan kawan	39	21.0
2	Untuk bergurau dan suka-suka	127	68.3
3	Saya tidak menyukai individu tersebut	9	4.8
4	Menjadi kebiasaan keluarga	3	1.6
5	Lain-lain	8	4.3
	Jumlah	186	100.0

Jadual 4.2.2.3.3 menunjukkan peratusan alasan memanggil seseorang dengan panggilan yang buruk. Pelajar telah memanggil seseorang dengan nama yang buruk dengan pelbagai alasan. Antaranya yang terbanyak ialah alasan untuk bergurau dan suka-suka sahaja hingga menunjukkan 68.3% iaitu seramai 127 daripada 186 orang yang melakukannya. Kemudian, ia diikuti oleh 21% atau 39 orang responden yang terikut-ikut dengan kawan sehingga mendorong mereka memanggil orang lain dengan panggilan yang tidak elok didengar. Selain itu, terdapat juga sejumlah 9 orang responden iaitu 4.8% yang mengakui bahawa tidak menyukai seseorang individu telah menyebabkan mereka menggelarkan seseorang itu dengan nama yang kurang baik.

Perbuatan yang menjadi kebiasaan keluarga juga mampu mempengaruhi tingkah laku responden. Hal ini jelas ditunjukkan oleh sebilangan kecil responden iaitu sebanyak 1.6% atau seramai 3 orang yang telah melakukan perkara negatif tersebut atas dasar ia merupakan sebahagian daripada cara hidup keluarga mereka. Namun, sebanyak 4.3% atau 8 orang telah memilih alasan-alasan yang lain untuk berbuat demikian.

Jadual 4.2.2.3.4 : Peratusan Alasan Mengumpat Tentang Seseorang

Bil	Perkara	Kekerapan	Peratus
1	Ibu bapa saya mengumpat tentang orang lain	3	1.6
2	Supaya orang lain tahu cerita sebenar	55	29.5
3	Suka berkumpul dengan kawan-kawan	79	42.5
4	Membenci individu terbabit	26	14.0
5	Lain-lain	23	12.4
	Jumlah	186	100.0

Jadual 4.2.2.3.4 menunjukkan peratusan alasan mengumpat tentang seseorang. Sebahagian besar daripada responden iaitu sebanyak 42.5% dengan jumlah 79 orang mengatakan bahawa tabiat suka berkumpul dengan kawan-kawan merupakan faktor mereka mengumpat tentang individu yang lain. Manakala 55 orang lagi iaitu 29.5% mengakui bahawa mereka mengumpat kerana ingin memberitahu gambaran sebenar tentang sesuatu perkara kepada orang lain. Membenci seseorang juga boleh menyebabkan perbuatan mengumpat. Hal ini berlaku kepada 26 orang responden atau seramai 14.0% yang mengakui bahawa mereka mengumpat kerana kebencian terhadap orang lain manakala 12.4% iaitu seramai 23 orang memilih alasan-alasan yang lain. Perlakuan ibu bapa juga menyumbang ke arah perbuatan mengumpat dalam kalangan anak-anak. Mereka meniru setiap gerak-geri ibu bapa di rumah. Situasi ini dipersetujui oleh segelintir responden kerana sebanyak 1.6% iaitu seramai 3 orang telah mendakwa bahawa mereka mengumpat atas alasan ibu bapa mereka sendiri yang melakukan perbuatan sedemikian.

Jadual 4.2.2.3.5 : Peratusan Alasan Tidak Memberi Salam Kepada Guru Apabila Terserempak

Bil	Perkara	Kekerapan	Peratus
1	Tidak menyukai guru tersebut	23	12.4
2	Malu dengan guru tersebut	70	37.6
3	Tidak mahu dikenali	13	6.9
4	Guru tidak memberi salam kepada saya	4	2.2
5	Lain-lain	76	40.9
	Jumlah	186	100.0

Jadual 4.2.2.3.5 menunjukkan peratusan alasan tidak memberi salam kepada guru apabila terserempak di mana-mana. Dapatan kajian mendapati bahawa seramai 70 orang responden atau 37.6% mendakwa bahawa mempunyai perasaan malu akan guru telah menyebabkan mereka mengelak untuk memberi salam apabila bersua. Seramai 76 orang pula iaitu 40.9% telah memilih alasan-alasan yang lain manakala 23 orang responden yang lain memberi alasan bahawa mereka tidak menyukai guru terbabit. Tidak mahu dikenali oleh kalangan pendidik juga menyumbang kepada sikap suka mengelak daripada memberi salam kepada orang lain. Hasil kajian mendapati sebanyak 6.9% atau 13 orang responden tidak mahu memberi salam kepada guru mereka kerana bersikap sedemikian. Manakala hanya terdapat sejumlah kecil sahaja iaitu 2.2% atau seramai 4 orang yang menyatakan bahawa mereka mengelak daripada memberi salam atas sebab mengikut kelakuan guru yang juga tidak memberi salam kepada mereka.

Jadual 4.2.2.3.6 : Peratusan Alasan Memberi Salam Kepada Seseorang Yang Bukan Mahram Selain Bertujuan Pendidikan Dan Pembelajaran

Bil	Perkara	Kekerapan	Peratus
1	Saya menyukainya dan seterusnya ingin memikat	43	23.1
2	Dorongan kawan-kawan	31	16.7
3	Suka-suka	60	32.3
4	Meniru lakonan dalam drama atau filem	0	0.0
5	Lain-lain	52	27.9
	Jumlah	186	100.0

Jadual 4.2.2.3.6 menunjukkan peratusan alasan memberi salam kepada seseorang yang bukan mahram selain bertujuan pendidikan dan pembelajaran. Hasil kajian mendapati sejumlah besar iaitu 32.3% atau seramai 60 orang mengakui bahawa mereka memberi salam kepada seseorang yang bukan mahram selain bertujuan pendidikan dan pembelajaran kerana hanya suka-suka. Ia diikuti oleh 27.9% atau seramai 52 orang telah menyatakan bahawa mereka mempunyai alasan – alasan yang lain. Walau bagaimanapun, tidak ada seorangpun yang mengatakan bahawa mereka memberi salam kepada seseorang yang bukan mahram kerana terikut-ikut dengan watak dalam drama atau filem. Namun, ada sebilangan besar responden pula iaitu 23.1% atau 43 orang berpendapat bahawa mereka memberi salam sekiranya mereka menyukai seseorang dan seterusnya cuba memikat. Seterusnya sebanyak 16.7% iaitu seramai 31 orang berpendirian bahawa dorongan yang kuat daripada kawan-kawan menggalakkannya memberi salam kepada seseorang yang bukan mahram.

Jadual 4.2.2.3.7 : Peratusan Alasan Menjawab Salam Daripada Seseorang Yang Bukan Mahram Selain Bertujuan Pendidikan Dan Pembelajaran

Bil	Perkara	Kekerapan	Peratus
1	Berasa gembira apabila diberi perhatian oleh seseorang	46	24.7
2	Untuk mengambil hati seseorang	31	16.7
3	Terikut-ikut dengan pengaruh masyarakat sekeliling	12	6.5
4	Takut dilabel sebagai sombong	49	26.3
5	Lain-lain	48	25.8
	Jumlah	186	100.0

Jadual 4.2.2.3.7 menunjukkan peratusan menjawab salam daripada seseorang yang bukan mahram selain bertujuan pendidikan dan pembelajaran. Kajian mendapati bahawa sebanyak 26.3% atau 49 daripada 186 orang responden menyatakan bahawa mereka menjawab salam daripada seseorang yang bukan mahram kerana bimbang dilabelkan sebagai seorang yang sombong.

Sementara itu, sebanyak 25.8% atau 48 orang pula menjawab salam kerana alasan-alasan yang lain. Mempunyai perasaan gembira apabila diberi perhatian oleh seseorang juga merupakan punca 24.7% atau 46 orang responden menjawab salam daripada individu yang bukan mahram. Bukan itu sahaja, sebanyak 16.7% atau seramai 31 orang mengaku bahawa mereka menjawab salam kerana ingin mengambil hati seseorang. Selain itu, seramai 12 orang atau 6.5% responden menyatakan bahawa terikut-ikut dengan pengaruh masyarakat sekeliling menyebabkan mereka berminat untuk menjawab salam daripada orang yang bukan mahram.

Jadual 4.2.2.3.8 Peratusan Alasan Yang Dominan Bagi Setiap Aspek Pergaulan Yang Dikaji

Bil	Perkara	Alasan	Kekerapan	Peratus
1	Tidak meminta izin memasuki bilik ibu bapa dan keluarga	Ibu bapa tidak kisah dan melarang	107	57.5
2	Tidak mengikut waktu yang ditetapkan oleh Islam apabila memasuki bilik ibu bapa dan keluarga	Tidak ada waktu yang spesifik ditetapkan oleh ibu bapa	81	43.6
3	Memanggil dengan gelaran yang buruk	Untuk bergurau dan suka-suka	127	68.3
4	Mengumpat	Suka berkumpul dengan kawan-kawan	79	42.5
5	Tidak memberi salam kepada guru bukan muhrim	Malu dengan guru tersebut	70	37.6
6	Memberi salam kepada seseorang bukan muhrim	Suka-suka	60	32.3
7	Menjawab salam daripada individu bukan muhrim	Takut dilabel sebagai sombong	49	26.3

Jadual 4.2.2.3.8 menunjukkan peratusan alasan yang dominan bagi setiap aspek pergaulan yang dikaji. Kajian mendapati daripada tujuh bahagian yang dikaji, lima alasan yang dominan adalah alasan yang dicipta oleh responden sendiri manakala dua alasan lagi adalah berpunca daripada ibu bapa mereka. Alasan bergurau dan suka-suka merupakan alasan yang popular dalam kalangan pelajar kerana dapatan kajian menunjukkan seramai 127 orang bersamaan 68.3% mengakui bahawa mereka memanggil seseorang dengan panggilan yang buruk dan seramai 60 orang atau 32.3% pula memberi salam kepada orang yang bukan muhrim atas faktor tersebut.

Ini diikuti oleh alasan-alasan dominan yang lain termasuklah alasan ibu bapa tidak kisah dan melarang sebanyak 57.5% atau 107 orang responden dan alasan tidak ada

jadual waktu yang spesifik dikenakan oleh ibu bapa untuk masuk ke bilik mereka dan anggota keluarga yang lain adalah sebanyak 43.6% atau 81 orang. Mempunyai tabiat suka berkumpul dengan kawan-kawan pula menjadi alasan kepada responden yang suka mengumpat pasal orang lain dengan dapatan sebanyak 42.5% atau 79 orang pelajar. 37.6% atau seramai 70 orang daripada 186 responden tidak memberi salam kepada guru bukan mahram mereka kerana malu dengan guru tersebut. Manakala 26.3% atau 49 orang mengaku bahawa mereka cenderung menjawab salam daripada individu bukan mahram selain tujuan pendidikan dan pembelajaran kerana rasa takut dikatakan sombong.

Kesimpulan (4.2.2.3)

Sebagai kesimpulannya, setelah ketujuh-tujuh aspek telah dianalisa alasannya, pengkaji mendapati bahawa responden lebih cenderung melanggar batas-batas pergaulan kerana dua faktor utama. Faktor yang pertama ialah faktor dalaman responden sendiri manakala faktor yang kedua ialah faktor luaran. Faktor dalaman yang dimaksudkan oleh pengkaji ialah faktor kelemahan diri pelajar itu sendiri berdasarkan beberapa keadaan seperti perbuatan memanggil dengan nama yang buruk dan memberi salam kepada orang bukan mahram adalah kerana semata-mata gurauan dan suka-suka. Perbuatan mengumpat pula adalah berpunca daripada tabiat suka berkumpul dan melepak dengan kawan-kawan. Selain itu, perbuatan mengelakkan diri daripada memberi salam kepada guru bukan mahram yang mengajar adalah bermula daripada rasa malu yang tidak bertempat. Tambahan pula, perasaan takut dilabelkan sebagai individu yang sombong dan angkuh merupakan sebab mereka menjawab salam daripada individu yang bukan mahram.

Faktor luaran pula ialah faktor kelemahan ibu bapa, Mereka tidak mengadakan satu peraturan sosial di rumah. Keadaan ini terbukti apabila dapatan kajian menunjukkan bahawa responden tidak meminta izin untuk masuk ke dalam bilik ibu bapa dan anggota keluarga yang lain atas alasan orang tua mereka tidak kisah dan melarang. Tambahan pula, pendirian pengkaji dikuatkan lagi dengan aspek perbuatan responden tidak mengikut waktu yang ditetapkan oleh Islam apabila masuk ke bilik kerana dapatan kajian mendapati tidak ada jadual waktu yang spesifik telah disediakan oleh ibu bapa.

Kenyataan longgarnya kawalan ibu bapa ini disokong oleh Aerisuli binti Awang dalam kajiannya tentang keinginan pelajar agar batasan pergaulan dilonggarkan menunjukkan 10.4% responden berhasrat sedemikian kerana itulah corak hidup keluarga mereka di rumah.¹⁰⁷

Oleh hal yang demikian, pelbagai pihak perlu memainkan peranan masing-masing dalam memacu pergaulan seharian pelajar supaya tidak melampaui batas pada masa akan datang. Para pelajar khususnya perlu membuat transformasi diri mengawal setiap tingkah laku berasaskan ilmu daripada kurikulum PSI yang dipelajari di peringkat sekolah terutamanya di tingkatan lima. Ibu bapa pula amnya perlu bersikap tegas dan peka dalam mendidik anak-anak seperti membiasakan mereka dengan peraturan yang digariskan oleh Islam ketika bersosial dengan anggota keluarga di rumah. Gaya pendidikan seperti ini akan menghindarkan mereka daripada mudah terjebak dalam

¹⁰⁷ Aerisuli binti Awang (2011), *Penghayatan Ibadah dan Kesannya Terhadap Hubungan Sosial di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu*, Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. h. 93.

gejala sosial yang semakin meruncing dari sehari ke sehari akibat ledakan teknologi maklumat yang sukar dikawal.

4.3 PENUTUP

Berdasarkan kepada ketiga-tiga item (4.2.2.1, 4.2.2.2 dan 4.2.2.3) dalam bab 4 ini dapat dirumuskan secara umumnya bahawa PSI masih berkesan membataskan pergaulan di kalangan pelajar dalam rutin kehidupan seharian mereka. Seterusnya, punca sebenar pelanggaran batas pergaulan didominasi oleh faktor luaran berbanding faktor dalaman. Manakala aspek kefahaman pelajar terhadap kurikulum PSI berada di tahap yang tinggi, sementara tahap penghayatan pula adalah sederhana. Penulis akan membuat rumusan dapatan kajian dalam bab 4 ini secara lebih terperinci dalam bab 5 nanti.

BAB LIMA

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 PENGENALAN

Bab ini akan mengemukakan suatu rumusan kepada kajian yang telah dijalankan di dua buah sekolah di Kuala Terengganu iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Tok Jiring dan Sekolah Berasrama Penuh Intergrasi (SBPI) Batu Rakit . Perbincangan terbahagi kepada lima aspek iaitu ringkasan kajian, rumusan, dapatan kajian, saranan kajian lanjutan dan penutup.

5.2 RINGKASAN KAJIAN

Kecemerlangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring dan Sekolah Berasrama Penuh Intergrasi Batu Rakit di Kuala Terengganu, Terengganu telah menarik minat pengkaji untuk mengkaji keberkesanan kurikulum mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah Tingkatan Empat terhadap pergaulan pelajar. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui tahap kefahaman pelajar sama ada mereka memahami kurikulum yang berkaitan dengan pergaulan mereka seharian dengan rakan, ibu bapa, guru dan masyarakat sekeliling.

Antara aspek kurikulum yang dikaji ialah aspek keizinan ibu bapa dan anggota keluarga membenarkan pelajar masuk ke dalam bilik dan kepatuhan pelajar akan waktu yang digariskan oleh Islam untuk membolehkan mereka memasuki kamar ahli keluarga. Selain itu, pengkaji juga menyentuh aspek larangan memanggil seseorang dengan panggilan yang buruk dan mengumpat. Aspek yang ketiga diselidik oleh pengkaji ialah aspek memberi dan menjawab salam kepada individu yang bukan mahram.

Pengkaji juga ingin mengetahui tahap penghayatan para pelajar terhadap kurikulum Pendidikan Syariah Islamiah sama ada mereka betul-betul menghayati ilmu yang dipelajari dengan baik hingga dapat menterjemahkan ilmu tersebut ke dalam bentuk perbuatan atau tingkah laku ketika menjalani kehidupan seharian sama ada di sekolah, rumah dan luar. Untuk mengetahui tahap penghayatan tersebut, pengkaji ingin melihat sama ada pernah atau tidak pelajar melakukan perbuatan yang selari dengan kehendak kurikulum yang dipelajari di sekolah atau melanggar batas-batas pergaulan yang diinginkan oleh Islam walaupun mereka mempelajari tentang konsep pergaulan dalam sukatan mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah di Tingkatan Empat. Aspek penghayatan yang dikaji oleh pengkaji juga melibatkan aspek adab bergaul dengan ahli keluarga iaitu perbuatan meminta izin dan mengikut waktu yang dibenarkan oleh Islam sebelum memasuki bilik, adab bergaul dengan kawan seperti larangan memanggil dengan nama yang buruk, mengumpat serta memberi dan menjawab salam antara bukan mahram dan adab bergaul dengan guru bukan mahram seperti memberi salam. Semua aspek ini terdapat dalam buku teks PSI Tingkatan Empat.

Selain itu, pengkaji juga ingin mengkaji tentang alasan-alasan yang wujud jika ada pelajar melanggar batas pergaulan. Pengkaji ingin melihat apakah alasan-alasan yang menyebabkan mereka melanggar batas pergaulan dan apakah alasan yang lebih dominan mendorong mereka bersikap negatif dalam tindakan. Aspek yang dikaji oleh pengkaji adalah sama seperti aspek kajian tahap penghayatan iaitu adab memasuki bilik ibu bapa dan anggota keluarga seperti permintaan izin untuk masuk ke bilik anggota keluarga dan pematuhan waktunya, memanggil dengan gelaran yang buruk dan mengumpat serta adab memberi salam kepada orang bukan mahram.

5.3 RUMUSAN KAJIAN

Kajian terhadap keberkesanan kurikulum mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah terhadap pergaulan pelajar adalah begitu penting. Hal ini adalah kerana modal insan yang akan memacu ketamadunan dan peradaban negara pada masa akan datang perlu dilengkapi dengan ilmu yang mantap dan tepat terlebih dahulu sebelum melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai khalifah Allah. Keberkesanan kurikulum tersebut akan menentukan corak pergaulan pelajar dengan orang di sekelilingnya termasuklah ibu bapa dan anggota keluarga yang lain, rakan taulan, guru dan masyarakat sekeliling mereka. Oleh itu, keberkesanan kurikulum mata pelajaran PSI terhadap pergaulan pelajar ini adalah penting dan relevan untuk dicapai sebagaimana yang telah dibincangkan dalam Bab Dua.

5.4 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian telah dirumuskan kepada tiga bahagian utama iaitu kefahaman pelajar tentang kurikulum mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah Tingkatan Empat dalam aspek pergaulan, tingkah laku pelajar dalam aspek pergaulan seharian sebagai kesan penghayatan PSI tersebut dan alasan-alasan pelanggaran batas pergaulan dan kaitannya dengan pembelajaran PSI Tingkatan Empat.

5.4.1 Kefahaman pelajar tentang kurikulum Pendidikan Syariah Islamiah

Tingkatan Empat dalam aspek pergaulan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kefahaman pelajar terhadap kurikulum mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah tentang aspek pergaulan adalah tinggi (Jadual 4.2.2.1.9). Data dalam jadual tersebut menunjukkan bahawa sebanyak 90.0% responden secara puratanya memahami sukatan mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah yang diajar oleh guru di dalam kelas. Jadi, majoriti daripada responden menguasai kurikulum PSI tentang pergaulan dengan baik. Ini menunjukkan bahawa kurikulum yang dibekalkan oleh kementerian pelajaran begitu sesuai dengan tahap pemikiran pelajar tingkatan empat dan diterima baik oleh mereka. Oleh itu, kefahaman yang dominan ini memberi petunjuk kepada pengkaji untuk merumuskan bahawa kurikulum berkaitan pergaulan dalam sukatan mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah amat berkesan kepada responden dalam memacu pergaulan yang Islamik.

Secara keseluruhan, sejumlah besar responden minat kepada mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah (Jadual 4.2.1.2). Dapatan kajian menunjukkan bahawa

seramai 184 iaitu sebanyak 98.2% daripada 186 orang yang meminati mata pelajaran ini. Atas faktor minat ini, kefahaman responden menjadi positif kerana minat membaca yang mendalam untuk menambah ilmu pengetahuan yang sedia ada. Kenyataan tentang minat ini disokong oleh kajian Zaliha binti Yusoff dalam kajiannya ke atas minat membaca di kalangan pelajar lelaki tingkatan empat menunjukkan punca utama yang mempengaruhi minat membaca ialah untuk menambahkan ilmu pengetahuan sedia ada.¹⁰⁸

Aspek kefahaman juga ada hubungkait dengan pencapaian akademik seseorang. Pelajar yang gagal dalam peperiksaan akibat gagal memahami ilmu yang disampaikan oleh tenaga pengajar menyebabkan mereka terlalu cenderung bergaul bebas. Penyataan ini disokong oleh Ainun Afifah binti Mustapha dalam kajiannya tentang khalwat dan salah laku di kalangan remaja di Kota Bharu menunjukkan hasil temubual dengan Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu sepanjang tahun 2001 hingga 2005, seramai 198 daripada 350 orang responden yang gagal peperiksaan cenderung berkhalwat dan bersalah laku¹⁰⁹. Ini jelas menunjukkan bahawa kefahaman yang mendalam tentang kurikulum dapat menzahirkan tingkah laku yang baik dalam pergaulan pelajar.

Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa kurikulum mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah amat berkesan dan sesuai kepada para pelajar untuk

¹⁰⁸ Zaliha bt Yusoff (2000), *Minat Membaca di Kalangan Pelajar Lelaki Tingkatan Empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Ampang*, Kuala Lumpur : Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. h. 39.

¹⁰⁹ Ainun Afifah binti Mustapha (2007), *Khalwat dan Salah Laku di Kalangan Remaja : Suatu Kajian di Kota Bharu*, Kuala Lumpur : Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. h.64-65.

mengawal dan membataskan pergaulan mereka supaya gejala-gejala negatif dalam kehidupan sosial pelajar dapat ditangkis dengan bijak.

5.4.2 Tingkah laku pelajar dalam aspek pergaulan seharian sebagai kesan penghayatan mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah Tingkatan Empat

Tingkah laku atau perbuatan yang terhasil selaras dengan ilmu yang dipelajari menunjukkan satu penghayatan yang bermakna dalam diri pelajar. Apabila penghayatan sesuatu ilmu itu dikuasai dengan baik, maka tindak-tanduk dan amalan seharian dalam pergaulan mereka menjadi positif. Dapatan kajian mendapati bahawa sebanyak 56.1% bersamaan 104 orang daripada jumlah keseluruhannya mengakui melanggar batas-batas pergaulan yang digariskan oleh Islam (Jadual 4.2.2.2.12). Dengan kata lain, majoriti daripada responden tidak sepenuhnya menghayati kurikulum yang dipelajari.

Sebagai kesimpulan, setelah semua kelakuan responden dianalisa, pengkaji mendapati bahawa penghayatan pelajar terhadap kurikulum mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah Tingkatan Empat adalah sederhana. Hal ini adalah kerana terdapat lebih daripada separuh responden yang melanggar batas pergaulan walaupun mereka memahami kurikulum yang dikaji. Oleh itu, kurikulum yang disediakan oleh unit kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia masih lagi berkesan untuk menangani masalah pergaulan luar batasan dalam kalangan pelajar ketika menjalani kehidupan seharian mereka sama ada di rumah, sekolah dan luar.

5.4.3 Alasan-alasan pelanggaran batas pergaulan dan kaitannya dengan pembelajaran Pendidikan Syariah Islamiah Tingkatan Empat

Setelah alasan-alasan yang menyebabkan responden melanggar pergaulan seharian dianalisa, dapatan kajian menunjukkan bahawa salah laku responden banyak tertumpu kepada alasan-alasan yang berpunca daripada faktor dalaman iaitu kelemahan diri sendiri berbanding faktor luaran. Alasan-alasan daripada faktor dalaman menyumbang sebanyak 5/7 daripada faktor luaran yang mencatatkan 2/7 sahaja (Jadual 4.2.2.3.8). Hal ini menggambarkan bahawa salah laku dalam pergaulan seharian responden adalah berpunca daripada kesilapan mereka sendiri yang memilih melakukan sesuatu di luar batasan pergaulan atas dasar menjaga hubungan dengan manusia semata-mata bukannya ingin menjaga hubungan dengan Pencipta mereka iaitu Allah (s.w.t.).

Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa alasan-alasan yang menjadi punca responden melakukan kesalahan dalam pergaulan adalah majoritinya berpunca daripada kelemahan responden itu sendiri yang gagal mengikut apa yang dipelajari dan difahami semata-mata ingin menjaga hubungan mereka dengan manusia bukannya dengan Allah (s.w.t.). Pendedahan tentang alam akhirat akibat tidak menjaga hubungan dengan Ilahi perlu diberi penekanan dalam kurikulum mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah dari semasa ke semasa.

5.5 KESIMPULAN DAPATAN KAJIAN

Kesimpulan dapatan kajian adalah berdasarkan tiga aspek iaitu aspek kefahaman responden tentang kurikulum PSI, tahap penghayatan terhadap kurikulum PSI, alasan pelanggaran batas pergaulan seharian.

5.5.1 Kefahaman Responden Tentang Kurikulum PSI

Kefahaman responden terhadap kurikulum PSI dalam aspek pergaulan adalah sangat tinggi dan memberangsangkan. Ini dapat dilihat melalui purata peratusan kefahaman hingga mencapai 90% (Jadual 4.2.2.1.9).

5.5.2 Tahap Penghayatan Terhadap Kurikulum PSI

Tahap penghayatan terhadap kurikulum adalah sederhana. Ini dapat dilihat melalui purata tahap penghayatan menunjukkan 43.9% (Jadual 4.2.2.2.12) dan purata peratusan kefahaman dan penghayatan menunjukkan kefahaman mengatasi penghayatan (Jadual 4.2.2.2.13).

5.5.3 Alasan Pelanggaran Batas Pergaulan

Alasan pelanggaran batas pergaulan menunjukkan dominasi alasan berpunca daripada faktor dalaman pelajar berbanding faktor luaran. Ini dapat dilihat melalui peratusan alasan yang dominan (Jadual 4.2.2.3.8).

Akhir sekali, dapatan kajian menunjukkan kurikulum pendidikan Syariah Islamiah Tingkatan Empat masih lagi berkesan membataskan pergaulan pelajar seharian

berdasarkan ketiga-tiga aspek kajian iaitu aspek kefahaman kurikulum, aspek penghayatan dan aspek alasan-alasan pelanggaran batas pergaulan pelajar seharian.

5.6 SARANAN KAJIAN

Untuk meningkatkan keberkesanan kurikulum Pendidikan Syariah Tingkatan Empat terhadap pergaulan pelajar, pengkaji membuat saranan seperti berikut:

1. Kepada Kementerian Pelajaran Malaysia khususnya Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral perlu menyemak semula kandungan buku teks pada bahagian Ayat Hukum dan Hadis Hukum dengan menambah beberapa tajuk lain berkaitan pergaulan pelajar pada masa kini terutamanya pergaulan yang melibatkan teknologi maklumat seperti pergaulan pelajar dengan media elektronik iaitu “Facebook, Instagram, Skype dan Whatsapp” di samping tajuk yang berkaitan dengan masalah kehidupan remaja kini supaya persoalan masalah mereka terjawab. Pengkaji ingin menyarankan agar tajuk Rukhsah Tayammum, Qiamullail dan Puasa Ramadhan di bahagian Ayat Hukum digugurkan memandangkan pelajar sudah mempelajarinya pada menengah rendah iaitu di tingkatan 1, 2 dan 3 dan pada bahagian Hadis Hukum pula ditambah. Tajuk-tajuk bersifat semasa dan kritikal seperti adab bersosial di laman media elektronik, adab bergurau senda dengan rakan dan keluarga dan adab menyelesaikan masalah peribadi dalam Islam pada pandangan pengkaji amat sesuai bagi menerapkan pergaulan positif dalam kalangan mereka.

2. Buku teks Pendidikan Syariah Islamiah Tingkatan Empat juga perlu dimuatkan dengan perbincangan tentang impak tingkahlaku pelajar di akhirat nanti iaitu gambaran kegembiraan jika melakukan pergaulan yang positif manakala penyiksaan jika melaksanakan hubungan terlarang pada akhir setiap tajuk supaya pelajar berasa terdorong melakukan kebaikan di samping gerun untuk melakukan kejahatan.

3. Kepada pelajar, mereka seharusnya bergaul dengan manusia atas dasar menjaga hubungan dengan Allah bukannya semata-mata kerana manusia supaya pelajar menyedari bahawa sikap dan tingkah laku dalam pergaulan diperhatikan dan diawasi oleh pencipta mereka.

4. Kepada guru, pengkaji ingin menyarankan agar mereka menyelitkan tentang dosa dan pahala apabila pelajar bergaul dengan orang lain dalam sesi pengajaran dan pembelajaran supaya mereka sedar tentang perbuatan mereka sebenarnya ada kredit dan merit.

5. Kepada ibu bapa dan ahli keluarga, pengkaji ingin menyarankan agar mereka perlu bersikap tegas tentang bab pergaulan. Ibu bapa perlu menetapkan garis panduan anak-anak dan ahli anggota yang lain apabila ingin berurusan. Ibu bapa perlu menegaskan kewajipan anak-anak dan ahli anggota yang lain meminta izin sebelum memasuki bilik dan menyediakan jadual waktu yang spesifik kepada mereka. Ahli anggota yang lain perlu ingat-mengingati antara satu sama lain apabila bergaul di rumah.

6. Kepada sekolah, pengkaji ingin menyarankan agar program-program yang berkaitan dengan batas-batas pergaulan perlu diteruskankan dengan lebih kerap dari semasa ke semasa agar kesedaran tentang menjaganya dapat dikukuhkan. Hubungan pelajar dengan kenalan di laman sesawang seperti 'Facebook', 'Instagram' dan 'Whatsapp' perlu dijelaskan supaya mereka sedar bahawa aplikasi tersebut juga tergolong dalam bab pergaulan. Aspek ini tidak boleh diabaikan kerana ramai pelajar akan tertipu dengan helah seseorang melalui medium ini.

5.7 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Pengkaji ingin membuat beberapa cadangan kajian lanjutan untuk dilaksanakan oleh pengkaji pada masa akan datang. Cadangan kajian adalah seperti berikut:

1. Membuat kajian keberkesanan kurikulum Pendidikan Syariah Islamiah terhadap pergaulan pelajar di sekolah agama bantuan kerajaan (SABK) di luar bandar.
2. Mengkaji kecenderungan pelajar menggunakan laman sesawang dan kesannya terhadap pergaulan pelajar dengan orang sekeliling.
3. Mengkaji sumbangan kaunselor sekolah membantu pihak sekolah menangani masalah pergaulan bebas dalam kalangan pelajar.
4. Mengkaji persepsi ibu bapa terhadap pengawasan batas pergaulan anak-anak di rumah.
5. Membandingkan peranan masyarakat membanteras pergaulan bebas dalam kalangan remaja di tempat sendiri dengan tempat lain..

6. Mengkaji usaha-usaha Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) setempat menyekat pergaulan bebas antara pelajar dalam program anjurannya.

5.8 PENUTUP

Sebagai penutup perbincangan dalam bab ini, pengkaji ingin membuat kesimpulan bahawa keberkesanan kurikulum Pendidikan Syariah Islamiah adalah penting untuk mencorakkan pergaulan positif dalam kalangan pelajar di peringkat sekolah dan rumah. Pergaulan berlandaskan kehendak agama dalam kelompok kecil ini menunjukkan intepretasi masyarakat futuristik dalam kelompok besar yang kaya dengan nilai-nilai murni apabila mereka menjalani kehidupan sebenar kelak. Tingkahlaku generasi muda pada hari ini menggambarkan perangai masyarakat pada masa akan datang. Harapan untuk melihat generasi baharu menjaga tatasusila semasa berinteraksi dengan pelbagai pihak sememangnya menuntut paduan tenaga daripada pelajar sendiri, ibu bapa, sekolah dan masyarakat sekeliling. Pengkaji mengharapkan agar pelajar yang berwibawa hasil daripada keberkesanan kurikulum ini mampu menjana pergaulan yang bebas daripada kebejatan sosial hingga suatu hari kelak dapat ditiru dan diteladani oleh generasi selepasnya, In Syā' Allah.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran dan Terjemahannya, Tafsir Pimpinan al-Rahman, Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM), Kuala Lumpur : Darul Fikr. c.11. 2001

Al-Quran dan Terjemahannya, Perisian Komputer “Word al-Quran” .

Abd al-Karīm Zaidān, *al-Mufaṣṣal fi Ahkām al-Mar’ah wa al-Bait al-Muslim fi al-Syarī’ah al-Islāmiyyah*, Jzk.2. cet.ke-2, Beirut : Muassasah al-Risālah. jzk.2.c.2.1994.

Abdullah bin Jarullah, *Hak dan Kewajipan Wanita Menurut Islam*, Ismail Tuan Haji Shafi’ee al-Bakabi (terj.), Kuala Lumpur : al-Hidayah Publishers, al-Tayyibi.2000.

Abdullah Hussain, *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*, cet.ke-5, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004.

Abdullah Yusuf Ali, *Al-Quran, Terjemahan dan Huraian Maksud*. (Terjemahan : Muhammad Uthman el-Muhammadi). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.

Abū Abdullah Muhammad bin Abdullah al-Ḥākīm al-Naisāburi, *al-Mustadrak ‘Ala al-Ṣaḥīḥain*, Kaherah : Dār al-Ma‘rifah, 1998.

Abū al-Walīd Sulaimān bin Khalaf al-Bajī al-Andalūsi, *Al-Muntaqā Syarh Muwaṭṭa'* Malik, *Kitāb al-Aqdi al-Musāmaḥah al-Jar*, cet.1, Kaherah: Dār al-Sa'ādah, 1332H.

Abū Ḥāmid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad al-Ghazālī, *al-Mustaṣfā min Ilm al-Uṣūl*, Dār al-Iḥya' al-Turāth al-Arabi, jzk.1, Beirut, Tanpa tempat cetakan, t.t.

Abū Sulaimān bin Aḥmad bin Muhammad al-Khaṭṭābi al-Busti, *Ma'ālim al-Sunan, Syarḥ Sunan Abi Daud. Kitāb al-Nikāḥ, Bāb al-Rajul Yanzur ila al-Mar'ah Wahuwa Yurīd an Yatazawwajaha*. cet.1, jzk.3, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1991.

Aerisuli binti Awang, *Penghayatan Ibadah dan Kesannya Terhadap Hubungan Sosial di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu*, Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011.

Ahmād 'Ayad et.al. *al-Mu'jam al-'Arabi al-Asāsi*, T.T.P : Larousse, 1989.

Ahmad Syawqī al-Fanjārī, *al-Ikhtilāf fī al-Dīn wa fī al-Tārikh wa fī 'Ilmi al-Ijtima'*, Al- Hai'ah al-Miṣriyyah al-'Āmmah lī al-Kitāb, t.t.

Ainun Afifah binti Mustapha, *Khalwat dan Salah Laku di Kalangan Remaja : Suatu Kajian di Kota Bharu*, Kuala Lumpur : Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya, 2007.

AL.Ramaiah, *Penyelidikan Keberkesanan Sekolah : Masalah Konsepsi dan Metodologi*, Kuala Lumpur : Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 1995.

Al-Fārisi, al-Amīr ‘Alā’ al-Dīn ‘Ali bin Bulban, *Al-Iḥsan bi Tartīb Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibban*. cet.1, jld.8, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1987.

Al-Nawāwi, Imām Abu Zakariya Yahya bin Syarf , *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn min Kalām Sayyid al-Mursalīn*. Terjemahan : H.Salim Bahreisy, jld.1-2, Kuala Lumpur. Victoriy Agency, 1995.

Al-Nawāwi, Muhy al-Dīn Abi Zakariya Yahya bin Syarf, *al-Adhkār al-Muntakhibah min Kalām Sayyid al-Abrār (s.a.w.)* Kaherah. Dār al-Kutub al-‘Arabiyyah, t.t.

Al-Tirmīzi, Muhammad ‘Isa bin Surah, *Sunan al-Tirmīzi*. Terjemahan: H.Mohd Zuhri (Drs), jld.3, Kuala Lumpur: Victory Agency, 1993.

Anisah Ab. Ghani, *Batas-Batas Pergaulan Antara Lelaki dan Perempuan Dalam Masyarakat Islam Kini : Satu Huraian Hukum*. Kertas kerja ini dimuatkan dalam buku *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001.

Arbak binti Othman, *Kamus Komprehensif Bahasa Melayu*, cet.1, Shah Alam : Fajar Bakti, 2005.

Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, *Buku Panduan Kursus Peningkatan Kurikulum Pendidikan Syariah Islamiah*, c.1, Putrajaya, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006.

Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia, *Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah Tingkatan Empat*, Dawama Sdn. Bhd., Ampang, Selangor, 2002.

Dewan Masyarakat, jld. 48, Ogos 2010.

Fathī Yakan, *Mā Dhā Ya 'ni 'an Intimā'i li al-Islām*, cet. ke-10, Beirut: Muassasah al-Risālah, 1983.

Fathiyah Mohd. Fakhruddin, *Pembangunan Akhlak Remaja Mengikut al-Quran*. Disertasi Sarjana Pengajian Islam. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2002.

Fatimah Ali, *Masalah Sosial Pelajar Dan Hubungannya Dengan Kemerosotan Pembelajaran* dalam Jurnal Usuluddin (MYAIS), Bil.25, 2007.

Haya binti Mubarak al-Barik, *Ensiklopedia Wanita Muslimah*, Amir Hamzah Fachrudin (terj.), cet.1, Jakarta : Darul al-Falah, 1998.

Heyneman S.P. dan Loxley W.A, *The Effect of Primary School Quality on Academic Achievement Across Twenty Nine High and Low Income Countries*, dalam American Journal of Sociology, 1982.

<http://www.darul kautsar.com/fatwaqardawi/salam.htm>

<http://www.e-fatwa.gov.my/blog/bolehkah-menjawab-salam>.

<http://www.e-fatwa.gov.my/blog/bolehkah-menjawab-salam-daripada-orang-bukan-islam>.

Ibn Ḥajar al-‘Asqalāni. Ahmad bin ‘Ali bin Muhammad bin Muhammad bin ‘Ali bin Mahmūd bin Ahmad bin Ḥajar al-Kannani al-‘Asqalāni, *Fatḥ al-Bāri bi Syarḥ al-Bukhāri*. jzk.9, Kaherah : Maṭba‘ah Mustafa al-Babi al-Ḥalabi, 1986.

Ibn Ḥajar al-‘Asqalāni. Ahmad bin ‘Ali bin Muhammad bin Muhammad bin ‘Ali bin Mahmūd bin Ahmad bin Ḥajar al-Kannani al-‘Asqalāni, *Fatḥ al-Bāri bi Syarḥ al-Bukhāri*. jzk.10, Kaherah : Maṭba‘ah Mustafa al-Babi al-Ḥalabi, 1986.

Ibn Ḥajar al-‘Asqalāni. Ahmad bin ‘Ali bin Muhammad bin Muhammad bin ‘Ali bin Mahmūd bin Ahmad bin Ḥajar al-Kannani al-‘Asqalāni, *Fatḥ al-Bāri bi Syarḥ al-Bukhāri*. jzk.11, Kaherah : Maṭba‘ah Mustafa al-Babi al-Ḥalabi, 1986.

Ibn Manẓur. Muhammad bin Mukarram bin ‘Alī bin Ahmad bin Manẓūr al-Ansārī al-Ifriqī al-Misrī al-Khazrajī Jamāl al-Dīn Abū al-Faḍl, *Lisān al-‘Arab*, cet. ke-3, jzk.7, Beirut : Dār al-Ṣādir, 1994.

Ibn Qudāmah, Abī Muḥammād ‘Abd Allāh bin Aḥmād bin Muḥammād bin Qudāmah, *al-Mughnī*, cet.ke-2, jzk.9, Kaherah : Hijr li al-Tibā‘ ‘wa al-Nasyri wa al-Tauzi’ wa al-I‘lān, 1992.

Ibrāhim Anis et.al, Ibrahim Mustafa, Ahmad Hasan al-Zayyat, Hamid ‘Abd al-Qadir, Muhammad ‘Ali al-Najjar. *al-Mu’jam al-Wasīf*, t.p : t.t.

Janez Volgrinc, *Action Research in Schools-An Important Factor in Teachers’ Professional Development*, Journal Educational Studies, vol.35, no.1, 2009.

Jawatankuasa Pascasiswazah Bahasa Arab Universiti Malaya, *Transliterasi Huruf Arab-Rumi*. Kuala Lumpur : Fakulti Bahasa Dan Linguistik Universiti Malaya, 2003.

Johnson, D.W. *Co-orarative Learning : The Social and Intellectual Outcomes of Learning in Group*, New York : Routledge Falmer, 2003.

Kamal Hassan, *Peranan Akhlak Dalam Pendidikan*, dalam Jurnal Pendidikan Islam. edisi April, 1998.

Kamus Dewan, edisi ke-3, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.

Kementerian Pelajaran Malaysia, *Kertas Dasar Semakan Kurikulum Pendidikan Islam*, 2002.

Kementerian Pendidikan Malaysia, *Akta Pendidikan 1996: Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) P.U. (A) 531*. 1997.

Kementerian Pendidikan Malaysia, *Sukatan Pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000.

Kementerian Pendidikan Malaysia, *Buku Teks Pendidikan Syariah Islamiah Tingkatan 4*, cet.1, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.

Kementerian Pendidikan Malaysia, *Buku Teks Pendidikan Syariah Islamiah Tingkatan 5*, cet.1, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003.

Kementerian Pendidikan Malaysia, *Sukatan Pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.

Khalil Ahmad al-Sahar Nufuri (Syeikh), *Badhl al-Majhūd fi Ḥall Abī Daud, Kitāb al-Ṣolāt, Bāb Matā Yu'mar al-Ghulām bi al-Ṣolāt*. jzk.3, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.

Mohamad b. Arifin, Mohd. Zaini b. Yahya & Afendi b. Sahi, *Buku Teks Pendidikan Syariah Islamiah Tingkatan Empat KBSM*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Ampang, 2003.

Mohd. Khir bin Kassim, *Khazanah Penulisan Karangan*, Shah Alam : Cerdik Publications Sdn. Bhd, 2014.

Mohd. Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, cet.ke-4, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.

Muhammad bin ‘Ali al-Syaukāni, *Nail al-Auṭār* . Kaherah: Dār al-Ḥadīs, 1993.

Nik Ismah Nik Abdul Rahman, *Bentuk Pakaian Wanita Islam Bekerja*, cet.ke-2, Kuala Lumpur : Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri, 1989.

Noor Azah binti Abd Rahman, *Batasan Pergaulan Semasa Majlis Keramaian : Kajian Di Alor Setar, Kedah*, Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009.

Noresah binti Baharom et.al. *Kamus Dewan*. edisi 3, cet.ke-5, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000.

Noresah binti Baharom et.al. *Kamus Dewan*, edisi 4, cet.ke-3, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.

Ragunathan A/L Ayyavoo, *Hubungan Antara Masalah Disiplin Dengan Pencapaian Akademik Di Sebuah Sekolah Swasta Di Kuala Lumpur*, Disertasi Sarjana, Kuala Lumpur : Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, 2000.

Rutter M. *Fifteen Thousand Hours*, London : Open Books, 1979.

Syeikh ‘Ukāsyah ‘Abd al-Mannan al-Tayyibi, *Etika Muslimah*, Alimin & H.Fauzan Jamal (terj.), cet.ke-2, Jakarta : CV. Cendekia Sentra, 2002.

Utusan Malaysia, 12 Ogos 2010.

Utusan Malaysia, 31 Julai 2010.

Wahbah al-Zuhaili (Prof. Dr.), *Fiqh al-Islam wa Adillatuh*. jzk.2, Damsyik. Dār al-Fikr, 1989.

Wahbah al-Zuhaili (Prof. Dr.) *Al-Tafsīr al-Munīr fī al-‘Aqāidah wa al-Syari‘ah wa al-Manhaj*. Jzk.18, Beirut : Dar al-Fikr al-Mu‘asir, 1991.

Wolfe, B.L. *Do Schools Make A Difference?*, dalam *American Economic Review*, 1977.

Yūsuf al-Qarḍāwī, (Prof. Dr.) *Fatāwa li al-Mar‘ah al-Muslimah*, Jordan : Dār al-Furqān, 1996.

Yūsuf al-Qarḍāwī. (Prof. Dr) *Wanita dalam Masyarakat Islam Menurut al-Quran dan al-Sunnah*, Muhammad Baihaqi (terj.), Kuala Lumpur : al-Hidayah Publishers, 2000.

Yūsuf al-Qarḍāwī (Prof. Dr). *Al-Ḥalāl wa al-Harām fī al-Islām*. Kaherah. Maktabah Wahbah, 1993.

Yūsuf al-Qarḏāwi, (Prof. Dr.) *Fatāwa Mu'āsirah*, Terjemahan: As'ad Yasin (Drs).
Jakarta. Gema Insani Press, 1996.

Zakaria Stapa, *Akidah dan Akhlak Dalam Kehidupan Muslim*, Kuala Lumpur : Utusan
Publication, 2001.

Zaki al-Dīn 'Abd al-'Azīm al-Mundhīri, *Mukhtaṣār Ṣaḥīḥ Muslim*. cet.1, Selangor.
Crescent News (KL) Sdn.Bhd, 2004.

Zaki al-Dīn 'Abd al-'Azīm al-Mundhīri, *Mukhtaṣār Ṣaḥīḥ al-Bukhāri*. cet.1, Selangor.
Crescent News (KL) Sdn.Bhd, 2004.

Zaki al-Dīn 'Abd al-'Azīm al-Mundhīri, *Bimbingan Lengkap Ṣaḥīḥ al-Bukhāri*.
Terjemahan: Muhammd Yusuf bin al-Kastāni (Dr). Selangor. Penerbitan Seribu Dinar,
2012.

Zaliha bt Yusoff, *Minat Membaca di Kalangan Pelajar Lelaki Tingkatan Empat di
Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Ampang*, Kuala Lumpur : Fakulti Pendidikan,
Universiti Malaya, 2000.

BORANG SOAL SELIDIK

TAJUK KAJIAN :

**KEBERKESANAN PENDIDIKAN SYARIAH ISLAMIAH TERHADAP
PERGAULAN PELAJAR : KAJIAN DI SEKOLAH MENENGAH
DI KUALA TERENGGANU**

TAHNIAH ! ANDA TERPILIH MENJAWAB SOALAN SOAL SELIDIK INI

Objektif soalan soal selidik ini dikemukakan adalah untuk mendapatkan pandangan dan respon anda sendiri sebagai pelajar tentang subjek Pendidikan Syariah Islamiah yang anda pelajari.

Adalah diharapkan anda menjawab sendiri semua soalan ini dengan jujur dan ikhlas berdasarkan pengalaman anda.

Perhatian: Anda **tidak perlu menulis nama atau menandatangani** kertas soalan ini. Semua maklum balas yang anda berikan adalah **sulit dan dirahsiakan**. Semua maklumat yang diberikan adalah **untuk tujuan kajian sahaja**.

**KAJIAN INI BERTUJUAN UNTUK MEMPEROLEHI DISERTASI
IJAZAH SARJANA SYARIAH
JABATAN FIQH DAN USUL
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA**

BAHAGIAN A:

Tandakan **bulat** (O) pada pernyataan yang berkaitan dengan diri anda pada nombor yang bersesuaian dengan anda.

1. Jantina
 - i. Lelaki
 - ii. Perempuan

2. Minat terhadap mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah
 - i. Ya
 - ii. Tidak

3. Nama sekolah anda
 - i. SMKA Tok Jiring
 - ii. SBPI Batu Rakit

BAHAGIAN B**BI**

Tandakan (_/) pada jawapan yang sesuai dengan kefahaman anda.

1. Sangat faham
2. Faham
3. Tidak pasti
4. Tidak faham
5. Sangat tidak faham

Bil	Soalan berkaitan fahaman tentang kurikulum	1	2	3	4	5
1	Adakah anda faham tentang meminta izin sebelum memasuki bilik ibu bapa dan anggota keluarga?					
2	Adakah anda faham tentang waktu yang ditetapkan oleh Islam sebelum memasuki bilik ibu bapa dan anggota keluarga yang lain?					
3	Adakah anda faham tentang larangan memanggil orang lain dengan gelaran yang buruk?					

4	Adakah anda faham tentang larangan mengumpat tentang orang lain?					
5	Adakah anda faham tentang hukum MEMBERI salam kepada guru apabila terserempak?					
6	SELAIN bertujuan pendidikan dan pembelajaran, adakah anda faham tentang hukum MEMBERI salam antara lelaki dan perempuan bukan muhrim?					
7	SELAIN bertujuan pendidikan dan pembelajaran, adakah anda faham tentang hukum MENJAWAB salam antara lelaki dan perempuan bukan muhrim?					

B II

Bil	Soalan-soalan tentang penghayatan terhadap kurikulum Pendidikan Syariah Islamiah yang dipelajari	Pernah	Tidak pernah
1	Pernahkah anda TIDAK meminta izin ibu bapa dan adik-beradik yang lain apabila memasuki bilik mereka?		
2	Pernahkah anda TIDAK mengikut waktu yang ditetapkan oleh Islam apabila memasuki bilik mereka?		
3	Pernahkah anda memanggil seseorang dengan gelaran yang buruk?		
4	Pernahkah anda mengumpat tentang orang lain?		

5	Pernahkah anda TIDAK memberi salam kepada guru apabila terserempak?		
6	SELAIN bertujuan pendidikan dan pembelajaran, pernahkah anda MEMBERI salam kepada pelajar yang bukan muhrim?		
7	SELAIN bertujuan pendidikan dan pembelajaran, pernahkah anda MENJAWAB salam daripada pelajar yang bukan muhrim?		

B III

Sekiranya anda memilih jawapan ‘**tidak pernah**’ pada soalan B II, sila abaikan soalan ini. Pilih mana-mana **satu** yang paling sesuai dengan diri anda dan tandakan (_/) dalam kurungan yang anda pilih.

1. Saya tidak meminta izin untuk memasuki bilik ibu bapa dan anggota keluarga kerana :
 - a. () Ibu bapa tidak kisah dan melarang
 - b. () Merasakan bilik ibu bapa seperti bilik sendiri
 - c. () Berasa keizinan itu tidak penting
 - d. () Ibu bapa sentiasa diperlukan
 - e. () Lain-lain, sila nyatakan :

2. Saya tidak mengikut waktu yang ditetapkan oleh Islam sebelum memasuki bilik mereka kerana:
 - a. () Tidak ada waktu yang spesifik ditetapkan oleh ibu bapa
 - b. () Ingin cepat berurusan dengan mereka
 - c. () Tidak dapat menunggu lama untuk bertemu
 - d. () Merasakan ibu bapa sentiasa perlu bersedia bersama anak-anak tanpa mengira waktu.
 - e. () Lain-lain, sila nyatakan:

3. Saya memanggil seseorang dengan nama yang buruk kerana:

- a. Terikut-ikut dengan kawan
 - b. Untuk bergurau dan suka-suka
 - c. Saya tidak menyukai individu tersebut
 - d. Menjadi kebiasaan keluarga
 - e. Lain-lain, sila nyatakan:
-

4. Saya mengumpat tentang seseorang kerana:

- a. Ibu bapa saya mengumpat tentang orang lain
 - b. Supaya orang lain tahu cerita sebenar
 - c. Suka berkumpul dengan kawan-kawan
 - d. Membenci individu terbabit
 - e. Lain-lain, sila nyatakan:
-

5. Saya TIDAK memberi salam kepada guru yang bukan muhrim apabila terserempak kerana:

- a. Tidak menyukai guru tersebut
 - b. Malu dengan guru tersebut
 - c. Tidak mahu dikenali
 - d. Guru tidak memberi salam kepada saya
 - e. Lain-lain, sila nyatakan:
-

6. Saya MEMBERI salam kepada pelajar yang bukan muhrim SELAIN bertujuan pendidikan dan pembelajaran kerana:

- a. Saya menyukai dan seterusnya ingin memikat
 - b. Dorongan kawan-kawan
 - c. Suka-suka
 - d. Meniru lakonan dalam filem
 - e. Lain-lain, sila nyatakan:
-

7. Saya MENJAWAB salam daripada pelajar yang bukan muhrim SELAIN bertujuan pendidikan dan pembelajaran kerana:
- a. () Berasa gembira apabila diberi perhatian oleh seseorang
 - b. () Untuk mengambil hati seseorang
 - c. () Terikut-ikut dengan pengaruh masyarakat sekeliling
 - d. () Takut dilabel sebagai sombong
 - e. () Lain-lain, sila nyatakan:
-

SOALAN TAMAT

